

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN -PERTANYAAN	(Halaman 1)
--	-------------

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2000

Jawatankuasa:

Jadual -

Maksud B. 44	(Halaman 14)
Maksud B. 45	(Halaman 21)
Maksud B. 46	(Halaman 50)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2000

Jawatankuasa:

Maksud P. 44	(Halaman 14)
Maksud P. 45	(Halaman 21)
Maksud P. 46	(Halaman 50)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Dr. Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P., S.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., S.P.M.P. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

- Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S., S.S.S.A.(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P., S.P.S.A. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N., D.P.M.P. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Dato' Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P., D.P.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)

Yang Berhormat Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N., D.P.M.P. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)

Yang Berhormat Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)

“ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)

“ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)

“ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)

“ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)

“ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)

“ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)

“ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)

“ Tuan Ng Lip Yong (Batu)

“ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)

“ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)

“ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)

“ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)

“ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)

“ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

“ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)

“ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)

“ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)

“ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)

“ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)

“ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)

“ Dato' Shanon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)

“ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)

“ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)

“ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)

“ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)

“ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)

“ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)

“ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)

“ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Klang)

“ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

“ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)

“ Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

“ Dato' Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)

“ Dato' Tiong Thai King, (Lanang)

“ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)

“ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)

“ Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff (Bachok)

“ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)

“ Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)

“ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)

“ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)

“ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)

“ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M., S.P.M.P.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN***Setiausaha Dewan Rakyat*

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

Alias bin Md. Nor

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 5 April 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN -PERTANYAAN**

1. **Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk membina satu laluan ataupun lebuh raya yang menghubungkan Taman Perindustrian Kota Kinabalu (dalam Bandaraya Kota Kinabalu) – Pekan Kiulu, (dalam daerah Tuaran) dan Randagong (dalam daerah Ranau). Jikalau ada, bilakah kerajaan akan memulakan projek tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Taman Perindustrian Kota Kinabalu-Pekan Kiulu-Randagong, Ranau adalah satu projek yang dicadangkan oleh JKR negeri Sabah untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang akan bermula pada tahun 2001 sehingga 2005. Kerajaan Persekutuan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap cadangan projek ini apabila menerima permohonan secara rasmi.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Soalan tambahan. Apakah *standard* jalan raya yang dicadangkan R3, R4 atau R5. Terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Yang pertamanya, Yang Berhormat, permohonan belum lagi dikemukakan kepada pihak Kerajaan Pusat. Apabila permohonan sudah dikemukakan maka barulah diputuskan, kerana bukan soal jalan yang akan ditetapkan dari segi standard tetapi sama ada projek itu diterima untuk dilaksanakan ataupun tidak dan ia bergantung kepada projek-projek yang lain yang dikemukakan kepada pihak kementerian.

2. **Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) mengapakah kerajaan menyekat kebenaran untuk mengimport barang keperluan seperti gula dan tepung dan tujuan sekatan pengimportan barangan perlu itu; dan
- (b) syarikat manakah yang dibenarkan untuk mengimport barangan tersebut dan mengapa hanya syarikat tertentu sahaja yang dibenarkan sedangkan jika tidak ada sekatan barangan tersebut dijangka boleh ditawarkan kepada para pengguna sehingga 20 atau 30 peratus lebih rendah dari harga sekarang.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan mengawal pengimportan barang-barang perlu seperti gula dan tepung untuk memastikan bekalan dalam negeri yang mencukupi dan harga yang stabil di sepanjang tahun. Kebenaran untuk mengimport gula mentah diberikan kepada empat pengilang-pengilang gula tapis tempatan, iaitu Central Sugar Refinery Sdn. Bhd., Gula Padang Terap

Berhad, Kilang Gula FELDA Perlis Sdn. Bhd. dan Malaysia Sugar Manufacturing Company Bhd. Kebenaran ini diberi kerana syarikat-syarikat tersebut mempunyai keupayaan dan kapasiti untuk mengimport dan memproses lebih daripada 1.8 juta tan metrik gula mentah setiap tahun.

- (b) Bagi tepung gandum, sembilan pengilang tempatan dibenarkan mengimport bijiran gandum untuk diproses dan dijadikan tepung gandum seperti berikut: Malaysia Flour Mills Berhad, Federal Flour Mills Berhad, Johor Bahru Flour Mills Berhad, United Malayan Flour Sdn. Bhd., Sabah Flour dan Fit Mills Sdn. Bhd., Kuantan Flour Mills Sdn. Bhd., Sembarang Flour Mills Sdn. Bhd., Sarawak Flour Mills dan Prestasi Flour Mills.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dasar semasa membenarkan tepung gandum diimport ke negara ini secara bebas dengan syarat ianya memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh SIRIM. Misalnya, pada tahun 1999 kelulusan diberi kepada Kuantan Flour Mills Sdn. Bhd. yang memohon untuk mengimport 1.65 metrik tan tepung gandum bernilai RM19,647.54.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar harga gula akan turun di antara 20% ke 30% daripada harga sekarang jika tidak ada kawalan. Malah harga runcit gula di Malaysia ialah RM1.45 sekilogram adalah lebih murah jika dibandingkan dengan Singapura - RM2.60, Indonesia - RM1.50, Filipina - RM1.99 dan Brunei RM2.70. Tepung gandum merupakan barangan kawalan di mana harga runcit juga ditetapkan oleh kerajaan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, Robert Cop dan keluarga begitu kaya dan di antara yang terkaya di Malaysia dan top ten di Asia. Monopoli import gula dan tepung ini dipelopori oleh beliau dan keluarganya, kenapa? Begitu juga harga gula tadi diberi perbandingan, saya ingat itu tidak kena, perbandingan harga mesti dilihat pada CPI – kalau misalnya gaji polis di London 2000 paun kalau kita kali dengan di sini ($2 \times 6 = \text{RM}12,000$). Tetapi untuk di London RM2,000 itu adalah gaji rendah. Jadi, jangan kita banding dengan begitulah harganya sebab ia ikut CPI tempatan. Soalnya, kenapa dibiarkan Robert Cop ini monopoli begitu lama. Adakah Robert Cop ini UMNO dan Barisan Nasional puas hati dengan beliau dan dia mengaut kekayaan dan tidak ada syarikat-syarikat bumiputera diberi untuk import, misalnya, KUB, PERNAS dan sebagainya. Kenapa tidak diberi kepada mereka ini sama untuk mengimport barang-barang utama yang kita tahu keuntungannya adalah terjamin.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, pengimportan barangan seperti gula dan tepung bukan satu perkara yang senang dan boleh menguntungkan begitu sahaja. Umpamanya, di dalam pengeluaran gula, kapasiti-kapasiti keempat-empat kilang itu adalah 1.4 juta metrik tan. Tetapi keperluan gula mentah semasa kurang daripada 1 juta tan. Oleh sebab itu, kelebihan kapasiti adalah lebih kurang 50%. Sesiapa yang ingin masuk ke bidang ini mesti menghadapi persaingan yang hebat. Sama ada ini boleh mendatangkan faedah ataupun tidak kita belum tahu lagi. Kalau PAS ingin masuk, boleh cuba. *[Tepuk]*

Yang kedua, jikalau kita tidak mengawal harga runcit itu, kita benarkan harga runcit gula dan tepung gandum itu diampungkan dengan pasaran, mungkin pasaran ini akan naik dan akan turun. Jadi, seperti di Brunei RM2.80 satu kilogram, di Singapura RM2.70 satu kilogram, mahukah PAS mengamalkan polisi ini?

3. **Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan jumlah hasil lesen TV yang telah dipulangkan kepada para pemegang lesen TV sejak tarikh pembayaran balik mula dibuat iaitu pada 17 Januari 2000 sehingga hari ini. adakah kerajaan bersedia melanjutkan tempoh pembayaran balik ini yang tamat pada 31 Julai 2000 kepada 31 Disember 2000 untuk pemegang lesen yang tinggal jauh di pedalaman.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 31 Mac 2000 sejumlah RM13,166,088 hasil TV telah dipulangkan kepada para pemegang lesen TV sejak pembayaran balik mula dibuat 17 Januari 2000. Kerajaan telah memberi tempoh yang panjang bagi pemegang lesen TV untuk mendapatkan pembayaran balik. Pemegang lesen TV boleh mendapat bayaran balik dengan mudah daripada mana-mana pejabat pos di seluruh negara sehingga 31 Julai 2000. Pada masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan masa bagi pembayaran balik melalui pejabat Pos.

Walau bagaimanapun, perkara ini akan diteliti semula menjelang akhir bulan Julai dan apa jua keputusan yang dibuat akan mengambil kira kepentingan dan kesejahteraan orang ramai.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini satu kementerian multimedia, semua tugas, semua kerja boleh disifatkan hendak cepat dan berkesan. Tetapi dalam proses menuntut balik bayaran TV ini mengapakah kementerian Yang Berhormat tidak menjelaskan dengan sejelas-jelasnya kepada pegawai-pegawai di pejabat pos di mana ada pemegang-pemegang lesen telah meninggal dunia dan pegawai pos meminta supaya orang itu sahaja boleh dapat tuntutan balik. Dia sudah meninggal dunia, ahli keluarganya mengeluarkan sijil mati dan juga lesen asal, patut itu dapat dikembalikan.

Satu lagi, mereka yang membayar sekali gus dua tahun, tiga tahun, empat tahun hingga lima tahun sebelum 1 April 1999 mereka tidak dapat tuntutan balik wang bayaran mereka sehingga baru-baru ini sahaja iaitu selepas lebih kurang tiga, empat bulan baru ada satu formula, baru ada satu arahan supaya tuntutan ini dibayar balik kepada mereka. Mengapa satu kementerian multimedia yang serba cepat dan berkesan boleh melambat-lambatkan membayar tuntutan balik lesen ini.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemegang lesen TV yang bayar selepas daripada 31 Mac 1999 boleh dapat bayaran balik mulai pada 17 Januari 2000 sehingga 31 Julai 2000. Orang yang telah bayar lesen TV untuk tiga tahun atau lima tahun mereka boleh menuntut bayaran balik lesen TV pada 13 Mac 2000 iaitu hingga 31 Julai 2000. Oleh itu, tuntutan bayaran balik lesen TV tidak menghadapi apa-apa masalah kerana di seluruh negara kita mempunyai pejabat pos berkomputer adalah 613. Jadi, di mana-mana satu pejabat pun pemegang lesen TV boleh menuntut bayaran balik lesen TV.

Tuan Yang di-Pertua, kepada pemegang lesen TV yang telah meninggal dunia, jadi keluarga dia atau wakil dia mempunyai surat kuasa mentadbir atau letters of administration, dengan izin, atau surat kuasa wasi, mereka boleh membuat tuntutan di pejabat pos. Setakat ini pemegang lesen TV tidak menghadapi apa-apa masalah. Jadi, Yang Berhormat kalau ada masalah beritahu saya, saya boleh tolong, apa masalah? *[Ketawa]*

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ada sedikit pandangan lain daripada Ahli Yang Berhormat bagi Bagan. Sebenarnya patut kita ucapkan terima kasih dahulu kepada kerajaan yang memutuskan supaya pulangkan bayaran lesen TV kepada rakyat. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan lebih kurang RM13 juta telah pun dipulangkan sejak tiga bulan ini. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan lebih detail lagi antara RM13 juta ini berapa lesen sebenarnya telah pun dipulangkan ataupun peratusnya, sama ada 50% telah dipulangkan ataupun berapa peratus kalau ada angka ini. Selain daripada kes orang yang meninggal dunia, adakah cara untuk kita pulangkan bayaran lesen ini, misalnya mereka tidak dapat hadir atas satu sebab yang tertentu dan mungkin ada satu kes kebakaran di mana ada bukti menunjukkan bahawa lesen mereka telah pun terbakar. Jadi, antara kes-kes ini sama ada ada cara untuk mereka menuntut bayaran ini?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya pembayaran balik lesen TV melalui Pos Malaysia Berhad melibatkan RM21,759,202. Setakat ini yang saya telah beritahu kepada Dewan yang mulia ini ialah setakat 31 Mac 2000 sejumlah RM13,166,088 hasil TV telah pun dipulangkan kepada para pembekal lesen TV. Ini bermakna dari segi peratusannya adalah lebih kurang 60% di mana pemegang lesen TV telah menuntut bayaran balik lesen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah bilangan lesen TV adalah 986,177.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kes-kes di mana pemegang lesen yang telah meninggal dunia, tadi saya kata mereka boleh – ahli keluarga atau wakilnya boleh buat tuntutan jika mereka mempunyai Surat Kuasa Mentadbir dan sesiapa yang tidak dapat pergi atau hadir di pejabat pos, pemegang lesen TV boleh beri satu surat mengkuasakan beliau supaya beliau boleh menuntut balik lesen TV. Jadi, ini adalah tidak ada masalah. Setakat ini semua urusan pembayaran balik lesen TV adalah dijalankan dengan baik. Terima kasih.

4. **Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah rancangan kementerian untuk memelihara dan mengekalkan bangunan-bangunan warisan *heritage building* selepas Akta Kawalan Sewa dimansuhkan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memang mempunyai perancangan dari segi pemuliharaan dan mengekalkan bangunan-bangunan warisan, dengan izin, heritage building sejak Akta Benda Purba Bil. 168 Tahun 1976 diwartakan pada 25.3.1976.

Jabatan Muzium dan Antikuiti yang diberi kuasa bagi menguatkuasakan Akta Benda Purba tersebut telah melaksanakan kerja pewartaan sejak akta tersebut diwujudkan. Namun, dalam kerja-kerja pemuliharaan ianya hanya dapat dilaksanakan dengan lebih agresif sebab sejak Rancangan Malaysia Ketujuh kerana sebelum tempoh tersebut peruntukan yang diberikan sangat terhad.

Tuan Yang di-Pertua, kriteria yang digunakan untuk menyenaraikan sebuah bangunan warisan dan tapak tanah bersejarah dalam Daftar Dokumentasi Pengkalan dan Pemuliharaan Bangunan Warisan ialah seperti berikut:

- sejarah;
- keunikan seni bina;
- kepentingan ekonomi, sosial dan politik; dan
- umur yang berusia 100 tahun ke atas.

Tindakan-tindakan yang boleh diambil adalah merangkumi usaha-usaha Kerajaan Pusat membiayai pelaksanaan kerja-kerja pengkalan bangunan termasuk membiayai kos pelaksanaan, penyediaan khidmat pakar dan membuat promosi untuk pembangunan dan penggunaan semua bangunan tersebut supaya mendapat pulangan yang optimum.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa masalah yang terpaksa dihadapi dalam hal pewartaan dan pemuliharaan bangunan-bangunan warisan antaranya ialah kekurangan maklumat dan fakta atau sejarah latar belakang perihal bangunan dan tapak tanah bersejarah perlu mendapatkan kelulusan atau kebenaran terlebih dahulu daripada tuan pemilik persendirian sebelum bangunan lama dan tapak tanah sejarah diwartakan. Juga perlu mendapat kelulusan dan kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa kerajaan negeri bagi bangunan kerajaan yang terletak di atas tanah kerajaan negeri.

Walau pun Akta Kawalan Sewa dimansuhkan kelak, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan tetap meneruskan usaha-usaha untuk memelihara dan mengekalkan bangunan-bangunan warisan. Kita akan mengatur strategi dengan rakyat dan agensi-agensinya kerajaan serta swasta agar dapat memberikan

kerjasama terhadap usaha-usaha ini supaya bangunan-bangunan warisan ini terus terpelihara menjadi tarikan dan aset pelancongan negara ini tanpa menyebabkan kesukaran kepada mereka yang terlibat dalam hal ini.

Kerajaan negeri yang mempunyai kuasa dalam hal tanah dan bangunan perlulah memberi kerjasama yang erat bagi menjayakan projek pemuliharaan bangunan-bangunan warisan di negeri mereka. Sekian.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan bangunan-bangunan warisan ini bukan sahaja merupakan khazanah negara kita tetapi juga merupakan satu modal di mana kita dapat menarik pelancong-pelancong tempatan dan juga pelancong-pelancongan asing adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan satu dana supaya kita boleh beli bangunan-bangunan warisan ini dan menggubal satu undang-undang untuk menjamin bangunan-bangunan warisan ini tidak dihanyutkan oleh arus pembangunan.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih, pada masa sekarang kementerian tidak ada cadangan, ada satu dana untuk berikan harta-harta yang tersebut tetapi kita bolehlah ambil cadangan dan kita bawa balik ke kementerian untuk dibincangkan.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apakah pihak kerajaan tidak sensitif dengan kedudukan Stadium Merdeka yang merupakan simbol kepada kemerdekaan negara dan merupakan satu warisan sejarah yang akan ditatapi oleh generasi muda terutamanya dan siapakah konsortium ataupun pihak yang bertuah yang mendapat konsesi untuk membangunkan tapak di kawasan Stadium Merdeka tersebut? Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Saya akan beri jawapan dengan tulisan sebab memang saya sendiri tidak tahu. Terima kasih.

5. **Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]** minta Perdana Menteri menyatakan usaha kerajaan bagi mengatasi masalah supaya mereka yang tua dan uzur mendapat keutamaan mengerjakan haji.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod pendaftaran haji daripada musim haji 1420 Hijrah atau 2000 Masehi hingga 2010 Masehi seramai 31,016 orang bakal haji berumur 60 tahun ke atas telah mendaftar untuk menunaikan fardu haji. Oleh kerana bilangannya terlalu ramai, Tabung Haji telah bersetuju untuk memberi keutamaan kepada yang lebih lanjut usianya iaitu bagi mereka yang berumur 75 tahun ke atas.

Bagi tahun ini iaitu musim haji 2000 Masehi seramai 500 orang jemaah haji lanjut usia tanpa mengambil kira tahun mereka mendaftar dengan diiringi oleh 500 orang pengiring yang terdiri daripada waris terdekatnya dipilih untuk menunaikan fardu haji. Terima kasih.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan. Memandangkan kepada permintaan yang agak begitu ramai daripada umat Islam di negara kita pada setiap tahun untuk menunaikan fardu haji, apakah kerajaan bercadang untuk terus berusaha dengan pihak Kerajaan Arab Saudi untuk menambahkan kuota haji? Di samping itu juga, apakah kerajaan bercadang untuk menjadualkan pemergian haji itu kepada mereka yang berulang kali menunaikan haji kepada satu masa atau satu tahun atau satu tahap yang tertentu?

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang benar sekarang ini bilangan yang menunggu untuk sehingga tahun 2010 seramai 202,684 orang. Jadi, bilangan ini ramai dan sebagaimana kita sedia maklum negara kita mempunyai kuota tertentu iaitu setiap tahun 22,000.

Walau bagaimanapun, memang kita juga mendapat kuota tambahan kerana kuota ini ditentukan oleh pihak Kerajaan Arab Saudi. Jadi, setiap tahun memang kita mendapat kuota tambahan dan cadangan Yang Berhormat sesungguhnya kita sekarang ini memang sedang melaksanakan bahawa kita ada peraturan tertentu. Bagi mereka yang telah menunaikan haji kita ada tahun-tahun tertentu yang kita benarkan untuk mereka mengerjakan haji untuk kali yang kedua. Terima kasih.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan tambahan. Saya rasa kerajaan menyedari bahawa permasalahan untuk mengerjakan ibadah haji, Rukun Islam yang ke lima ini sudah menjadi perbincangan dan masalah bagi masyarakat luar bandar. Di mana di Sabah, di kawasan saya contohnya, ada yang telah memohon 10 tahun, ada yang telah mati belum dapat mengerjakan ibadah ini [Disampuk] Tetapi ada pula yang menghairankan ada yang baru bermohon satu tahun, namanya melonjak ke atas. Seolah-olah dalam Tabung Haji di Sabah, di Sandakan itu ada unsur-unsur rasuah.

Jadi, kementerian ini harus menyelidiki perkara ini kerana ini pilih kasih dan amat membebankan kita dan kita juga takut berdosa selaku kerajaan. Terima kasih. [Ketawa] [Sorak]

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Saya ingat tadi soalan daripada sebelah sana. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya nyatakan tadi kita ada sistem, cara kita memilih bakal-bakal jemaah haji. Jadi, kuotanya memang 22,000 dan saya telah nyatakan tadi di samping 22,000 kita ada juga kuota tambahan dan biasanya kuota tambahan ini juga bila kita beri mengikut merit nombor yang telah kita sedia ada.

Sebagaimana yang saya nyatakan kemungkinan kes-kes spesifik yang Yang Berhormat bangkitkan tadi, mungkin Tabung Haji ada pertimbangan-pertimbangan tertentu di mana mereka yang mungkin di luar nombor yang sepatutnya pergi tiba-tiba dapat pergi. Sebagai contoh yang saya nyatakan tadi, mungkin mereka ini sudah berumur 75 tahun ke atas dan mungkin juga ada sebab-sebab tertentu. Misalan kata, dia dapat surat daripada doktor misalan kata. Kes-kes tertentu yang diberi pertimbangan.

Walau bagaimanapun, dasarnya ialah memilih jemaah haji mengikut nombor-nombor merit yang telah kita tetapkan dan tidak ada pilih kasih di dalam kita memilih jemaah-jemaah haji. Walau bagaimanapun, saya ingin menekankan perkara ini khasnya kepada pihak pembangkang supaya membuat renungan bahawa hari ini sebagaimana yang saya nyatakan sehingga tahun 2010 seramai 202,684 orang sedang menunggu giliran untuk pergi haji dan baru-baru ini bila kita lancarkan Tabung Warga Tua, kita telah berjaya mengutip sebanyak RM1.2 juta bermakna begitu murah hati orang-orang Islam ini derma sampai RM1.2 juta. Yang mana tidak dapat pergi haji mereka telah mengerjakan umrah. Pada tahun 1999 sahaja seramai 38,000 orang umat Islam mengerjakan umrah.

Saya nyatakan angka-angka ini sebagai renungan kepada kita bahawa pihak pembangkang harus memberhentikan kempen yang mengatakan seolah-olah kerajaan yang memerintah hari ini menyebabkan rakyat yang miskin bertambah miskin, yang kaya bertambah kaya tetapi daripada angka-angka yang saya nyatakan tadi jelas [Sorak] Ini menunjukkan bahawa ini hanya tuduhan yang tidak betul daripada pihak pembangkang. [Ketawa] Terima kasih.

6. **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]** minta Menteri Penerangan menyatakan jumlah pembayaran yang diterima dari BN atau mana-mana pihak sebagai bayaran iklan dalam RTM (TV dan radio) pada pilihan raya yang lalu.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat jumlah nilai iklan yang disiarkan melalui RTM iaitu TV dan radio pada pilihan raya yang lalu ialah sebanyak RM1,355,881.50. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan syarikat mana yang membayar jumlah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, syarikat mana?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya sudah jawab.

Tuan Chow Kon Yeow: Ya? *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Tumpat.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya dia jawab tadi.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan

Tuan Chow Kon Yeow: Syarikat, nama syarikat?

Puan Chong Eng:mengapa tidak jawab?

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya Yang Berhormat ialah dari Barisan Nasional.

Tuan Chow Kon Yeow: Ya.

Puan Chong Eng: Apa itu?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, mana-mana pihak.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,

Tuan Chow Kon Yeow: Sebab semalam dia kata ada satu syarikat. Jadi, saya minta nama syarikat itu?

Puan Chong Eng: Kalau tidak ada butiran, kata akan beri jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, - apa yang heboh sangat ini? *[Ketawa]* Saya jawab atas apa yang ditanya ini. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Dan saya sudah jawab. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tumpat, sila, sila.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan ringkas oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan. Ekoran daripada jawapan Yang Berhormat itu dan memandangkan bahawa ada pengakuan bahawa terdapat pihak-pihak terutamanya yang bukan kerajaan ataupun Barisan Nasional yang telah memberi iklan dan membayar iklan sehingga berjumlah lebih daripada RM1 juta itu, adakah tidak kemungkinan bahawa syarikat-syarikat yang menaja iklan-iklan dengan nilai yang sebegini tinggi, mungkin dapat dilibatkan dalam kes-kes seperti yang tertakluk di bawah Akta Rasuah dan sebagainya.

Jika didapati bahawa nanti ada hubung kait syarikat-syarikat yang menaja iklan ini dengan tender-tender yang mereka perolehi daripada kerajaan kerana Menteri Kewangan dan Bendahari UMNO dan Barisan Nasional adalah orang yang sama.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Soal lain. *[Sorak]* *[Ketawa]*

7. **Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauhmanakah kebenaran tentang campur tangan asing kuasa-kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat dan Britain dalam hal ehwal

Malaysia serta apakah Kerajaan Malaysia bercadang memutuskan hubungan diplomatik dengan negara-negara tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, dengan berakhirnya perang dingin telah timbul minat oleh pihak-pihak tertentu untuk melahirkan satu order baru dunia yang berteraskan kepada hegemonic power.

Di dalam hal ini suatu kuasa besar mempunyai kuasa terunggul dan ia mahu negara-negara lain mengikut telunjuknya. Penguasaan bentuk baru ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan-pendekatan baru yang bertopengkan kepada perjuangan menuntut hak asasi manusia, demokrasi liberal, liberalisasi perdagangan, globalisasi dan kemanusiaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa tidak ada satu benteng pertahanan yang lebih kukuh di kalangan negara-negara membangun untuk menghadapi dan berlindung dari penjajahan bentuk baru ini melainkan bersatu. Menyedari akan hakikat inilah, maka Malaysia telah menyeru negara-negara membangun supaya bersatu dan bersuara dengan satu nada untuk memperjuangkan hak mereka di dalam dunia tanpa sempadan ini. Hanya dengan cara ini sahaja negara-negara membangun akan dapat memastikan mereka mendapat layanan yang adil dan saksama dalam proses globalisasi dan tidak ditekan dengan kuasa hegemoni.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada cubaan oleh kuasa-kuasa asing tertentu untuk campur tangan dalam hal ehwal dalaman Malaysia tetapi kita tidak bercadang untuk mengambil tindakan drastik seperti memutuskan hubungan diplomatik dengan negara-negara tersebut.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri adalah suatu yang serius di mana dia mengakui ada campur tangan asing dalam konteks kepimpinan dan politik di negara kita dan ini merupakan satu yang serius yang perlu kita memberi perhatian yang berat tentang campur tangan asing ini. Cuma saya ingin mempertegaskan dalam Dewan ini satu soalan di mana sebagaimana yang selalu disebut oleh pemimpin-pemimpin kuasa-kuasa besar Barat yang ada sekarang ini terutamanya Amerika Syarikat sendiri, bekas duta Amerika Syarikat di Malaysia sering kali memperingatkan bahawa walaupun kita engage in love head relationship, tetapi dia memperingatkan bahawa Amerika Syarikat adalah merupakan satu-satunya rakan hubungan dagangan yang terbesar dengan Malaysia sendiri.

Dan yang terakhir Ralph Bosh, Timbalan Setiausaha

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta kemukakan soalan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya, Timbalan Setiausaha Amerika mengenai Hal Ehwal Asia Timur menyatakan bahawa apa yang berlaku antara Malaysia dan Amerika Syarikat lebih merupakan *rethorical exchange* dan ..

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah soalan itu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Persoalannya adalah beliau menegaskan bahawa *Malaysia brings the best of the West, why criticising the West and the United States almost intangible*, ini merupakan suatu yang perlu kita beri perhatian kerana apa yang dipertegaskan oleh Timbalan Menteri tadi ada unsur-unsur kuasa besar dan saya sebagai salah seorang daripada pembangkang merasakan kita perlu memberikan tumpuan untuk menanggapi kuasa besar ini dalam persoalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalnya Yang Berhormat.

[Beberapa Ahli menyampuk]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Jadi, persoalannya adalah apakah kalau ini suatu yang benar, maka perlu kita menanggapi ini dengan lebih serius,

bukan hanya a bashing the West tetapi melihat persoalan ini di mana pergantungan pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional kepada Amerika Syarikat dan Britain adalah begitu besar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu saya pun telah jawab kerana dalam jawapan saya tadi bahawa kita tidak bercadang untuk mengambil tindakan drastik memutuskan diplomatik dengan negara-negara tersebut, ini maknanya besar. Izinkan saya menyatakan di sini bahawa kalau kita mengambil tindakan yang drastik, memang kita tidak ada wadah untuk kita berbincang dan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, Tuan Yang di-Pertua, ialah bukan kita bashing, tetapi kita hanya memberikan kritikan dan juga kebenaran bahawa kita perlu menyuarakan perasaan kita sebagai satu negara yang berdaulat dan sebuah negara yang merdeka dan kalau kita menyatakan pendirian kita, kita tidak dapat memberikan gambaran kepada mereka bahawa kita ada cara negara kita sendiri dan bahawa kita ada isu-isu yang pegangan atau kepercayaan negara kita sendiri dan tidak harus mereka dengan cara yang dikatakan tadi pendekatan-pendekatan yang menerusi bertopengkan pelbagai cara seperti hak asasi manusia, demokrasi dan sebagainya untuk menekankan upaya kita dan usaha kita untuk membangunkan negara kita dan mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan kita.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya memang tidak boleh menafikan, secara peribadi tidak boleh menafikan penglibatan negara-negara besar dalam mana-mana negara membangun dan negara-negara kecil terutamanya negara Amerika kepada negara kita dan British dan seumpamanya, berdasarkan apa Yang Berhormat Timbalan Menteri telah sebutkan tadi. Tetapi persoalan saya ada juga orang negara kita ini pergi ke luar negara, menjemput negara-negara ini untuk melibatkan diri dalam politik negara kita. *[Tepuk]*

Jadi, bagaimanakah kedudukan ini dan apakah tindakan kerajaan dan kementerian berhubung perkara ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa negara kita masih mengamalkan demokrasi yang terbuka dan transparency. Dan walaupun kita tahu pihak-pihak yang tertentu yang ingin mengambil kesempatan-kesempatan untuk memihakkan usaha-usaha yang ingin menjatuh atau merosakkan sistem demokrasi kita di sini ataupun kerajaan kita, kita memang sedar dan ini adalah satu perkara yang kita anggapkan serius dan perlu kita hadapi.

8. Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan setakat manakah paras kenaikan harga barangan iaitu barang keperluan dan barang makanan untuk perayaan-perayaan yang baru lepas. Apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam usahanya mengawal kenaikan harga barangan dan jika ada, apakah hasil keberkesannya.

Setiasaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kedudukan harga barang-barang keperluan keseluruhannya termasuk barang-barang makanan adalah stabil dan terkawal menjelang musim perayaan yang lepas seperti Hari Krismas, Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha dan Tahun Baru Cina. Dalam konteks Indeks Harga Pengguna, bagi bulan sebelumnya, kumpulan makanan mencatatkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak 2.4% bagi Disember 1999 dan tidak berubah (0.0%) bagi Januari 2000. Bagi Februari 2000, kumpulan makanan mengalami penurunan sebanyak -0.4%.

Secara umumnya tidak ada aduan mengenai kenaikan harga barang-barang keperluan semasa perayaan-perayaan tersebut, kecuali yang berkaitan dengan kenaikan harga ayam semasa perayaan Hari Raya Aidilfitri. Namun begitu, kenaikan yang

dilaporkan itu adalah di bawah paras harga siling RM6 sekilogram ayam bersih yang ditetapkan secara pentadbiran oleh kerajaan.

Pelbagai langkah telah diambil oleh kementerian bagi mengawal kenaikan harga-harga barang-barang, di antara langkah-langkah tersebut adalah:-

- (i) Melaksanakan kawalan harga secara pentadbiran terhadap 11 jenis barangan, yang mana enam daripadanya adalah barang-barang makanan iaitu tepung gandum, gula, susu pekat manis, roti (*standard loaf*), ayam dan minyak masak. Sehingga kini, pihak kementerian tidak mengesan peniaga-peniaga yang menaikkan harga barang-barang tersebut.
- (ii) Secara tegas dan konsisten menjalankan pemeriksaan bagi memastikan peniaga-peniaga tidak melakukan perbuatan mencatut atau apa-apa aktiviti lain yang boleh menjejaskan kedudukan bekalan dan harga barang-barang. Dalam aspek ini, penekanan diberi kepada pemeriksaan di kawasan-kawasan luar bandar.
- (iii) Memantau perkembangan harga bagi 233 jenis barangan keperluan harian setiap minggu serta menjalankan penyiasatan sekiranya harga barang-barang naik tanpa justifikasi yang munasabah.
- (iv) Mewajibkan penjual runcit meletakkan tanda harga ke atas barang-barang yang dipamerkan untuk jualan. Dalam hubungan ini, kementerian sedang mengkaji kaedah bagi menyeragamkan tanda harga.

Kementerian juga sedang dalam proses mewujudkan skim penstabilan harga yang akan merangkumi sistem amaran awal serta mekanisme tindakan bagi membolehkan tindakan segera diambil ke atas bekalan barangan tertentu khususnya makanan.

Puan Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah indeks penggunaan Malaysia berbanding dengan negara-negara lain di Asean dan mana satu negara Asean yang menghadapi indeks penggunaan yang tertinggi?

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, indeks harga pengguna, dengan izin, *consumer price index* untuk negara kita pada tahun-tahun berikut ialah untuk tahun 1997 – 2.7%; untuk tahun 1998 – 5.3% dan untuk tahun 1999 – 2.8%.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun purata kenaikan IHP bulanan Malaysia adalah rendah bagi tahun 1999 berbanding dengan tahun 1998 dan untuk Januari 2000 berbanding dengan Januari 1999 kenaikannya adalah lebih tinggi berbanding dengan beberapa negara di rantau Asia iaitu Thailand dan Singapura dan termasuk China juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka untuk negara indeks harga pengguna yang tertingginya di Asean, angka yang tepat tidak ada, kedudukan di tangga IHP yang tertinggi di Asean ialah Laos dan Malaysia menduduki tempat di tengah. Sekian.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian jawapan yang panjang Yang Berhormat tadi itu adalah baik juga, tetapi sebahagiannya bergelandangan. [*Ketawa*] Tidak membayangkan keadaan yang sebenar. Adakah pihak kementeriannya menyedari bahawa harga-harga misalnya di antara bandar dengan desa ada berbeza dan misalnya di antara Johor Bahru dengan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya pun ada berbeza. Dan dengan itu, apakah usaha pihak kementerian untuk memperbaiki keadaan di negara ini dan juga untuk menyelaraskan *consumer price index* yang tidak begitu seragam, yang tidak membayangkan keadaan yang

sebenarnya, walaupun kita lebih baik daripada negara-negara yang lain termasuk Singapura, tetapi ini tidak bermakna kawalan itu begitu berkesan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah Yang Berhormat, soalan itu sudah cukup ya. *[Ketawa]* Ya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pandangan yang selalu panjang dan lebar daripada Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan pada Kepong telah saya sebut dalam jawapan saya iaitu kementerian juga sedang dalam proses mewujudkan skim penstabilan harga. Harga-harga barangan dipengaruhi oleh faktor-faktor kuasa pasaran iaitu permintaan, penawaran, kos bahan, *efficiency* pengedaran dan sebagainya. Kalau semua faktor dan komponen-komponen pengeluaran seimbang, maka harga stabil. Kalau sebaliknya berlaku, harga barang-barang naik turun dengan ketara. Dalam kata lain, jurang harga *that is price gap*, akan melebar. Dalam hal ini skim penstabilan harga yang dicadangkan oleh kementerian saya cuba menyeimbangkan faktor-faktor yang tersebut di atas supaya harga barang dapat ditawarkan dengan stabil dan munasabah. Sekian.

9. Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak [Kota Belud] minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dirancang untuk menentukan rakyat Malaysia di luar bandar dapat sama menikmati kemajuan teknologi maklumat sebagaimana yang dinikmati di bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara lain matlamat dasar kebangsaan bagi industri komunikasi dan multimedia yang dinyatakan di dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu Akta 588 adalah untuk memastikan penyediaan perkhidmatan sama rata yang mampu dibayar oleh pengguna. Sehubungan dengan ini, antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan adalah seperti berikut:-

- (a) Program Perkhidmatan Sejagat. Program ini adalah menyediakan perkhidmatan sejagat, dengan izin, *universal service provision* industri komunikasi dan multimedia ke kawasan-kawasan terpencil dan luar bandar. Untuk tujuan ini di bawah Belanjawan 2000 sebanyak RM318 juta telah diperuntukkan untuk membiayai pelaksanaan kemudahan sistem *Wireless In Local Look* (WILL), dengan izin, ia akan memberi manfaat kepada seramai lebih kurang 120,000 pelanggan di kawasan luar bandar dan pedalaman.
- (b) Projek ecommunity ini bertujuan untuk memperkenalkan dan membudayakan dengan memberi maklumat dan komunikasi kepada masyarakat luar bandar atau kawasan terpencil supaya dapat memanfaatkan maklumat berkaitan ekonomi, pendidikan dan sebagainya melalui kemudahan komunikasi iaitu Internet dan telefon. Antara projek perintis ecommunity yang telah dijalankan oleh projek Desa Amanah Ikhtiar Malaysia (Desa AIM) adalah di Pendang, Kedah; dengan perancangan di Kota Samarahan, Sarawak serta projek e-Bario di Sarawak.
- (c) Insentif kemudahan pemilikan pembelian komputer peribadi. Kerajaan di dalam Belanjawan 2000 telah mengumumkan bahawa pencarum-pencarum KWSP akan dibenarkan untuk mengeluarkan caruman mereka untuk pembelian komputer peribadi.

Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, apakah tujuan mengadakan projek

Internet Desa, sama ada ia salah satu projek bertujuan untuk memastikan lebih ramai golongan masyarakat luar bandar menikmati kemajuan teknologi maklumat?

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, memang projek Internet Desa ini adalah salah satu daripada tujuan untuk pembangunan yang lebih, untuk mencapai pembangunan yang lebih seimbang di antara bandar dan luar bandar khususnya di bidang IT. Tujuan yang lain ialah untuk menyempitkan jurang digital di antara yang kaya maklumat dengan yang miskin maklumat dan projek Internet Desa ini telah pun dilancarkan pada 3 April baru-baru ini dan ada dua pusat Internet Desa pun telah ditubuhkan di Pejabat Pos di Sungai Air Tawar, Selangor dan di Kanowit, Sarawak dan ada rancangan untuk menubuhkan sebuah pusat Internet Desa di pejabat pos di setiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tampin ya?

Tuan Mah Siew Keong: Teluk Intan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Kawasan mana itu?

Tuan Mah Siew Keong: Teluk Intan.

Tuan Yang di-Pertua: Teluk Intan, ya.

Tuan Mah Siew Keong: Jangan lupa lain kalilah, Tuan Yang di-Pertua.
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Untuk menunaikan matlamat memajukan teknologi maklumat di luar bandar, adakah kementerian bercadang sebagai langkah pertama memberi kursus dan *facility* Internet kepada penghulu-penghulu ketua kampung dan ketua JKKK kerana sebagai pemimpin masyarakat, mereka patut diberi pengetahuan. Saya juga mengambil kesempatan bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah juga Ahli-ahli Parlimen akan diberi kursus teknologi maklumat dan Internet?

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, projek Internet Desa ini adalah satu projek bersama-sama dengan penduduk-penduduk termasuk ketua-ketua kampung, penghulu-penghulu dan ketua-ketua tempatan termasuk Ahli Dewan Undangan di kawasan yang berkaitan. Ini adalah merupakan satu tujuan untuk meluaskan kesedaran tentang Internet dan akses kepada Internet dan juga pembangunan komputer di segi ini.

Tetapi dari segi Ahli Parlimen, setakat ini belum ada rancangan, kalau ada permintaan mungkin boleh ditimbangkan. Sekian, terima kasih.

10. **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk menggubal satu Akta Pemeliharaan dan Pembangunan Bandar Bersejarah dan Berwarisan untuk menyelaraskan pembangunan bandar raya dan bandar yang bersejarah di negara ini.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pada masa ini akta yang sedia wujud berfungsi menjaga hal ehwal mengenai pemeliharaan ialah Akta Benda Purba Bil. 168/1976. Tujuan akta ini ialah bagi mengawal, memelihara dan menyelidik monumen lama dan bersejarah, tapak tanah-tapak tanah dan bekas-bekas kaji purba, benda-benda purba dan benda-benda bersejarah dan untuk mengatur urusan mengenai benda-benda purba dan benda-benda bersejarah dan pengeksporthannya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Pembangunan pada hari ini begitu dinamik, maka berlakulah perubahan yang sangat cepat yang menyebabkan banyak tempat mahupun bangunan diroboh demi memenuhi keperluan tersebut. Implikasinya banyak tempat dan bangunan lama bersejarah lenyap begitu sahaja tanpa dapat dikawal. Di atas sebab-sebab yang tersebut, maka Jabatan Muzium dan Antikuiti sebagai satu agensi kerajaan yang

menguatkuasakan akta tersebut sedang berusaha untuk menggubal satu akta yang komprehensif bagi tujuan untuk memelihara khazanah warisan budaya negara supaya tidak dicerobohi dan kekal dikawal melalui cawangan mewujudkan akta baru iaitu, dengan izin, *Cultural Properties*.

Perkara ini masih di peringkat draf dengan Peguam Negara untuk diselaraskan dengan keperluan-keperluan teknikal perundangan. Selepas itu kita akan membawa kepada pihak kerajaan dan agensi-agensi yang berkaitan untuk maklum balas supaya akta ini boleh diterima oleh semua. Dengan wujudnya akta baru tersebut diharap perkara-perkara yang berkaitan dengan pemeliharaan pembangunan bandar bersejarah dan warisan akan dapat dikawal dengan lebih sempurna dan sebaik mungkin. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut jawapan Timbalan Menteri, beliau memberi pengkhususan kepada benda-benda purba. Jadi, saya ingin tahu dari segi *living heritage* di mana bandar-bandar yang bersejarah haruslah mempunyai aktiviti-aktiviti kemanusiaan dan ekonomi. Jadi, saya ingin tahu apakah usaha Kerajaan Pusat untuk membantu negeri Pulau Pinang dan Melaka yang sedang memohon untuk mendapat senarai dalam *World Heritage Site* UNESCO? Sekian.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, memang sekarang kementerian pun ada mencadangkan konsep iaitu konsep bersejarah dan juga satu desa warisan. Jadi, kita pun sangat mengambil perhatian kalau ada sesuatu temp at macam yang Yang Berhormat kata, kita akan kaji dengan teliti. Sekian.

Puan Chong Eng: Terima kasih, pertamanya saya hendak ucap tahniah kepada Timbalan Menteri, belum ucap tahniah lagi, dari Pahang juga. Soalan tambahannya ialah bilakah Akta *Cultural Property* ini akan dibentang di Dewan dan bilakah ia dijangka akan digazet kerana sekiranya ia serupa seperti Akta Keganasan Domestik atau keluarga, ia mengambil lebih kurang 5 sampai 10 tahun. Sekiranya ini juga memakan masa yang panjang seperti ini, apabila akta ini diluluskan semua *cultural property* itu pun telah dirobuhkan dan dalam akta ini saya berpendapat kita harus memberi tekanan kepada *enforcement* kerana pada waktu sekarang kita pun ada beberapa akta tetapi dendanya hanya RM10,000 untuk merobuhkan *property* yang digazetkan sebagai *cultural property* dan ini tidak cukup untuk mengelak pemaaju untuk merobuhkan pembangunan ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang mengucap tahniah kepada saya. Di atas soalan berapa lama akta ini boleh dibawa ke dalam Dewan ini, kita di kementerian pun selalu berhubung dengan pejabat Peguam Negara berkaitan perkara ini. Jadi, kita selalu ada *positive thinking*, dengan izin, dan kita yakin tidak akan mengambil masa macam Akta Keganasan Rumah Tangga.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 19 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dan Usul Anggaran Pembangunan 2000 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Kesebelas]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B. 44 [Jadual] -

Maksud P. 44 [Anggaran Pembangunan 2000] -

Tuan Pengerusi: Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan menyambung jawapan.

11.05 pagi.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya suka sambung dan memberi sedikit penerangan dan penjelasan kepada Yang Berhormat bagi Bagan Datoh yang membangkitkan soal keberkesanan aktiviti perkhidmatan komunikasi dan pembangunan masyarakat. Saya suka jelaskan bahawa memang diakui radio dan TV berkesan dari segi penyampaian maklumat dan *message* secara serta-merta tetapi strategi aktiviti penerangan secara bersemuka (*interactive*) adalah lebih berkesan dari segi jangka panjang kerana ianya dilakukan menerusi proses komunikasi yang berstruktur yang membolehkan sasaran kelayakannya untuk berinteraksi. Di samping itu, maklum balas daripada rakyat juga dapat dikumpulkan melalui program ini.

Mengenai soal kedudukan Radio KADA yang digantikan dengan radio FM Manis yang dibangkitkan oleh, kalau saya tidak silap Rantau Panjang. Saya suka jelaskan bahawa kerajaan menamatkan perkhidmatan Radio 3 Saluran KADA dan meluluskan radio swasta FM Manis tidak merubah fungsi asal radio tersebut. Pihak pengurusan Radio FM Manis telah bersetuju memperuntukkan masa dua jam setiap hari dari jam 6.00 petang hingga 8.00 malam khas untuk digunakan oleh pihak KADA membuat hebahan radio. Saya suka juga menjelaskan iaitu soal permohonan yang dikatakan daripada kerajaan negeri ataupun Yang Amat Berhormat Dato’ Menteri Besar Kelantan, saya suka jelaskan mengikut rekod kementerian tidak ada permohonan yang diterima secara rasmi dari mana-mana parti politik untuk menubuhkan stesen radio ataupun TV.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Perkara itu hanyalah disiarkan melalui akhbar tempatan. Jika mana-mana pihak parti berminat boleh memohon kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk mendapatkan lesen yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Maksud saya bukan parti yang memohon tetapi pihak kerajaan, di atas nama Menteri Besar Kelantan.

Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Yang Berhormat. Itu saya kata tadi mengikut rekod kita tidak ada. Jadi, kalau dikatakan ada, sekarang ini oleh kerana permohonan mengeluarkan lesen ini di bawah Kementerian

Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, saya harap kemuka kepada kementerian itulah, ya. Baik.

Yang Berhormat bagi Pokok Sena menimbulkan soal diskriminasi dalam penerbitan filem dan drama tempatan. Saya suka hendak jelaskan, Kementerian Penerangan mengagihkan peluang kepada lebih daripada 30 syarikat penerbit filem tempatan untuk menerbitkan program untuk siaran RTM. Mengenai kadar harga, adalah berdasarkan gred dan kualiti program. Penerbit HVD dan Syarikat Wayang Tinggi merupakan antara pembekal program RTM itu.

Yang Berhormat bagi Padang Terap menimbulkan soal forum perdana....

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Dato'. Yang saya maksudkan diskriminasi itu ialah kepada penerbit-penerbit dan pengeluar filem di kalangan bumiputera. Mereka menghadapi banyak masalah. Itu rungutan-rungutan yang disampaikan kepada saya. Saya tunjuk contoh bahawa kadang-kadang umpamanya, dalam TV1 dan TV2 itu, galeri slot mungkinlah memang dapat kepada Kris Motion dan juga kepada Rumpun Usaha tetapi kalau dibandingkan dalam satu lagi slot yang diperolehi dalam satu lagi siaran TV2 kepada HVD dan Wayang Tinggi, tetapi slot itu jauh berbeza dengan yang diperolehi oleh bumiputera. Kalau oleh Kris Motion ini, 13 siri habis tetapi mereka yang lain-lain ini, yang bukan bumiputera ini berpanjangan. Jadi, ini yang kita lihat bahawa macam ada satu diskriminasi terhadap pengeluar-pengeluar filem bumiputera.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya daripada 30 buah syarikat yang saya katakan tadi, hampir semuanya itu terdiri daripada bumiputera. Salah satu syarat yang kita kenakan kalau dia tidak ada taraf bumiputera ini, kita cuba pastikan biar ada taraf bumiputera ini. Itu yang dari segi rekod kita.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Betul apa yang disebut oleh Dato' tadi tetapi saya dimaklumkan bahawa kelulusan taraf bumiputera itu oleh Kementerian Kewangan dan syarikat-syarikat bumiputera ini menghadapi masalah sedemikian rupa dan saya juga harus ingatkan kepada pihak kementerian, kadang-kadang ada juga yang bertaraf bumiputera itu sebenarnya bukan bumiputera. Saya pun dok persoal juga macam HVD ini betulkah dia bumiputera? Takkanlah Sebastian Foo ini bumiputera?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Awalnya dia tidak ada taraf bumiputera, HVD, betul. Tetapi sekarang dia sudah ada taraf bumiputera melalui ekuiti lah ya. Nama itu soal lainlah tetapi soal taraf itu, kalau dia sudah 51% misalnya daripada saham itu dikuasai oleh bumiputera, bumiputerlah, dia dapatlah taraf itu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ah, cukuplah itu, Yang Berhormat, apa lagi? *[Ketawa]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sebab itu saya difahamkan bahawa hak yang pure bumiputera ini, bumiputera yang bukan sekadar 50% atau 55% tetapi lebih daripada itu, tetapi mereka menghadapi masalah yang amat besar berurusan khususnya dengan RTM dan banyak syarikat yang mengadu kepada saya, mereka tidak begitu mendapat peluang melainkan kena ambil line melalui HVD, kena ambil line melalui Wayang Tinggi dan sebagainya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat, kita telah menilai tidak kurang daripada 70 buah syarikat yang ada hubung-kait dengan soal ini dan antara perkara yang kita teliti itu ialah tentang kedudukan taraf bumiputera ini. Jadi, tolong beritahu siapa yang berjumpa Yang Berhormat itu, jumpa sayalah. Buat apa jumpa Yang Berhormat, bukan boleh hendak selesai kerja itu. *[Ketawa]* Jumpa saya boleh selesai, ya. *[Ketawa]* Baik. Jadi, Insya-Allah kita....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Cukuplah. [*Ketawa*]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, saya hendak terangkan. Mereka telah berjumpa dengan pihak RTM khususnya tetapi banyak masalah. Saya hendak sebutlah, antara kes-kesnya, kadang-kadang proposal yang dikemukakan kepada pihak RTM dikemukakan oleh bumiputera tetapi ditolak tetapi akhirnya tiba-tiba proposal yang sama dibuat oleh bukan bumiputera. Antaranya ialah *Baba dan Nyonya*. *Baba dan Nyonya* asalnya proposal itu dibuat oleh bumiputera tetapi ditolak, akhirnya kemudian dis iarkan, maknanya berlaku satu pencurian hak intelek ini dan *Baba dan Nyonya* itu pula bila ia disiari di RTM, kemudian diberi pula satu lagi dalam TV3 dengan topik yang sama, cerita yang sama iaitu melalui *Onde -onde* sedangkan proposal asal adalah hak bumiputera.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, seperti saya kata tadi kita telah meneliti 70 buah syarikat ini dan kalau ada benda tidak betul, saya beri jaminan kita akan cuba betulkanlah di mana yang boleh betul, insya-Allah, ya. Baik. [*Sorak*]/[*Ketawa*]

Jadi, saya hendak pergi kepada Yang Berhormat bagi Padang Terap yang membangkitkan soal *Forum Perdana* dan hal ehwal Islam ini. Jadi, saya suka jelaskan bahawa pendekatan rancangan ini dibuat untuk sasaran penonton dari semua peringkat umur. Oleh yang demikian, ia dibuat secara umum dan tidak terlalu mendalam supaya dapat difahami dan dimanfaatkan oleh penonton- penonton biasa. Mungkin apabila kita wujudkan Saluran Ketiga nanti, yang kita khususkan untuk pelbagai kegiatan keagamaan, kita akan cuba mengambil kira pandangan daripada Yang Berhormat itu tadi.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengeruskan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, saya akhiri gulungan saya

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Boleh minta laluan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Arau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sudi beri laluan. Saya tidak berkesempatan kelmarin bercakap dalam soal ini walaupun ada satu pandangan yang ingin saya kemukakan di sini. Saya mendengar tadi Yang Berhormat menyebutkan bahawa kita bercadang hendak mengadakan Saluran Ketiga. Semasa saya berada di London minggu lepas kerana pergi atas urusan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, saya melihat di sana siaran TV yang menyiarkan siaran daripada Dubai dan juga daripada beberapa buah negara Arab disiarkan di sana. Ada tiga channel yang kita boleh tukar daripada satu *channel* kepada satu *channel*.

Di negara kita, kita melihatkan rakyat negara kita yang sebahagian besar terdiri daripada orang Islam, kadang-kadang persepsi kepada budaya Arab dan pemahaman Islam itu melihat kepada persepsi yang dibawa oleh setengah-setengah kumpulan. Oleh yang demikian, saya merasakan bahawa kita perlu membuka negara kita supaya kita dapat melihat siaran daripada negara-negara Islam sebagaimana saya sebutkan tadi supaya rakyat dapat membuat penilaian yang baik. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih di atas pandangan daripada Yang Berhormat. Kita memang ada hubungan di peringkat antarabangsa dengan pelbagai badan yang ada hubung kait dengan penerangan dan perkara-perkara begini ada dibincangkan tetapi halangannya kadangkala itu ialah kos. Namun demikian, saya ambil perhatian pandangan Yang Berhormat itu tadi.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [*Bangun*]

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada seorang Ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan berhubung dengan dasar kementerian berhubung dengan Jabatan Penerangan di peringkat negeri dan daerah yang sekarang ini semacam ada dasar supaya tidak memberi kerjasama dengan pihak kerajaan negeri terutama dalam urusan-urusan rasmi. Jadi, sama ada ini merupakan dasar kementerian ataupun macam mana keadaan sebenarnya khususnya di Terengganu. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Dasar kita jelas, Tuan Pengerusi, dan saya akan siasat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat ini. Saya tidak maklum kalau tidak ada kerjasama ataupun macam mana bentuk kerjasama itu dan saya akan teliti dan pastikan apa perkara yang berbangkit, sebenarnya saya pun tidak berapa jelas.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Satu....

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Jadi Tuan Pengerusi, saya...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Satu soalan Dato'.Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang paling kanan sekali. [Ketawa] Jadi, saya oleh kerana pendengar kita di Dewan hari ini begitu ramai – *packed House*, bolehkah saya mencadangkan kepada kementerian oleh kerana Perhimpunan Agung UMNO akan disiarkan secara langsung di RTM, TV2, TV3 dan sebagainya, boleh atau tidak kita buat siaran secara langsung perdebatan Parlimen seperti mana negara Thailand, Indonesia dan Filipina kerana sekarang ini kita tengok kalau zaman-zaman dahulu selepas daripada *Warta Berita* dia ada pertanyaan, orang yang tanya itu ada gambar, [Ketawa] sekarang ini sudah tidak ada apa. Boleh atau tidak kita buat, *at least*, peminat-peminat kita tidak perlu datang ke sini, tengok TV sudah cukup, bersediakah atau tidak kementerian mengadakan slot perdebatan Parlimen?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya dahulu memang kita pernah buat tetapi ini soal teknikal. Apa dia teknikal, pagi ini betullah ramai, lepas itu karang, bila tengah hari karang, sudah tidak ramai, jadi ini yang menjadi masalah dan adakah kita hendak tunjukkan benda-benda ini kepada orang ramai. Itu sahaja yang sebenarnya. Kita sudah cuba dahulu buat siaran langsung ini, bukan kata kita tidak bersetuju, kita sudah pernah buat dan ia juga melibatkan *technicality* dari segi masa, slot, semuanya itu ada hubung-kait. Bukan kata dari segi dasar kita tidak bersetuju hendak buat, kita sudah buat pun dahulu.

Tuan Pengerusi, saya akhiri gulungan saya atas perbahasan ini dengan penegasan bahawa

Tuan Muhammad bin Mustafa: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak beri laluan lagikah, Yang Berhormat?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Cukuplah saya ingat, saya sudah hendak gulung ini.

Tuan Muhammad bin Mustafa: Satu sahaja.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: La....

Tuan Muhammad bin Mustafa: Sedikit sahaja. Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya tentang dasar kementerian ini mengenai sekatan terhadap tokoh-tokoh ilmuan negara kita untuk memberi sumbangan melalui TV dan radio di negara kita ini di mana saya dapat maklumat yang menyakinkan atau maklumat yang tidak syak lagi tentang

kebenarannya berkenaan dengan adanya tokoh-tokoh ilmunan yang disenaraihitamkan nama-nama mereka untuk memberi sumbangan di RTM atau melalui TV. Apakah di sana ada satu dasar untuk menentukan seseorang itu layak ataupun tidak layak untuk memberi sumbangan ilmu melalui TV dan radio? Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ini soal pemilihan siapa sahaja yang hendak mengambil bahagian di dalam pelbagai program terutama sekali dalam – yang diadakan dari satu masa ke satu masa, itu atas kebijaksanaan RTM. Memang betul, dulu ada kita bari pada setengah-setengah tokoh ilmunan tetapi rupanya, akhirnya, dia datang ke dewan ini dia duduk di sebelah sana. *[Ketawa]* Jadi, macam mana – kita bagi, punya baik UMNO ini, kita beri, bukan tidak beri. Jadi, takkanlah saya hendak beri lagi, sudah duduk sebelah sana, payahlah dengan saya. *[Ketawa]*

Tuan Muhamad bin Mustafa: Tuan Pengerusi,

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Cukuplah, itu sahajalah.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Sikit sahaja, tambah sikit sahaja. Apakah itu merupakan satu kesalahan dari segi undang-undang negara kerana kita adalah sebuah negara demokrasi? Adakah Yang Berhormat merasakan bahawa itu satu kesalahan di mana negara kita membenarkan parti pembangkang dan ia merupakan satu yang sah dari segi undang-undang dan tidak salah dari segi undang-undang.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Itu pandangan Yang Berhormat, dari segi kami – macam tengok filem Hindustan jugalah. *[Ketawa]* Filem Hindustan ini, dia buat baik, balas baik, buat jahat, balas jahat, tidak ada apa. *[Ketawa]* Macam juga di Terengganu, apa jadi pada Unit Perpaduan Ummah, samalah tu. Sudah tu.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Tuan Pengerusi, sikit lagi.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Jadi, Tuan Pengerusi, jangan buang masa lagi, banyak kerja lagi. Saya akhiri gulungan saya atas perbincangan ini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada dua orang bangun, tetapi saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, sudah berapa kali Yang Berhormat kata pada akhirnya. *[Ketawa]* Jadi, saya hendak ingatkan

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya hendak akhir, dia dok ganggu ni.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Sikit lagi, Dato'.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Jadi, minta maaf saya

Tuan Muhamad bin Mustafa: Berilah hak sikit.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: pada Yang Berhormat ya. Jadi, saya akhiri

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Bagi Baling, Dato'.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Tidak ada peluang, lepas daripada ini.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Bagi Baling, Dato'.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat beri laluan?

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Jasa baik, Baling, Dato'.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ha. Bagi. *[Ketawa]* Last.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apabila kita bercakap mengenai dengan ruang-ruang untuk menyampaikan ilmu pengetahuan di ruangan media elektronik khususnya televisyen ini. Jadi, terima kasihlah jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Tetapi yang peliknya tu, masa saya di Masjid Negara dulu, kita tidak ada masa pun, dia orang cari, minta, kena ruang juga masa itu, insya-Allah kita bantu. Tetapi di atas ilmu yang sama, hadis yang sama, ayat Quran yang sama, penyampaian yang sama, kebolehan yang sama, tetapi apabila duduk dalam PAS, sudah tidak boleh sudah. *[Ketawa]* Ini nampaknya sudah satu benda yang lain, maknanya motif politik sebenarnya, bukan motif ilmu.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, sebenarnya kita pun ramai lagi, ramai lagi tokoh-tokoh ilmuan kita yang ada, yang boleh kita beri tempat, tidak ada masalah. Kalau Yang Berhormat tidak ada, ganti orang lain, 10 pun kita ganti, tidak ada hal punya. *[Tepuk]*

Jadi, Tuan Pengerusi, ini saya akhiri, ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: ... gulungan saya ini atas perbincangan ini dengan penegasan-penegasan berikut:

- (i) RTM sentiasa peka dan bersedia menerima teguran-teguran yang membina. Ini sesuai dengan cogan kata '*Teman Setia Anda*' yang cuba memenuhi selera pendengar dan penontonnya;
- (ii) sikap keterbukaan itu didorong oleh hasrat untuk membolehkan RTM menyalurkan dan mempersembahkan rancangan yang bermutu, baik dari segi jalan bahasa yang diguna, kandungan ceritanya dan memelihara tradisinya;
- (iii) seluruh agensi di bawah Kementerian Penerangan digerakkan ke arah mencapai matlamat pembangunan bangsa dan negara yang bersatu-padu berlatarbelakangkan kepada kepelbagaian kaum, agama dan budayanya;
- (iv) walaupun kita dikatakan tidak demokratik dan kononnya tidak berprinsip, saya cuma hendak menyatakan bahawa kalau tidak kerana usaha UMNO dan Barisan Nasional yang diizinkan oleh Allah S.W.T., belum tahu sama ada kita boleh menikmati apa yang ada sekarang; *[Tepuk]*
- (v) kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka – dia tidak ada pula – mengatakan RTM disalahgunakan di Sanggang, maka jawabnya ialah penerangan yang tepat dan cepatlah menyebabkan rakyat menolak dakyah-dakyah, muslihat dan taktik kotor pembangkang dan memilih Barisan Nasional; *[Tepuk]*
- (vi) kalau Yang Berhormat Kota Melaka

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi, Yang Berhormat sudah kata tidak akan beri lagi laluan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Bagilah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tadi, Yang Berhormat kata – maknanya Yang Berhormat confirm bahawa RTM telah disalahgunakan di Sanggang. *[Disampuk]* Itulah penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Dengar ya. Tidak apalah. Saya kata, saya ulang balik ya – korek telinga hang – *[Ketawa]* Saya kata ni Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Pokok Sena bangun apa pasal. *[Ketawa]* Saya kata Kota Melaka ni.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Itu hak saya hendak bangun.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tahulah hak Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sanggah ni, yang bertanding calonnya ialah PAS.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Faham. Ini Yang Berhormat macam

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Apa pun maknanya Yang Berhormat telah confirm bahawa RTM sudah disalahgunakan untuk kepentingan politik UMNO dan BN.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau tidak berikan laluan, sila teruskan jawapan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya kata

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya Yang Berhormat Dato', parti pembangkang Dato' beri peluang berapa kali, saya hendak juga. *[Disampuk]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ha.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Kesimpulan Yang Berhormat jawab tadi maknanya, oleh sebab penerangan-penerangan yang dijalankan oleh pihak Jabatan Penerangan begitu jelas menerangkan isu-isu dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang itu pembohong, fitnah dan sebagainya yang menyebabkan pengundi di Sanggah mengundi Barisan Nasional maknanya fungsi Jabatan Penerangan telah pun dapat disempurnakan dengan baik. *[Tepuk]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih banyak, Yang Berhormat. Memang itu kerja agensi-agensi kita, Jabatan Penerangan ini. Kalau ada benda yang tidak betul, dia kena terangkanlah. Kalau ada fakta-fakta yang tidak kena, kita kena perbetulkan, itu sahaja, rakyat terima. Akhirnya, kalau Yang Berhormat Kota Melaka merungut mengatakan Perhimpunan Agung UMNO mendapat liputan yang meluas. Jawapannya ialah, ini disebabkan setiap kali UMNO bersidang maka persidangan itu diikuti oleh masyarakat dalam dan luar negeri kerana UMNO adalah satu pertubuhan dan parti yang bertaraf dunia. Terima kasih. *[Tepuk] [Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang berjumlah RM636,663.000 bagi Maksud B.44 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM636,663,000 bagi Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM69,364,930 bagi Maksud P.44 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM69,364,930 bagi Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Suara 'tidak' lebih kuat lagi. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi telinga saya dengar 'yang bersetuju' lebih kuat. *[Ketawa]*

Maksud B. 45 [Jadual]-**Maksud P. 45 [Anggaran Pembangunan 2000]**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.45 dan Kepala Pembangunan P.45 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucapkan tahniah kerana telinga Tuan Pengerusi amat peka. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, oleh kerana kesuntukan ruang waktu, saya memohon izin untuk membahaskan Kepala 020200 – Perkhidmatan Latihan, 020500 – Perancangan dan Pembangunan Vokasional Kebangsaan, 060400 – Pengurusan Tabung Pinjaman Latihan Perindustrian dan 060700 – Penubuhan Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Latihan Vokasional dan Program Latihan Pengajar Kebangsaan secara sekaligus.

Tuan Pengerusi, di dalam buku Belanjawan Program dan Prestasi 2000, di bawah Kepala Perancangan dan Pembangunan Latihan Vokasional dinyatakan bahawa objektifnya adalah mengembangkan serta membangunkan sumber tenaga mahir yang berkualiti dengan berteraskan mekanisme penyelarasan yang berkesan agar peluang untuk peningkatan kemahiran dan kelayakan dalam kerjaya mendapat pengiktirafan oleh pihak awam dan swasta termasuk peringkat antarabangsa. Di antara aktiviti-aktiviti yang ditentukan adalah:

- (i) Menentukan program latihan yang sesuai sahaja dibangunkan.
- (ii) Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kerjaya teknikal vokasional.
- (iii) Menggalakkan belia menceburi program latihan vokasional.
- (iv) Mewujudkan kerjasama antara Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK), agensi atau institusi latihan dan pihak industri tempatan berhubung dengan pembangunan latihan kemahiran.
- (v) Mencari penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi oleh institusi latihan dan industri berhubung dengan latihan vokasional.

Inilah di antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan. Sekarang ini terdapat lebih kurang 9.3 juta pekerja dalam negara, termasuk 800,000 kakitangan awam. Hari ini juga kerajaan telah pun mewujudkan *Human Resource Development Fund*, dengan izin, atau Tabung Pembangunan Sumber Manusia. Saya ingin tahu, di dalam usaha kerajaan meningkatkan kemahiran pekerja selaras dengan cita-cita negara ini menjadi satu industri berteknologi tinggi, berapa banyakkah pencarum kepada *Human Resource Development Fund* atau Tabung Pembangunan Sumber Manusia. Adakah syarikat-syarikat industri ke cil dan sederhana juga memberi caruman kepada tabung tersebut.

Saya difahamkan bahawa setiap RM1 yang dicarumkan oleh kerajaan, industri kecil dan sederhana mendapat imbuhan RM2 dari pihak kerajaan. Kalau syarikat-syarikat besar adalah RM1, berasaskan RM1 yang dicarumkan oleh pihak mereka. Dalam hal ini, saya hendak tahu, berapa banyakkah syarikat-syarikat kecil dan sederhana yang menggunakan tabung pembangunan sumber manusia untuk meningkatkan kecekapan komputer dan juga kemahiran komputer di kalangan pekerja-pekerja mereka. Saya Tuan Pengerusi, kalau perkara ini tidak dilaksanakan dengan segera sejumlah besar pekerja-pekerja kita akan menjadi satu kelompok yang terpinggir oleh kerana mereka tidak boleh menguasai teknologi maklumat dan khususnya komputer. Saya harap perkara ini diberi satu tumpuan yang paling khusus oleh pihak kementerian dan kesedaran itu juga harus ditiupkan juga kepada mereka.

Yang keduanya, dari segi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kerjaya teknikal/vokasional. Perkara ini juga saya minta supaya dilaksanakan satu gelora kebangsaan, dengan izin, *national wave*, supaya ditukar minda rakyat kita, khususnya rakyat Melayu dan bumiputera, mengenai pandangan mereka yang rendah terhadap pendidikan vokasional dan teknikal. Perkara ini lumrah berlaku. Sebab itu ibubapa bumiputera, kalau anak-anak mereka tidak dapat melangkah lebih tinggi ke menara gading, ke universiti dan sebagainya, mereka lebih merelakan anak mereka terus pergi bekerja di kilang, walaupun dengan kemahiran yang sifar ataupun dengan gaji yang rendah.

Saya harap Kementerian Sumber Manusia memainkan peranan ini di samping peranan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan. Saya harap, anak-anak bumiputera akan disedarkan bahawa pendidikan teknikal dan vokasional adalah relevan dengan status negara pada masa akan datang iaitu sebuah negara berindustri tinggi. Saya harap seluruh kemudahan pendidikan teknikal/vokasional, sama ada menerusi institusi latihan perindustrian dan sebagainya yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia akan dimanfaatkan secara besar-besaran oleh pihak bumiputera khususnya.

Seterusnya, mengenai Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan. Saya difahamkan, Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan sedang mengambil usaha yang paling gigih untuk memberi taraf dan martabat yang tinggi kepada pendidikan teknikal/vokasional. Dalam hal ini, saya ingin bertanya, adakah benar sekarang ini timbul rasa kurang senang ataupun ketiadaan penyelarasan di antara Lembaga Akreditasi Negara di bawah Kementerian Pendidikan dengan MLVK di dalam hal mengiktiraf sesuatu kelulusan diploma ataupun sijil yang mahu di sama tarafkan dengan ijazah dan sebagainya di institusi-institusi latihan vokasional di dalam negara, termasuk institusi-institusi yang di bawah jagaan Majlis Amanah Rakyat.

Saya difahamkan di dalam satu mesyuarat baru-baru ini, timbul satu kebuntuan kerana Majlis Akreditasi Negara memikirkan bahawa untuk menilai sesuatu diploma peringkat vokasional atau teknikal adalah tugas Kementerian Pendidikan, sedangkan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan mengatakan itu adalah domain mereka, adalah territory mereka. Saya harap, demi masa depan bangsa dan negara ini, perkara-perkara ini berhentikanlah, carilah kepastian yang paling cepat dan pantas supaya di dalam kita memartabatkan pendidikan teknikal dan vokasional, anak-anak bangsa tidak menjadi mangsanya.

Paling akhir, saya juga berharap supaya Kementerian Sumber Manusia ini membina jambatan yang lebih kukuh untuk masuk ke kilang-kilang, supaya pekerja-pekerja kilang yang berjuta-juta ramainya, mendapat pendedahan dari segi ketatanegaraan dan tidak menjadi satu masyarakat yang terasing. Mungkin oleh kerana schedule pekerjaan, jadual pekerjaan, siang dan malam, mereka menjadi satu masyarakat yang antisosial dalam erti kata itu. Jadi, saya minta Kementerian Sumber Manusia, binalah jambatan yang lebih kukuh, binalah strategi yang lebih berkesan supaya pekerja-pekerja kilang dapat menerima pendedahan yang jelas mengenai negara kita, supaya tidak ada sebilangan mereka yang terkeliru dan menghasut orang-orang tua mereka di dalam pilihan raya supaya jangan mengundi Barisan Nasional. Mereka mesti disedarkan bahawa negara ini maju dan kilang mercup bagai cendawan tumbuh kerana Barisan Nasional yang memberi kemantapan kepada politik tanah air. Kalau tidak mungkin mereka masih lagi hidup terkongkong di dalam kampung masing-masing.

Itulah Tuan Pengerusi, harapan saya supaya Kementerian Sumber Manusia melihat perkara ini dengan positif dan dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut): Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut bersama mengambil bahagian di dalam B 45 Kementerian Sumber Manusia di bawah Butiran 040200 – Keselamatan Industri.

Saya ingin menekankan khususnya mengenai kemalangan di tempat kerja. Kajian menunjukkan kadar kemalangan di tempat kerja memberi kesan negatif kepada produktiviti. Selain itu, jumlah pampasan juga besar. Pada 1993, Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO) membayar pampasan sebanyak RM170 juta kepada pekerja yang terlibat dalam kemalangan. Angka itu menjadi RM383 juta pada tahun 1997. Malah SOCSO meramalkan jumlah pampasan kepada pekerja yang terlibat dalam kemalangan di tempat kerja akan menjadi RM5 bilion menjelang tahun 2020.

Tuan Pengerusi, kita sebenarnya tidak mahu melihat walau seorang pun pekerja menjadi mangsa kepada kemalangan di tempat kerja. Kerana itu, saya menyeru dan meminta Kementerian Sumber Manusia supaya menggerakkan bersungguh-sungguh usaha memupuk dan mengembangkan budaya kerja sihat dan selamat. Dengan kata lain, majikan dan kilang hendaklah memberikan tumpuan yang besar terhadap kesedaran pentingnya aspek keselamatan dan kesihatan, bukan sekadar pengeluaran semata-mata. Kesedaran ini berkait rapat dengan maklumat, latihan dan pengetahuan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja. Berikutan itu, saya berharap Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan perlu ditubuhkan di setiap kilang atau di tempat dan tapak kerja bagi membantu majikan menjayakan usaha mereka mempertingkatkan taraf piawaian keselamatan dan kesihatan. Malah, kerajaan hendaklah bertegas dengan majikan supaya mereka melantik seorang pegawai keselamatan dan kesihatan bagi setiap projek yang bernilai lebih daripada RM20 juta.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan SOCSO ini juga, saya mempunyai cadangan di mana kementerian sewajarnya mengkaji bagaimana skim ini boleh dipanjangkan kepada mereka yang bekerja sendiri. Saya difahamkan lembaga SOCSO sedang mengkaji perkara ini. Saya minta keputusan dibuat cepat kerana jika skim ini turut meliputi kira-kira 1.8 juta mereka yang bekerja sendiri, manfaatnya banyak yang boleh diperolehi. Saya ingin melihat bagaimana peniaga-peniaga kecil, petani serta nelayan akan menikmati skim SOCSO ini. Yang pasti mereka akan lebih dilindungi dan akan mendapat bantuan kewangan sekiranya berlaku kemalangan yang menyebabkan hilang upaya sama ada secara sementara mahupun kekal.

Saya memahami bahawa *Workers Social Security Act 1969* dengan izin perlu dipinda atau akta baru diperkenalkan bagi tujuan ini. Tetapi yang baik itu hendaklah disegerakan. Malah, SOCSO hendaklah juga mempercepatkan skim yang dilangkaungkan akan diperkenalkan seperti kemudahan bersalin dan rawatan sakit. Saya hendak menyentuh sedikit berhubung dengan SOCSO ini mungkin ini kerana timbul sedikit kekeliruan terutamanya di kalangan penduduk di luar bandar, di kawasan saya umpamanya. Dia masih remaja, umur 19 tahun, berkahwin suami dia meninggal dalam kemalangan tetapi yang membimbangkan saya si isteri ini mendapat manfaat SOCSO tetapi dia tidak mahu kahwin kerana takut terputus pampasan yang dibuat oleh SOCSO. Jadi ini cukup membimbangkan, jadi kita ingin tahu setakat mana pampasan yang diberikan oleh SOCSO kepada orang yang telah saya sebutkan sebagai contohnya.

Satu lagi saya hendak sebut di sini tentang pencaruman SOCSO ini ke atas pemain-pemain bola sepak, yang mana kita tahu pada hari ini orang bercakap berhubung dengan kemerosotan bola sepak, kita akui. Tetapi rata-rata pemain bola sepak juga turut mencarum dalam SOCSO ini, jadi saya mintalah kalau boleh supaya pampasan ke atas mana-mana pihak supaya dapat dikaji semula supaya tidak timbul masalah-masalah dan kesulitan sebagaimana yang telah saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, jika diizinkan saya mahu menyentuh sedikit lagi perkara berkaitan SOCSO ini. Pada Oktober....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau boleh pendekkanlah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya hendak pendekkan, sudah memang pendek, terima kasih Tuan Pengerusi. Pada Oktober 1999 yang lalu, Menteri Sumber Manusia ketika itu mengatakan bahawa kementerian sedang

menyiapkan kertas kabinet untuk memperluaskan SOCSO kepada pekerja asing di negara ini. Saya mohon kajian ini dipercepatkan kerana ketika ini pekerja asing dilindungi oleh perlindungan insurans wajib yang dipotong daripada gaji mereka. Memanglah majikan akan menolak cadangan ini tetapi kita perlu memikirkan nasib dan masa depan pekerja asing ini. Ini kerana majikan perlu membayar 1.75% setiap seorang setiap bulan dan pekerja hanya mencarum 0.5% daripada gaji mereka.

Walau apa pun, saya nampak, sekiranya skim ini diperkenalkan, ia akan memperkukuhkan tabungan dalam negeri. Majikan janganlah semata-mata tamak kerana sumbangan mereka itu penting untuk menjana ekonomi negara lebih-lebih lagi ketika kegawatan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengemukakan cadangan supaya tindakan tegas dan hukuman diperberatkan lagi terhadap majikan yang cuai dan cuba berdolak-dalik mengenai caruman SOCSO ini. Seksyen 94 Akta SOCSO 1969, mewajibkan majikan mendaftar diri mereka dan pekerja mereka dengan SOCSO. Mereka yang gagal terdedah kepada hukuman denda RM10,000 atau dua tahun penjara. Malah, saya difahamkan, Seksyen 2(11) Akta SOCSO 1969, menyebut, semua pekerja yang bergaji kurang RM2,000 secara automatik dilindungi SOCSO, biarpun majikan mereka tidak berdaftar dengan SOCSO atau tidak mencahkan potongan pekerja mereka.

Saya lihat jumlah denda ini terlalu kecil bagi kebanyakan majikan, khususnya yang menggunakan pekerja yang ramai. Saya nampak sesetengah majikan seperti mempermainkan-mainkan akta ini. Saya berharap dengan denda yang berat, majikan akan memenuhi tanggungjawab mereka sambil pekerja tidak kira tempatan mahupun dari luar negara akan mendapat perlindungan dan faedah sewajarnya. Negara pula selain dihormati kerana menjaga pekerja akan mendapat manfaat daripada tabungan pekerja melalui SOCSO ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bentong.

11.48 pagi

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, untuk memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan bagi maksud Bekalan B.45. Saya ingin menyentuh Butiran 030000 – Keharmonian Perhubungan Perusahaan. Saya ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah berjaya memastikan keharmonian perhubungan perusahaan di negara kita mencapai satu tahap yang begitu mantap dan begitu tinggi. Walaupun pada tahun 1997 dan 1998 negara kita mengalami kemelesetan ekonomi, tetapi kementerian melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan telah dapat meredakan keadaan, dapat menjalankan tugas dengan baik dan banyak kes pertikaian perusahaan telah dapat diselesaikan. Saya difahamkan melebihi 85% kes-kes pertikaian ini dapat diselesaikan melalui perbincangan, dan ini telah menunjukkan bahawa jabatan ini amat berkesan dalam menjalankan tugasnya untuk mencapai keharmonian perhubungan perusahaan di negara kita.

Saya ingin menyentuh butiran ini kerana terdapat peruntukan yang saya rasa tidak meningkat, malah menurun bagi jabatan perhubungan perusahaan dan saya berharap peruntukan dapat ditingkatkan untuk membolehkan pegawai-pegawai di jabatan perhubungan perusahaan diberi latihan-latihan yang khusus untuk memastikan kerja-kerja perhubungan perusahaan dapat dipertingkatkan.

Kalau kita lihat di bawah Jabatan Buruh kita mempunyai kursus tahunan bagi pegawai-pegawai buruh di bawah Jabatan Buruh tetapi Jabatan Perhubungan Perusahaan saya berharap kita mempunyai peruntukan yang khusus untuk memberi latihan kepada pegawai-pegawai berkenaan.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada kementerian kerana baru-baru ini telah dapat menyelesaikan satu kes lagi, satu isu yang penting iaitu meredakan pekerja-pekerja ladang untuk berpiket. Selalunya NUPW dan kementerian mempunyai perhubungan yang baik dan selalunya pihak kementerianlah yang terpaksa

campurtangan untuk meredakan keadaan-keadaan yang tegang di antara NUPW dan MAPA. Saya memang simpati tentang nasib pekerja-pekerja ladang yang sekian lama menuntut gaji bulanan dan MAPA seringkali memberi pelbagai alasan bahawa mereka mempunyai perjanjian bersama dan tidak dapat memberi gaji bulanan dan juga mengatakan bahawa di bawah Akta Pekerja 1955, sudah ada akta-akta yang tertentu untuk memastikan gaji pekerja-pekerja ladang diberi keutamaan.

Saya merasa sudah tiba masanya Kementerian Sumber Manusia bertegas memastikan bahawa MAPA setuju dengan apa yang telah dipersetujui secara prinsip untuk memberi gaji bulanan kepada pekerja-pekerja ladang kerana dalam abad 21 ini saya rasa semua pekerja di negara kita ini perlu mempunyai hak yang lebih baik iaitu mendapatkan pendapatan yang lebih baik, pendapatan yang lebih stabil dan memang saya rasa MAPA perlu memberi pandangan yang serius dan memberi pertimbangan untuk mempercepatkan lagi agar gaji bulanan ini dapat dilaksanakan. Saya rasa kita tidak perlu lagi menunggu apa-apa lagi formula, katanya mempunyai formula yang tertentu seperti memberi basic pay dengan berasaskan produktiviti ataupun living wage, dengan izin, walau apa nama yang digunakan sekalipun saya rasa gaji bulanan itu adalah penting untuk memastikan pekerja-pekerja ladang tuntutan mereka sekian lama dapat direalisasikan.

Saya berharap Kementerian Sumber Manusia dapat bergerak dengan cepat agar memastikan MAPA dapat bersetuju dengan formula yang dicadangkan oleh Kementerian Sumber Manusia. Kalau kita hendak tunggu MAPA mencadangkan formula saya rasa tidak jadilah, gaji bulanan ini memang tidak akan dilaksanakan. Oleh itu saya rasa Kementerian Sumber Manusia sendiri perlu mengadakan, mengeluarkan satu formula, mengeluarkan satu jalan penyelesaian yang sebaik-baiknya agar gaji bulanan peladang-peladang ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menarik perhatian Kementerian Sumber Manusia selain daripada pekerja-pekerja ladang, saya rasa pekerja-pekerja seperti nelayan dan petani juga perlu diberi perhatian tentang gaji bulanan. Kalau pekerja ladang boleh mendapat gaji bulanan saya rasa pekerja seperti nelayan dan petani yang bekerja dengan pihak-pihak, sektor-sektor tersebut juga perlu diberi perhatian dan diberi gaji bulanan yang berkaitan.

Saya ingin menyentuh Butiran 040000 berhubung dengan Keselamatan, Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerjaan. Di bawah Butiran ini saya mengucapkan syabas kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan kerana telah dapat memastikan bahawa kemalangan di industri dapat diturunkan walaupun pembangunan memang pesat di negara kita, pembinaan pesat tetapi kadar kemalangan dapat diturunkan. Saya rasa ini adalah penting untuk memastikan bahawa nasib pekerja-pekerja ini dapat terjamin. Walaupun kita telah mempunyai satu Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk mengawal dan mengawalsedia keselamatan di kilang-kilang dan tempat kerja tetapi akta ini saya rasa tidak dapat dikuatkuasa dengan sepenuhnya.

Saya ingin mendapat tahu daripada kementerian, setelah sekian lama akta ini dijalankan, berapakah kilang-kilang di negara kita yang telah dapat mewujudkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di dalam kilang-kilang yang mempunyai 40 pekerja atau lebih. Di bawah Akta Keselamatan ini kita telah memastikan bahawa setiap kilang yang mempunyai 40 pekerja atau lebih perlu mempunyai sebuah Jawatankuasa Keselamatan. Tetapi adakah kilang-kilang ini menjalankan, melaksanakan apa yang diwajibkan dalam akta ini. Saya rasa.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bentong, sila gulung.

Tuan Liow Tiong Lai: Saya harap kementerian dapat mempercepatkan, dapat melaksanakan atau menguatkuasakan akta ini dengan secepat mungkin.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya menyentuh Butiran 020000 seperti yang telah dibincang oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan MLVK, Perancangan dan Pembangunan Vokasional Kebangsaan. Saya telah menyentuh perkara ini semasa ucapan dasar pada tempoh hari dan apa yang saya tegaskan bahawa MLVK perlu meluaskan skop dan bidang kemahiran yang di bawah kawalseliana. Saya ingin tahu, berapakah skim persijilan yang telah diwujudkan sehingga hari ini dan sama ada MLVK bercadang untuk mengembang dan membangunkan silibus-silibus kursus-kursus latihan yang baru seperti megatronik dan lain-lain dan elektronik sama ada ada kursus yang baru di dalam bidang MLVK.

Seerti yang dikatakan tadi Lembaga Akreditasi Negara dan MLVK mempunyai fungsi masing-masing tetapi adalah penting bahawa di negara kita mempunyai dua sistem di mana sistem MLVK dan Lembaga Akreditasi Negara, sebenarnya boleh wujud bersama kerana saya lihat negara-negara maju lain seperti Korea dan Jerman, negara-negara tersebut mempunyai kursus-kursus vokasional dan kursus-kursus akademiknya adalah berlainan dan mempunyai taraf yang sama. Contohnya kalau taraf Diploma ataupun taraf Ijazah dari segi akademik tetapi bagi vokasional taraf Ijazahnya adalah *Master Craftsman*, dengan izin.

Oleh itu kita perlu mempunyai dua sistem ini untuk membolehkan negara kita mencungkil bakat-bakat belia-belie kita yang mahir dalam kemahiran supaya mereka dapat berkecimpung dalam bahagian teknikal dan memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

Dengan itu saya ucapkan terima kasih. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Kedah.

11.53 pg.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Tuan Pengerusi, 030000-Keharmonian Perhubungan Perusahaan. Saya mendapat aduan yang banyak daripada pekerja-pekerja elektronik iaitu bila cara mereka bekerja itu diubah. Kalau dahulu mereka bekerja sambil duduk, sekarang ini ada kilang-kilang elektronik mengarahkan mereka bekerja sambil berdiri. Setelah mereka bekerja dua tiga bulan secara berdiri didapati kaki mereka bengkakbengkak dan sebagainya. Apakah pihak kementerian membuat kajian kesesuaian bekerja lapan jam, sepuluh jam secara berdiri ini, terutama sekali pekerja elektronik ini banyak wanita terutama dalam keadaan awalan mengandung dan dalam keadaan perkara-perkara lain yang ada dalam sifat wanita itu berdiri lapan jam, sepuluh jam ini boleh membawa mudarat kepada mereka. Apakah pihak kementerian membuat kajian kesesuaian cara bekerja ini daripada duduk kepada berdiri kerana banyak aduan yang kita terima kesihatan mereka terjejas.

Pekerja-pekerja elektronik ini juga, kita ulang lagi, sampai sekarang tidak dibenarkan menubuhkan union dan Malaysia telah pun mengiktiraf menubuhkan Jawatankuasa Hak Asasi Manusia yang dipengerusikan oleh Tan Sri Musa Hitam dan Ahli-ahli Jawatankuasa Hak Asasi Manusia itu boleh kita terimalah, tetapi apa erti ada Jawatankuasa Suruhanjaya Hak Asasi Manusia tetapi Kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja Elektronik tidak boleh menubuhkan union. Oleh itu kita kadangkalanya menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia tetapi hak asasi manusia pekerja-pekerja kilang dalam industri masih tidak diiktiraf.

Tuan Pengerusi, kerajaan akan mengurangkan lebih kurang 100,000 setahun pekerja-pekerja asing ke arah memberi keselesaan kepada pekerja-pekerja tempatan. Ini satu langkah yang baik. Saya ingin bertanya tentang pekerja-pekerja kren bangunan, rungutan daripada pekerja-pekerja kita, pekerja tempatan, pekerja kren bangunan diberi kepada orang asing, sedangkan pekerja kren ini gaji antara RM1,000 hingga RM2,000 mereka boleh dapat tetapi yang diberi kebanyakannya daripada Indonesia ataupun pekerja asing. Kenapa anak-anak tempatan tidak diberi kerja dalam drebar kren ini, kren bangunan dan kita minta pihak Kementerian Sumber Manusia memberi perangkaan kalau tidak boleh hari ini secara bertulis, berapa pemandu-

pemandu kren bangunan ini anak tempatan dan berapa orang luar. Ini rungutan yang saya terima iaitu drebar-drebar kren bangunan yang gaji agak tinggi ini dimonopoli oleh orang luar.

Kemudian, gaji minimum pekerja memang daripada awal dulu apabila sebelum pilihan raya, Perdana Menteri sebut bahawa gaji minimum para pekerja yang paling sesuai ialah RM1,200. Kita pun terkejut, apakah angka ini hanya untuk mengail ataupun menarik perhatian pekerja kilang untuk menyokong Barisan Nasional? Tetapi selepas pilihan raya, Tun Daim, Menteri Kewangan mempertikaikan iaitu gaji minimum tidak sepatutnya RM1,200. Kesatuan Sekerja sendiri memohon supaya gaji minimum ini di sekitar RM600 dan kita lihat itu adalah berpatutan tetapi di peringkat sebelum pilihan raya digembar-gemburkan RM1,200.

Barangkali ini adalah gembar-gembur sebelum pilihan raya dan sekarang gaji minimum telah pun dipersetujui untuk pekerja-pekerja ladang seperti disebut oleh sahabat saya tadi, tidak perlu saya ulang. Tetapi kalau RM600 lebih itu adalah paling berpatutan.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang jarang disentuh oleh wakil-wakil rakyat UMNO mutakhir ini, barangkali mereka sudah hilang *spirit*. Saya tidak tahulah iaitu masalah kuota bumiputera di kilang-kilang atau di peringkat swasta. Kita nampak perkara ini agak terabai sekarang, terutama selepas tamat Dasar Ekonomi Baru.

Spirit perwakilan UMNO dan sebagainya nampak begitu lemah dalam hendak memperjuangkan perkara ini. Oleh itu, saya ingin bertanya di sini, adakah peratus tertentu dikehendaki di peringkat eksekutif, di peringkat supervisor supaya dikekalkan berapa peratus bumiputera itu dikekalkan dasar itu sekarang. Dan berapa sekarang kedudukan dan kita mahu dalam jawapan bertulis eksekutif bumiputera, supervisor di swasta, di kilang-kilang sekarang ini dan kita nampak penekanan pemerintah ke arah ini terutama UMNO begitu lemah sekali sekarang sebab mereka sudah jadi korporat-korporat, jadi mereka tidak berjuang lagi perkara-perkara seperti ini.

Sebab itulah orang Melayu meninggalkan mereka pada pilihan raya yang lalu, cuma Sanggang itu mereka dapat balik sekejap – sekejap sahaja, kita pinjamkan kerana mereka ditekan begitu dahsyat dengan kehadiran menteri dan sebagainya. Beri cermin mata, bagi lembu, bagi semuanya, mereka berubahlah sekejap tetapi pilihan raya akan datang dengan sikap pemimpin-pemimpin UMNO yang tidak lagi memperjuangkan kuota bumiputera dan sebagainya, kita yakin pilihan raya akan datang pekerja dan semuanya akan menghukum UMNO dan Barisan Nasional. Tidak ada suara mereka walaupun 'hero' daripada Parit Sulong ke, daripada Bagan Datoh ke, jarang lagi bercakap soal.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masuk tajuk, Yang Berhormat. Masuk tajuk, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Masuk tajuklah ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ini ekuiti bumiputera.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang sangat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kuota bumiputera dalam kilang-kilang – kita hendak terangkan, kita hendak minta perangkaannya sekarang, kedudukannya setelah tamat Dasar Ekonomi Baru, berapa sekarang ini sebab saya ada rungutan-rungutan, memorandum-memorandum, banyak ini, dihantar oleh pekerja-pekerja kilang tentang kerajaan tidak lagi mempertahankan dasar kuota bumiputera dalam eksekutif di kilang-kilang. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Seputeh dulu. Sila.

12.04 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan 45, Butiran 030200 Pendamaian dan 030300 Arbitrasi (Mahkamah Perusahaan).

Saya perhatikan bahawa peruntukan untuk pendamaian telah dikurangkan daripada RM3,391,700 ke RM3,354,400 iaitu pengurangan yang sebanyak RM37,300. Manakala peruntukan bagi Arbitrasi dikurangkan daripada RM3,718,300 ke RM3,560,000 pengurangan yang sebanyak RM 158, 300. Saya berpendapat pengurangan peruntukan ini adalah amat tidak sesuai terhadap operasi perhubungan industri di Kementerian Sumber Manusia. Memandangkan kes perhubungan industri yang tertimbun ataupun *backlog* yang banyak yang menunggu penyelesaian sekarang.

Saya difahami dalam satu kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi Mahkamah Perusahaan, terdapat 5,000 kes *backlog* di Mahkamah Perusahaan. Walaupun kerajaan pernah memberi arahan supaya kes-kes perhubungan industri ini dibereskan dalam tempoh enam bulan tetapi arahan ini tidak dapat ditunaikan kerana ini melibatkan banyak masalah khususnya kekurangan kakitangan dalam bidang Arbitrasi. Saya ingin menanya Yang Berhormat Menteri sama ada angka 5,000 kes *backlog* ini masih wujud dan apakah langkah diambil kementerian untuk menyelesaikannya.

Tibalah masanya bagi Kementerian Sumber Manusia untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan meminda fasal mengenai kuasa menteri yang membuat keputusan sama ada merujuk sesuatu kes berhubung dengan perusahaan itu ke Mahkamah Perusahaan ataupun tidak, kerana ini merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada perlewatan penyelesaian kes-kes di Mahkamah Perusahaan. Kerajaan harus merujuk undang-undang buruh di luar negeri seperti United Kingdom, di mana pekerja yang membuat dakwaan diberi hak untuk membuat keputusan sama ada beliau hendak kesnya dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan ataupun tidak.

Saya juga bercadang supaya Mahkamah Perusahaan diletak di bawah cabang kehakiman dan menjadikannya sebagai suatu bahagian daripada Mahkamah Tinggi dan bukannya di bawah Kementerian Sumber Manusia seperti sekarang kerana kes-kes Arbitrasi melibatkan kakitangan yang mahir dalam undang-undang demi mengendalikan pergaduhan yang melibatkan undang-undang di dalam sesuatu industri.

Sehubungan dengan itu, saya ingin memuji Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia kerana memberi keprihatinan terhadap isu gangguan seksual di tempat kerja. Saya difahamkan daripada laporan akhbar pada bulan lepas bahawa kementerian ingin meminda Akta Perhubungan Perusahaan dan menambah fasal mengenai gangguan seksual dalam Akta tersebut. Walau bagaimanapun, saya tidak pernah mendengar Yang Berhormat Menteri menyebut ini dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, saya ingin tanya sama ada laporan akhbar ini benar dan bilakah kerajaan akan membentangkan pindaan akta tersebut yang termasuk fasal mengenai gangguan seksual di Dewan yang mulia ini supaya mangsa gangguan seksual di tempat kerja akan dilindungi dari segi undang-undang dengan secepat mungkin.

Walaupun negara kita tengah mengalami industrialisasi dan modenisasi yang mendadak tetapi pembangunan ekonomi kita tidak membawa manfaat kepada para pekerja. Sebaliknya ia telah mengakibatkan penurunan kuasa membeli dalam 15 tahun yang lepas walaupun gaji pekerja telah meningkat di sepanjang tempoh ini. Adalah nyata bahawa peningkatan gaji tidak sejajar dengan kadar inflasi dan peningkatan harga barang-barangan. Dalam satu kajian yang dijalankan oleh MTUC dalam Disember 1995, kadar gaji berbeza di antara satu syarikat dan syarikat yang lain di dalam industri yang sama.

Jurang perbezaan gaji ini malah lebih nyata di antara pekan utama dan kawasan industri baru di luar bandar. Contohnya, gaji permulaan untuk seorang pekerja pengeluaran ataupun *production worker* dalam satu kilang elektrik di Shah Alam adalah RM490 sebulan manakala gaji permulaan seseorang pekerja di Muar, Batu Pahat dan Kulim adalah di antara RM275 sehingga RM295 sebulan.

Selain itu sebahagian besar pekerja pengeluaran masih dibayar dengan gaji RM300 sebulan. Jadi satu-satu jalan untuk memastikan pekerja kategori tersebut untuk menikmati standard kehidupan yang lumayan adalah untuk menambah gaji permulaan mereka kepada tidak kurang daripada RM600 sebulan. Ini merupakan pendirian yang diambil oleh MTUC selama ini.

Memandangkan kebanyakan pekerja membelanjakan sebanyak RM900 sebulan untuk mengupah seorang pekerja asing, dengan itu permintaan MTUC kepada kerajaan untuk menetapkan gaji minimum sebanyak RM600 itu adalah satu permintaan yang wajar dan harus diterima oleh kerajaan. Sama seperti apa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Kedah tadi saya merasa kesal kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mengkotakan janjinya yang dibuat sebelum pilihan raya umum dengan rombongan MTUC mengenai gaji minimum sebanyak RM1200 sebulan. Ini merupakan satu contoh *lip service* sebelum pilihan raya yang paling nyata sekali.

Walau bagaimanapun, memandangkan Menteri Kewangan dan Menteri Sumber Manusia telah berkata bahawa kerajaan akan menimbangkan semula cadangan MTUC terhadap gaji minimum baru-baru ini, saya pun berharap kerajaan akan mempercepatkan proses pertimbangan mereka dan mengadakan lebih rundingan dengan pihak yang berkenaan terhadap isu gaji minimum pekerja demi manfaat pekerja di Malaysia secara keseluruhan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Batang Lupar.

12.12 tgh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Datuk Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dan tahniah kepada pihak Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dan sebelum itu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kementerian kerana banyak perkara yang telah dibuat oleh pihak kementerian yang mungkin tidak diumumkan di surat khabar, press dan sebagainya yang belum diketahui umum terutamanya banyak pertanyaan dari pihak pembangkang tadi yang mungkin tidak tahu apa sebenarnya berlaku. Kerajaan kadang-kadangnya mengambil tindakan begitu lambat untuk mengolahkan kerja kerajaan. Jadi tidak tahulah ada kadang-kadang keputusan dibuat tetapi pelaksanaannya memakan masa sedikit.

Tuan Pengerusi, saya ingin tanya dua tiga perkara iaitu di bawah Perancangan dan Pendidikan Dasar. Pada masa dahulu apabila kita terlibat dengan soalan-soalan kasar iaitu umpamanya dalam pembinaan, perladangan, pembalakan dan sebagainya. Industri-industri ini banyak kemalangan berlaku kebanyakannya industri-industri pembalakan dan industri-industri pembinaan tetapi sebab-sebab berlaku ini bukanlah kegagalan Kementerian ataupun pihak kerajaan tetapi adalah oleh kerana pihak pekerja itu sendiri tidak peka dengan tanggungjawab mereka sebagai pekerja yang berisiko tinggi.

Jadi apakah pemantauan pihak kerajaan dalam soalan ini supaya sektor ini, sektor yang berisiko tinggi ini dapat pemantauan yang khusus dan majikan diberi satu penekanan yang khusus supaya pekerja-pekerja mereka tidak terlibat sangat dalam soalan kemalangan-kemalangan umpamanya di kem balak dan sebagainya banyak kematian-kematian yang berlaku yang mana orang kerja balak ini dia nampak dia sendiri hero tetapi kalau ditimpa oleh balak, dia mati macam itu sahaja.

Jadi pihak PERKESO pula susah membuat penyelidikan. Dalam keadaan yang sedemikian kadang-kadang ada pula pihak syarikat-syarikat balak ini terutama sekali di Sarawak dan Sabah di mana kita masih ada pembalakan, yang syarikat ini bila dia dapat satu konsesi dia serah dengan subkontraktor, subkontraktor itu bagi subkontraktor yang lain. Jadi subkontraktor, subkontraktor, subkontraktor yang dua tiga kali ini kadang-kadang pemantauan pihak kerajaan dan kementerian adalah kurang jelas dalam persoalan subkontraktor ini.

Jadi, saya mencadangkan agar pihak kerajaan membuatkan satu garis panduan, subkontraktor ini mesti dilapor ke atas, kalau tidak orang yang mendapatkan konsesi itu dipertanggungjawabkan oleh pihak kerajaan kerana kita tidak mahu melihat pekerja itu apabila telah terlibat dalam satu kemalangan, hendak melaporkan kepada sesuatu tapi apa yang dia tahu ialah subkontraktor nama Chai, nama Lim, nama Kong, nama Ahmad, nama Jimmy, kata dia tetapi apa Jimmy, apa Ahmad, apa Kong dia pun tidak tahu juga syarikat. Kita *dealing* dengan orang kampung, Yang Berhormat, bukan dengan orang yang cerdik pandai macam di Dewan ini, bukan macam adik-adik kita di belakang. Dia orang kampung, orang yang mungkin berkelulusan rendah jadi apa kerja dia senang hatilah. Jadi saya harap pemantauan, kalau tak ada dari segi pengurusan tak boleh diterima, undang-undang kena dibuat pemantauan, tanggungjawab undang-undang, *legal responsibility*, dengan izin.

Jadi ini perkara yang pokok. Saya menerima juga ada maklumat daripada kementerian mengatakan pelaksanaan undang-undang disebut sebagai *no fault basis* ataupun tidak berlandaskan kesalahan. Ini memang baik tapi ada juga pihak yang tidak *contribute* kepada PERKESO umpamanya yang juga dipersalahkan ataupun diambil tindakan oleh pihak kementerian.

Jadi dalam soal ini saya mencadangkan kepada pihak kementerian janganlah menunggu yang orang tercedera itu melaporkan kepada kementerian, kemungkinan dia dah cedera, duduk di rumah, tak boleh lapor lagi, nak harap dengan isteri, isteri pula yang *illiterate*, dengan izin. Jadi pihak kerajaan mewajibkan syarikat-syarikat ini melapor, kalau tidak melapor, hukuman, dendakan dengan sebesar-besarnya dan syarikat asal mestilah dipertanggungjawabkan persoalan ini kerana kita tak boleh memberi tanggungjawab ini kepada syarikat itu sahaja.

Jadi soalan yang ketiga Yang Berhormat Tuan Pengerusi ialah berhubung dengan perkara-perkara peringkat moden sedikit iaitu orang yang bekerja di kilang-kilang *chemical*, atau penggunaan *chemical* ataupun benda macam *asbestos* dan sebagainya.

Ini kalau Datuk sendiri melihat, pada tahun 80-an di Amerika dan England pernah jadi satu kes besar-besaran peringkat negara mereka yang mana orang yang bekerja di kilang *asbestos* ini setelah bekerja selama 15 tahun, *suffer* daripada kanser yang *associate* dengan *asbestos* ataupun orang kerja dalam kilang-kilang *chemical* kayu umpamanya, dia terlibat dengan satu penyakit kanser yang *associate* dengan *chemical* yang digunakan untuk seasoning kayu sedemikian. Begitulah banyak lagi *chemicals* yang mendatangkan risiko kepada pekerja-pekerja.

Jadi persoalannya sekarang, bila orang itu sakit dia tidak tahu kenapa dia sakit, mungkin dia kata pokok yang besar dekat belakang rumah itu ada hantu jadi mungkin di belakang kilang itu ada pokok besar, jadi datang hantu, dia sakitlah. Jadi dia kata tidak apalah, dia mati begitu sahaja.

Sebenarnya dia telah terlibat dengan penggunaan *chemical* dan sebagainya di kilang-kilang di mana mereka bekerja. Jadi persoalan saya apakah pemantauan yang dibuat oleh kementerian supaya pekerja-pekerja ini diwajibkan membuat pemeriksaan kesihatan secara *periodical*, dengan izin, tiap-tiap masa yang tertentu *dheck* kesihatan mereka dan orang yang check itu bukan doktor yang biasa, dia mesti doktor pakar, doktor yang tahu dengan soalan-soalan penyakit ini, nanti dia kata bagi *sick leave* satu hari, balik rumah dah cukup tidur. Lepas tidur tu sihat besok.

Jadi saya berharap oleh kerana tidak boleh bercakap panjang, saya fahamlah, saya faham menteri ini bijak, beliau tahu apa yang saya cakapkan ini, saya harap *elaboration* mempunyai jawapan nanti, adinda saya yang daripada Johor.

Jadi satu lagi, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian dan Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Barisan Nasional, dua tiga tahun lepas kita membincangkan persaoalan supaya latihan kepada masyarakat-masyarakat pekerja ini dan guna tenaga manusia di Malaysia ini. Pada masa sekarang, kita sudah mempunyai

institusi tak kurang daripada 27 institusi yang memberi latihan kepada pekerja-pekerja sama ada mahir ataupun setegah mahir tapi persoalan saya, adakah kita melatih orang yang dah masuk kerja kah ataupun orang itu baru keluar daripada sekolah, kita terima masuk ke dalam institusi ini dan diberi latihan kerana pada satu ketika dulu bila saya membincangkan soalan ini, satu persoalan saja yang saya sebutkan. Untuk tidak kecikiran anak-anak sekolah yang baru habis SPM umpamanya. ada yang sebahagian kecil yang masuk universiti, yang sebahagian kecil lagi balik ke kampung-kampung, ke rumah mereka masing-masing.

Dalam keadaan sedemikian ini, kalau tidak ada kesempatan untuk mencari kerja, dia akan balik ke rumah jadi kerja balak, dapat SPM 12 tahun dalam sekolah, buat kerja luar bandar, jadi nelayan. Bukan kita kata nelayan mesti orang tak pandai sekolah, pandai sekolah boleh jadi nelayan yang baik, bijak tapi latihan kena diberi. Jadi latihan-latihan ini saya berharap pihak kementerian melihat, edarkan risalah-risalah berhubung dengan institusi dan latihan-latihan ini ke sekolah-sekolah yang sebelum di tingkatan ini. Risalah-risalah ini mengatakan wujudnya institusi latihan ini, saya boleh jamin tak semua budak-budak di sekolah yang kenal bahkan guru pun tak tahu yang kita mempunyai 27 institusi di seluruh Malaysia memberi latihan kepada anak-anak, budak-budak kita sebelum mereka dikeluarkan kepada alam pekerjaan, kalau tidak masuk ke universiti ataupun ke institusi pengajian tinggi.

Dengan itu saya berharap perkara ini dibuat dengan secepat mungkin supaya jangan kita kecikiran anak-anak belia kita di seluruh negara ini kerana terlibat latihan dan risikonya nanti ialah kepada negara juga mengatakan apa guna pergi sekolah, orang kampung kata tak guna pergi sekolah, lepas 12 tahun tak dapat kerja pula, ini orang kampung cakap ni. Jadi kalau kita bagi peluang dia masuk institusi dua tahun lagi berlatih di institusi, keluar itu insya-Allah kalau institusi itu memang baik dan maju orang industri-industri akan cari pekerja-pekerja daripada institusi itu. Jadi di manakah letaknya peluang orang daripada kampung yang tiada latihan. Jadi institusi ini jadi satu *recruiting centre*, dengan izin kepada ini.

Jadi saya memuji pihak kerajaan mengadakan satu apa yang dikatakan e-tech, badan yang buat *wave* untuk recruitment tu, yang Yang Berhormat cakap minggu lepas, apa benda itu. Jadi yang belanja berapa juta untuk kerajaan tubuhkan laman web mungkin ada juga seekers dan *job politan* dan sebagainya tu. Tapi Yang Berhormat, sebelum kita ghairah sangat soalan ini kita kena ingat pada tahun 1985 pihak Amerika telah membuatkan satu eksperimentasi untuk latihan recruitment dan implacement agensi dibuat dengan berlandaskan apa yang kita buat ini.

Pada tahun 1985, pihak Amerika telah membuat satu eksperimentasi untuk latihan *recruitment* dan *implacement agency* dibuat dengan berlandaskan apa yang kita buat ini. Jadi, pada tahun 1995 pihak Amerika membelanja US\$2 bilion untuk *training*, *implacement* dan sebagainya ini. Tetapi orang yang dapat *implacement* pekerjaan ini jauh lebih rendah daripada apa yang mereka belanja. Jadi, dalam penyelidikan yang dibuat oleh *Clinton's administration* pada tahun 90an mengatakan yang agensi ini tidak mendatangkan hasil kepada pihak kerajaan. Kalau kita hendak buat boleh buat, memang baik tujuan kita untuk memberi pekerjaan kepada anak kita tetapi jangan buat yang salah apa yang dibuat oleh pihak Amerika. Ia banyak duit tidak apalah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sampai tidak keluar nafas saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, saya harap satu lagi persoalan yang saya ingin tanya di bawah Butiran 00400 - Tabung Pinjaman Pembangunan Kemahiran. Saya memang mengucapkan jutaan terima kasih kepada

perkara ini tetapi saya ingat hendak tanya dengan pihak Menterilah, apakah garis panduan untuk mengeluarkan pinjaman di bawah tabung ini? Tolong beri penjelasan supaya kalau kita hendak pinjam pun bolehlah, kalau tidak pinjam pun tolong bagi kepada orang-orang yang hendak pinjam. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mambong.

12.23 tgh.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Maksud B.45 - Butiran 020000 mengenai Kemajuan Guna Tenaga Rakyat. Saya ingin menyentuh beberapa perkara.

Yang pertama, saya ingin menyentuh permintaan guna tenaga. Mengikut laporan Jabatan Tenaga Rakyat (JTR) daripada Januari hingga Mac 2000 sejumlah 24,566 kekosongan jawatan dilaporkan. Saya ingin tahu apakah sektor-sektor yang wujud kekosongan dan adakah kekosongan ini diisi hingga sekarang?

Yang kedua, saya ingin menyentuh masalah pengangguran di kalangan siswazah. Menurut statistik JTR terdapat 15,396 orang siswazah telah berdaftar pada tahun lalu untuk mencari kerja.

Pada tahun lalu juga, hanya terdapat 1,702 kekosongan jawatan profesional. Ini bermakna 9 orang siswazah bersaing untuk mengisi satu jawatan kosong. Tetapi kerajaan sentiasa mengatakan bahawa negara tidak mencukupi tenaga pekerja profesional.

Di kawasan Parlimen saya, Mambong, saya mengenal pasti tidak kurang daripada 4 orang graduan kejuruteraan awam yang masih tidak mempunyai pekerjaan walaupun mereka memperolehi ijazah sejak dua tahun yang lepas. Tidak payah saya sebut bidang-bidang profesional yang lain kerana kerajaan selalu menggambarkan bahawa negara kekurangan jurutera. Pengangguran siswazah boleh memberi *political implications* dengan izin. Saya ingin bertanya apakah langkah-langkah yang diambil atau dirancang oleh pihak kementerian bagi menangani masalah pengangguran siswazah?

Yang ketiga, saya ingin menyentuh pemberhentian pekerja. Menurut laporan JTR terdapat 8,122 bilangan pekerja yang diberhentikan dari Januari hingga Mac tahun ini. Saya ingin tahu apakah sebab-sebab utama pemberhentian dan negeri manakah yang tertinggi pemberhentian? Daripada bilangan pemberhentian yang tersebut berapakah bilangan pekerja warganegara dan bilangan pekerja asing?

Perkara keempat yang saya ingin menyentuh ialah kedudukan pasaran buruh yang semakin stabil dengan kadar pengangguran yang rendah iaitu pada tahap 3% pada tahun ini. Peluang-peluang pekerjaan terus wujud di pasaran buruh tetapi terdapat 715,145 buruh asing yang bekerja secara sah di negara kita pada tahun lalu. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan bilangan buruh asing? Daripada statistik JTR, negara kita tidak kurangnya tenaga buruh iaitu 9.01 juta pada tahun 1999.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 030300 mengenai Arbitrasi (Mahkamah Perusahaan). Pada tahun 1999 terdapat 8,938 bilangan percaraan tuntutan di Mahkamah Buruh yang berkaitan dengan tuntutan terhadap majikan. Daripada bilangan tersebut berapakah bilangan yang dapat diselesaikan pada tahun lalu?

Saya ingin juga menyentuh Butiran 040200 berkaitan dengan Keselamatan Industri. Ini adalah penting bagi pengeluaran dan produktiviti industri. Oleh yang demikian, saya ingin tahu berapakah jumlah kemalangan perindustrian pada tahun lalu?

Bagi Butiran 050300 mengenai Pentadbiran Undang-undang dan Standard Perburuhan Sarawak, saya ingin tahu berapakah kompaun dan saman yang dikeluarkan

oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada tahun lalu terhadap kilang-kilang dan berapakah kes perbicaraan yang dikendalikan?

Menyentuh Butiran 060800 yang berkaitan dengan latihan kemahiran, saya ingin tahu berapakah bilangan pelatih di Institut Latihan Perindustrian (ILP) di seluruh negara pada tahun lalu? Berapakah bilangan pelatih yang telah tamat pengajian yang mendapat peluang bekerja di mana-mana sektor? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Selepas Bukit Mertajam, Batu Pahat, ya. Lepas Batu Pahat, Menteri menjawab.

12.28 tgh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya ingin mengambil bahagian dalam Maksud B.45 dan Butiran 040000 - Keselamatan Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang perkhidmatan asuhan kanak-kanak. Perkara ini telah lama diketengahkan oleh pihak kementerian tetapi selama ini kita tidak nampak kesannya dan masih kurang ada majikan yang menyediakan pusat-pusat kanak-kanak untuk pekerjaannya. Pihak Kerajaan pun tidak membuat demikian walaupun pihak kerajaan memang mempunyai ramai pekerja wanita. Ini saya berpendapat bukan kerana kementerian atau kerajaan tidak mampu menyediakan perkhidmatan ini tetapi kekurangan komitmen. Dan kekurangan komitmen ini adalah kerana kekurangan kesedaran, kerana kebanyakan menteri, timbalan menteri, setiausaha kementerian semuanya kaum lelaki, mereka tidak perlu risau atau bimbang tentang penjagaan anak-anak mereka di rumah. Kalau mereka adalah menteri tentulah mereka ada orang gaji dan isteri mereka di rumah, maka mereka tidak sedar bagaimana susahnyanya kaum ibu sekiranya kerja dan mesti menjaga anak lagi. Ini adalah satu keperluan yang asas kepada mereka yang bekerja di jawatan-jawatan yang berpendapatan rendah seperti di sektor *manufacture* di kilang-kilang elektronik, sekiranya mereka bekerja *overtime, shift overtime* baru mereka dapat RM1,000 satu bulan dan sekiranya mereka ada dua orang anak kecil sekurang-kurangnya RM600 atau RM800 digunakan untuk jagaan anak.

Ini menunjukkan bahawa kementerian perlu memberi usaha dan komitmen yang lebih konkrit supaya pada akhir tahun ini kita boleh adakan satu polisi dan saya suka kalau kerajaan boleh menunjuk atau memimpin melalui teladan. Iaitu mengadakan pusat-pusat asuhan di sekolah umpamanya, di tempat-tempat di mana di masa depan ada ramai pekerja wanita akan bekerja di sana seperti Chberjaya dan Putrajaya. Saya berpendapat bukan kita tidak mampu. Kita mampu membina Putrajaya. Kita mampu membina Twin Tower dan sekarang kita katakan kita mahu menjayakan MSC. Projek-projek ini memerlukan sumber yang lebih banyak lagi daripada mewujudkan perkhidmatan asuhan kanak-kanak. Dan mendirikan bangunan adalah pembangunan bangunan. Tidak ada erti sekiranya jika kita tidak juga membangunkan dan menjagakan anak-anak kita yang mereka akan merupakan pemimpin negara hari esok. Dan pada waktu sekarang, sekolah pun menjadi tempat yang bahaya kerana ada *gangsterism* di sana. Menteri dan Timbalan Menteri Pendidikan kata kita akan mengadakan pendekatan dan mengikut dasar keluarga, dan sekiranya keluarga ini ibu bapanya bekerja di kilang dan mereka perlu kerja kerana tidak ada pilihan yang lain. Bagaimana Kementerian Pendidikan hendak menjayakan usaha untuk membasmikan atau menangani masalah *gangsterism* di sekolah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tajuk lain ini Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Apa?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan tajuk itu.

Puan Chong Eng: Maka saya ingin mendapat satu laporan dari kementerian apakah masalah yang dihadapi oleh kementerian dan adakan kajian telah dibuat supaya kita menentukan dan mengenalpastikan halangan-halangnya dan cara-cara untuk mengatasinya supaya – kita dapat lihat bahawa pada akhir tahun ini ataupun tahun yang depan kita dapat nampak ‘ramai’ pusat-pusat asuhan akan juga timbul seperti yang dikatakan mushrooming sebagai pusat-pusat perniagaan.

Yang kedua Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan kerja di rumah *flexible hour* ini mesti digalakkan. Saya ingin mengambil kesempatan ini supaya menyeru pihak kerajaan tunjukkan teladan. Pada waktu sekarang seorang pekerja awam sekiranya selepas cuti bersalin, mereka ingin mengambil satu tahun cuti untuk menjaga anaknya, dia mesti berhenti bekerja dan tidak boleh kembali kepada jawatannya. Saya ingin menyeru supaya polisi ini dipinda supaya memberi kaum ibu sekiranya mereka hendak balik ke rumah menjaga anaknya selama satu hingga tiga tahun diberikan peluang itu dan mereka boleh kembali ke jawatannya setelah cuti tiga tahun ini habis. Dan saya katakan cuti ini ialah cuti tanpa gaji. Dan seterusnya untuk kesejahteraan pekerja dan keluarga mereka saya juga berpendapat bahawa bapa baru – lelaki yang menjadi bapa mereka perlu diberi hari cuti yang lebih [*Disampuk*] – kursus mungkin juga – tetapi cuti satu minggu, kerana pada masa sekarang, khasnya di bandar, selalunya keluarganya ialah keluarga nukleus hanya ada ibu dan bapa sahaja. Apabila ibu hendak bersalin bapa mesti tolong dan hantar anak pergi sana sini. Mereka perlu hari cuti yang lebih banyak dan saya bercadang peruntukan cuti satu minggu. [*Tepuk*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bapa suka, suka, ada suka.

Puan Chong Eng: Yang akhir sekali saya ingin mendapat perhatian kementerian tentang penswastaan. Apakah kesan penswastaan terhadap pekerja, khasnya wanita, kerana kita semua sedia maklum bahawa wanita ramai di jawatan rendah dan jawatan rendah ialah *clerical*. Dan clerical ini kerani, mereka senang diganti apabila menggunakan sistem komputer – komputeran. Dan ada dikatakan selepas penswastaan Bank Negara, Telekom dan TNB bahawa ramai pekerja wanita diberhentikan kerana tempat-tempat kerja mereka telah diambil alih oleh komputer. Dan apabila sampai umur 40 tahun susah untuk mereka mencari pekerjaan yang lain. Maka saya menyeru supaya kementerian membuat satu kajian apakah kesan penswastaan terhadap pekerja wanita dan bagaimana kementerian boleh menolong supaya pekerja-pekerja wanita yang akan menerima kesan-kesan negatif ini diberikan kursus ataupun bantuan-bantuan yang lain supaya mereka boleh terus bekerja ataupun mencari nafkah. Dan terakhir sekali untuk menyenangkan semua pihak saya berpendapat bahawa adalah perlu Kementerian Sumber Manusia mengadakan sekurang-kurangnya seorang menteri daripada pemimpin wanita. Sekian terima kasih. [*Tepuk*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila Batu Pahat. Selepas ini menteri menjawab.

12.38 tgh.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Bekalan B.45 Kementerian Sumber Manusia di bawah butiran 020000 – Kemajuan Guna Tenaga Rakyat dan butiran 030000 – Keharmonian Perhubungan Perusahaan.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Sumber Manusia kerana dapat melaksanakan tanggungjawab bagi meningkatkan lagi struktur sumber manusia negara yang mana pengeluaran negara juga terus meningkat di samping mula mendapat pengiktirafan antarabangsa kerana guna tenaga buruh yang

produktif, kestabilan politik dan pendidikan yang tinggi. Ia selaras dengan enam strategi Kementerian Sumber Manusia. Tuan Pengerusi saya mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Kementerian Sumber Manusia kerana dapat mengimplementasikan strategi kementerian yang mana dapat dilihat sebagai satu program mempertingkatkan mutu perburuhan di samping mengawasi piawaian perburuhan dan keselamatan sosial.

Tuan Pengerusi, sejak kebelakangan ini berbagai-bagai pihak telah menyuarakan kepada pihak kerajaan khususnya kepada Kementerian Sumber Manusia mengenai polemik paras gaji minima. Di negara kita terdapat 8.7 juta tenaga buruh pada tahun 1999, 6.24 juta merupakan pekerja makan gaji dengan 876,500 orang berada dalam sektor awam dan 5.3 juta orang dalam sektor swasta. Di samping itu terdapat 724,000 orang pekerja asing yang sah dan dianggarkan seramai 800,000 pekerja asing tanpa izin. Selain seramai 150,000 orang lagi pekerja asing daripada Filipina berada di Sabah. Mengikut laporan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja hanya terdapat 4 juta pencarum yang aktif daripada jumlah tenaga buruh yang saya jelaskan sebentar tadi.

Seramai 72,000 orang berpendapatan kurang daripada RM100 yang mencarum dengan KWSP dan seramai 350,000 yang berpendapatan antara RM100 hingga RM300, seramai RM680,000 yang berpendapatan antara RM300 hingga RM500, seramai 380,000 berpendapatan RM501 hingga RM600, seramai 360,000 yang berpendapatan antara RM601 hingga RM700, seramai 290,000 orang berpendapatan RM701 hingga RM1000 dan seramai sejuta orang berpendapatan RM1001 hingga RM1200 yang mencarum dengan KWSP.

Daripada data yang saya nyatakan tadi menampakkan kepada kita lebih kurang tiga perempat daripada jumlah tenaga buruh yang berpendapatan kurang daripada RM1,000 yang mencarum dengan KWSP. Berdasarkan daripada ketidakseragaman gaji kepada tenaga buruh mahupun pekerja di negara kita yang mungkin disebabkan oleh beberapa faktor, maka pelbagai pihak telah menyuarakan kepada kementerian mengenai kadar gaji minimum.

Jawatankuasa MTUC yang diketuai oleh seorang perunding dari Sri Lanka yang bernama Ram Thiagarajah dengan kerjasama Pertubuhan Buruh Antarabangsa yakni ILO telah pun membuat kajian selama enam bulan, yang mana hasil daripada kajian tersebut telah pun dihantar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang meminta kadar gaji minimum sebanyak RM1,200. Kadar ini naik mendadak sebanyak 100% kalau dibandingkan dengan satu simposium yang diadakan oleh MTUC di Petaling Jaya yang diadakan pada tahun 1996, yang mahukan kadar gaji minimum sebanyak RM600 sahaja.

Dalam laporan MTUC juga menyatakan walaupun gaji tidak naik tetapi harga barang tetap naik di atas alasan peningkatan sara hidup yang berterusan, maka adalah sesuai kadar gaji minimum yang disarankan oleh MTUC tadi. Jawatankuasa MTUC yang berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakan-rakan daripada pembangkang haruslah sedar bahawa sebarang keputusan seperti yang disuarakan oleh rakan-rakan daripada parti pembangkang tadi, sebarang keputusan yang dibuat mengenai kadar gaji minimum hendaklah diputuskan oleh beberapa pihak yang tertentu bukan daripada keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seorang sahaja seperti suara-suara yang kita dengar tadi.

Pada saya permintaan kadar gaji minimum yang mendadak adalah kurang seimbang berbanding purata kenaikan gaji antara 8% hingga 16% setiap tiga tahun sekali. Sekiranya kadar gaji minimum yang dituntut ini iaitu kenaikan sebanyak 100% terlaksana, bermakna sektor swasta akan menghadapi pertambahan kos pengeluaran dan kos pengurusan antara 20% hingga 30%.

Sementara kos emolument tahunan kerajaan yang sekarang hanya RM14.8 bilion akan meningkat sebanyak 50% berdasarkan sebahagian besar kakitangan awam berpendapatan antara RM340 hingga RM1,200. Harus juga kita fikirkan bagaimana

kalau hari ini kadar gaji minimum RM1,200 bagaimana untuk lima tahun yang akan datang. Adakah kita akan menetapkan kadar gaji minimum sebanyak RM2,500?

CUEPACS pula padatahun 1999 telah menghantar memorandum ke JPA mengenai gaji matrik kakitangan awam dan gaji minimum gaji kakitangan awam yang dituntut ialah RM1,000 termasuklah had umur bersara daripada umur 55 tahun kepada 58 tahun. Isu mengenai kadar gaji minimum masih di peringkat perbahasan. Banyak faktor yang perlu diambil kira termasuk untuk mengkaji struktur kadar gaji minimum sendiri.

Persidangan tiga pihak hendaklah diwujudkan iaitu pihak kerajaan, pekerja, majikan di samping wakil bebas yang berkecuali yang boleh memberi pandangan mengenai perkara tersebut. Antara peranan yang boleh dimainkan bagi pihak kerajaan seperti yang kita maklum Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Pembangunan Negara Jangka Panjang yang sedang dirangka oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara, yang kedua, diharap akan dapat menetapkan panduan jelas mengenai persoalan gaji minimum yang mana ia akan menjadi dasar yang jelas untuk pelaksanaan masa hadapan. Bagi pihak pekerja melalui kesatuan-kesatuan sekerja akan memperjuangkan yang terbaik untuk ahli-ahli, terpulanglah kepada pihak pengurusan dan majikan untuk melaksanakan mengikut kemampuan.

Bagi pihak majikan, kekhuatiran terbayang kepada majikan, apakah kenaikan gaji minimum akan mempertingkatkan sumbangan kepada kemajuan organisasi dan ekonomi. Dibimbangkan suasana selesa akan membayangi pekerja dan pengeluaran sebenar akan menurun selepas satu tempoh tertentu. Dalam perbahasan dan penentuan untuk menentukan kadar gaji minimum belum ada sesuatu undang-undang ataupun akta yang diperuntukkan meskipun kita telah ada Akta Majlis Gaji.

Persoalan juga timbul, apakah kaedah untuk menetapkan kadar gaji minimum sama ada ianya mengikut kaedah bersifat kebangsaan atau mengikut zon. Contohnya, penetapan mengikut zon seperti zon utara, selatan, tengah, timur selain daripada zon Sarawak dan Sabah.

Jadi, saya berharap kerajaan akan menggalakkan peningkatan upah berdasarkan produktiviti di samping model yang akan dibentuk tidaklah terlalu ketat sehingga menyekat kemajuan dan pertumbuhan syarikat-syarikat dan syarikat-syarikat yang baru wujud. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila Kementerian Sumber Manusia menjawab.

12.48 tgh.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Pengerusi, saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada rakan-rakan, baik daripada *Backbenchers* mahupun daripada pembangkang yang begitu prihatin tentang peranan, tugas, objektif Kementerian Sumber Manusia.

Saya akan mula mukadimahnya Tuan Pengerusi, dengan menyatakan rasa syukur kita. Hari ini adalah 30 hari bulan Zulhijjah, petang ini kita baca doa akhir tahun, lepas Maghrib nanti baca doa awal tahun. Kita rasa syukur kepada Allah Rabbuljalil kerana dalam suasana negara begitu tertekan ekoran daripada tekanan ekonomi yang berlaku pada 1997, 1998. Suasana ini sebenarnya membuatkan kita menjadi lebih kuat, lebih berani dalam menangani isu-isu sumber manusia yang telah digarispandukan dalam strategi dengan izin, Midterm Review Rancangan Malaysia Ketujuh di mana di dalam kementerian ini kita memberi garis panduan yang begitu jelas iaitu strategi yang sengaja diatur, susun dan kita dengar daripada pakar-pakar agar ekonomi negara kita berasaskan kepada ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan juga berintensifkan modal.

Jadi, usaha kementerian adalah untuk menawarkan tenaga manusia mahir, itu nombor satu. Nombor dua adalah, kita juga berhajat untuk memperbaiki *excess* kepada pendidikan dan latihan bagi meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup. Jadi, bila saya pergi kepada perkara-perkara yang mikro, yang lebih kecil, yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, saya akan bincangkan secara lebih mikro, yang ini lebih besar sedikit.

Kemudian, dasar kita juga, kita ingin mengurangkan pergantungan tenaga kerja asing selaras dengan peralihan industri ke arah penggunaan automasi yang lebih luas dan teknologi penjimatan buruh dalam proses pengeluaran.

Keempat, kita juga menggalakkan bekerja sendiri melalui penyediaan latihan dan bidang keusahawanan, pengurusan dan kewangan, kita memperkukuhkan mekanisme pasaran buruh untuk memudahkan mobiliti buruh dan akhir sekali menggalakkan pelaksanaan skim upah seperti yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, yang dikaitkan dengan produktiviti dan prestasi kerja.

Perkara pertama tadi, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dan juga Yang Berhormat bagi Seputeh menyatakan bahawa kenyataan Perdana Menteri tentang gaji minimum ini, adalah omong kosong, jual ubat politik sebelum pilihan raya.

Ini tidak benar sama sekali, Tuan Pengerusi, saya ada satu pantunlah:

Campur cuka dengan udang galah,

Makan bersama si anak tiri;

Jangan suka mencari salah,

Cermin dahulu diri sendiri.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak payah jawab pantun itu. *[Ketawa]*

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tak payah jawab. Terus?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Perdana Menteri memang ada menyatakan gaji minimum, tetapi masalahnya pembangkang ini, ia tidak membaca terus, dia baca sekerat itu sahaja, selalu pembangkang ini memang baca sekerat sahaja, masuklah ayat-ayat al-Quran, hadis semua dia baca sekerat.

Perdana Menteri menyatakan gaji minimum ini ada syaratnya, kalau kita dapat memenuhi syarat itu, maka adalah tindakan-tindakan dibuat supaya gaji minimum ini menjadi realiti.

Tuan Pengerusi, tetapi, kalau ia jadi realiti, saya tidak dapat bayangkan, orang yang buat teh tarik itu RM1,200 gajinya, maka kalau kita hendak minum teh tarik dekat warung, harganya sudah tidak jadi lagi 0.60 sen, Tuan Pengerusi, ini di warung.

Walau bagaimanapun, dasar kementerian, dasar Kabinet dan dasar yang disusun atur oleh MTEN adalah kita kaitkan upah melalui produktiviti.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peringat ya berdiri, minta penjelasan.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Tuan Pengerusi, kalau boleh kita hendak tahu apa syarat-syarat yang dimaksudkan tadi. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Peringat, dia dok peringat saya. Syaratnya banyaklah, antara syaratnya adalah bila kita hendak umumkan gaji minimum, ini sektor pekerjalah, orang bekerja memanglah dia syok bila ada gaji minimum, Ahli Yang Berhormat pun suka juga kalau elaun kita naik, kan? Semua orang suka. Tetapi dalam fungsi kerajaan, tugas kita adalah untuk memastikan keharmonian perindustrian itu dapat dikekalkan supaya negara kita ini ada *competitive*

edge, dengan izin, berbanding dengan negara-negara lain. Apatah lagi tadi Yang Berhormat bagi Batu Pahat menyatakan bahawa kajian yang dibuat oleh MTUC itu, orang yang buat kajian itu daripada Sri Lanka, apa fasal kita hendak gunakan *expert* daripada Sri Lanka, tidak bolehkah kita gunakan cerdik pandai kita daripada sini?

Kalau saya hendak jawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Peringat ini, mungkin berjam-jam saya kena beri satu *lecture* mengenai gaji minimum ini, Yang Berhormat, jadi saya cadangkan dasar kerajaan adalah, saya ada buku ini. [*sambil menunjukkan buku itu*] Buku ini dikeluarkan oleh NPC, jadi saya cadangkan supaya Yang Berhormat bacalah, untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai produktiviti *link way system*, yang dipersetujui oleh Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan, di mana MTUC dua wakilnya memang duduk di sini dan mereka ini sudah bersetujulah, *productivity link way system* ini, dengan izin, pada tahun 1996.

Kita memang prihatin tentang masalah gaji ini, cuma pendekatan kerajaan gaji mestilah dikait rapat dengan produktiviti dan kita ada beberapa contoh oleh kilang-kilang dan perusahaan yang menyatakan bahawa *productivity link way system* ini boleh diamalkan dan ada contoh di mana kilang-kilang sudah pun menjalankan skim ini sudah sampai sepuluh tahun, tidak ada masalah kerana saya rasa sistem ini adalah sistem yang Islamic, sebab agama Islam bla bercerita tentang upah atau perkara-perkara lain mendesak dan menyaran kita supaya kita produktif. Jadi, upah kita mestilah selaras dengan kerja yang kita buat.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi menyatakan tentang beberapa perkara khususnya dalam bentuk yang disentuh oleh beliau ialah kerjaya teknikal dan vokasional. Saya ambil peluang ini kerana ramai anak-anak buah kita ini yang ada di dalam Dewan yang mulia ini, kita memang sentiasa prihatin tentang nasib anak-anak kita yang lepasan sekolah khususnya SPM. Semalam sahaja kita dimaklumkan bahawa 78,000 dapat gred 1, 189 orang dapat 10 A1 – 55 orang sahaja Melayu, yang lain bukan Melayu.

70,000 lebih gred 2 dan gred 3 pun lebih kurang 70,000 lebih, kadar kegagalan 30%. Ini menandakan bahawa Batang Lupar tadi kata 27 institusi latihan yang disediakan bukan sahaja di bawah Kementerian Sumber Manusia, tetapi di bawah MARA – IKM dan Pusat Giat MARA, tetapi juga di bawah Belia, ada tujuh buah IKBN, lapan akan dibina dalam RMK-7 dan kita ada Politeknik yang bukan di bawah jajahan takluk sayalah, Politeknik ini di bawah Kementerian Pendidikan.

Yang masuk universiti lebih kurang 40,000 orang termasuk IPTA dan IPTS, maka gred 1 sahaja kita merasakan ada 30,000 lebih surplus. Jadi, kita bila ada masalah, ada peluang, saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar, dia kata banyak program dan aktiviti yang dijalankan oleh kementerian dan ramai orang yang tidak tahu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, boleh kita sambung petang ini?

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ya, terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di -Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di -Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) mempengerusikan Mesyuarat]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Pengerusi, minta maaf Tuan Pengerusi, tidak cukup saya ingat bilangan ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau saya sudah suruh nanti okaylah. Sila Menteri menjawab.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Pengerusi, bilangan ahli Dewan tidak mencukupi saya ingat - 26 orang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup. Peraturan keberapa? Cuba kira, Setiausaha.

[Ahli-ahli dikira - kurang 26 Ahli hadir]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak cukup bunyikan loceng.

[Loceng dibunyikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila kira.

[Ahli-ahli dikira - lebih 26 Ahli hadir]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: 28 orang. Sila Menteri menyambung jawapan. Kuorum cukup.

2.34 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:

Ayam laga ayam sabung,

Cukup kuorum boleh saya sambung.

Tuan Pengerusi, tadi saya berhenti dekat latihan yang dikaitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong dan Batang Lupar. Vokasional dan teknikal ini satu bidang baru dalam sejarah perindustrian negara kita. Jadi, memanglah kita menghadapi masalah imej, ketrampilan dan juga pengiktirafan. Saya beri contohlah, sahabat saya bagi Jeli, dia Juruukur tetapi kalau dibanding dengan Jurukimpal, kalau Juruukur pinang anak dara orang dekat kampung – yang paling lawa sekali, selalu Juruukurlah yang dapat dibandingkan dengan Jurukimpal. Ini realitilah, Tuan Pengerusi tetapi masyarakat tidak tahu Jurukimpal yang specialize, dengan izin, dia boleh sambung stainless steel. Jurukimpal ini kalau yang taraf dia sampai ini, gaji dia dibayar ikut jam. Kalau di Singapura di 'Keppel Harbour' dibayar S\$50 – lebih mahal daripada saya bayar doktor *locum* di klinik saya dahululah.

Jadi kita akui kita ada masalah tentang imej dan perkara ini memerlukan satu paradigm shift kepada masyarakat untuk mengetahui pekerja mahir khususnya dalam bidang teknikal dan vokasional diberi pengiktirafan dan kalau kita lihat sejarah perindustrian negara kita yang baru 25 tahun atau 30 tahun, berbanding dengan negara-negara maju 200 tahun atau 300 tahun. Yang Berhormat bagi Bentong ada kata tadi craftsmanship, mereka ini diberi kedudukan yang tinggi di masyarakat dan profesor dalam bidang kimpalan di Barat kalau dia sudah tidak ada kudrat untuk berikan tenaga dia di sektor industri dan dia ingin berkhidmat kepada masyarakat dengan dilantik sebagai pensyarah, gaji dan upah mereka ini sama taraf dengan profesor-profesor yang mahir dalam bidang akademik.

Walau bagaimanapun, langkah Kementerian Sumber Manusia kita terus menerus mengadakan bengkel dan seminar dan kita akan mulakan pada 7 haribulan ini....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Larut minta penjelasan, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:

Anak Cina anak Hindu,

Boleh bertanya boleh beritahu?

Minta penjelasan. [Ketawa] Sebab tadi Yang Berhormat berpantun, saya pun cuba. Penjelasan. Terima kasihlah di atas penjelasan Yang Berhormat tadi. Berhubung dengan apa yang telah Yang Berhormat cuba ulaskan tadi, saya ingin bertanya sama ada langkah kementerian hendak menghantar mereka ini mungkin yang terpilih yang boleh dijadikan model ke luar negara supaya apabila mereka ini balik boleh seterusnya menjadi satu contoh teladan kepada yang lain.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:

Kayu diketam kayu jati,

Ketam sampai berkarat;

Dapat ku selam isi hati,

Dari wajah yang tersirat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Berbalas pantun, nampak! [Ketawa]

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ini Yang Berhormat bagi Larut ini dia prihatin tentang perkara-perkara yang dilakukan oleh kementerian. Tuan Pengerusi, ada pantun ini ceria sedikit. Pukul 2.30 ini mengantuk semua.

Cadangan itu memang baik, kita sudah lakukan awal-awal dahulu sewaktu kita mula-mula hendak mengadakan ILP pada tahun 80-an tetapi bila ILP ini berkembang dan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kita tambah lagi 10, maka kita sebenarnya tidak memerlukan tenaga-tenaga luar dan kita sendiri sebenarnya sudah ada rancangan National Instructor Training Programme (NITP) yang kita rancang di mana kita dapat mengeluarkan lebih kurang 200 tenaga pengajar untuk menampung keperluan, bukan sahaja di Kementerian Sumber Manusia tetapi di institusi-institusi lain.

Jadi, kita mengadakan seminar bengkel, iklan-iklan pengambilan ini kita iklankan di surat-surat khabar tempatan pada tiap-tiap bulan April dan bulan Oktober dan kita ada juga 'website'lah....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Arau berdiri, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih, Timbalan Menteri yang bagi jalan kepada saya. Sebelum Yang Berhormat beralih kepada persoalan lain, saya ingin menyentuh soal latihan tadi. Saya melihat dalam penyata kewangan yang diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen, kerajaan sekarang ini menubuhkan Institut-institut Latihan Perindustrian. Kita membelanjakan RM1.3 bilion dan ini merupakan satu perbelanjaan yang besar. Saya mengalu-alukan usaha penubuhan Institut Latihan Perindustrian ini, tetapi saya ada satu tanda tanya kerana dalam masa sekarang ini kita di pihak MITI mengalakkan perindustrian yang berteknologi tinggi. Maknanya, pengguna sumber manusia akan berkurangan dari masa ke semasa.

Dalam masa yang sama, kita menubuhkan begitu banyak institut-institut latihan yang memakan belanja begitu besar, yang ada di Kuala Lumpur, Terengganu, Pasir Gudang, Jitra, 9 kalau saya tidak silap. Dan ada lagi institut-institut latihan dalam bentuk keselamatan, kesihatan pekerja dan juga pusat kemahiran teknologi tinggi, ada satu sahaja yang kita wujudkan. Jadi, saya nampak ada *contradict*, dengan

izin, di antara dasar MITI dan juga latihan yang disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat, dalam bentuk kursus apa yang akan dilaksanakan di Institut Latihan Perindustrian ini. Bagaimana pula dengan kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak MARA melalui Giat MARA. Jadi, apa perbezaannya di antara kursus-kursus yang akan diadakan.

Satu lagi, saya memohon pihak kementerian dapat mempertimbangkan pelajar-pelajar lepasan SPM. Saya pernah bercakap semasa di Dewan Negara, pelajar-pelajar lepasan SPM ini tidak ada hala tuju. Maknanya, kita minta Kementerian Belia dan Sukan untuk memberi perhatian tetapi nampaknya Kementerian Belia dan Sukan ada program tetapi tidak ada program yang menjurus kepada kerjaya. Adakah kementerian ini akan juga mengambil kira pelajar-pelajar lepasan SPM sebelum dapat keputusan SPM ini dalam masa mereka lap period tersebut ditempatkan di pusat-pusat latihan ini. Bagaimana Kementerian Sumber Manusia menentukan supaya bukan infrastruktur bangunan sahaja disediakan tetapi mengisi pengisiannya supaya dari segi tenaga pengajar, dari segi teknologi yang disampaikan, kurikulum yang disampaikan supaya selaras dengan peredaran masa dan juga keperluan negara, pada hari ini. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Arau. Tidak sempat agaknya hendak bercakap tadi. Sebenarnya ia tidak *contradict*. Kalau kita lihat *Mid-Term Review*, Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ketujuh, ia adalah kesinambungan daripada dasar-dasar kerajaan yang sedia ada. Cuma kita kena peka, kita kena lihat persekitaran kita dan juga persekitaran luar, di mana industri berkembang dengan cepat, teknologi berkembang dengan sungguh pantas, maka kursus-kursus yang dioleh oleh bukan sahaja Kementerian Sumber Manusia tetapi MARA dan juga Giat MARA, IKM, IKTM, IKBN dan juga institusi-institusi swasta yang menjurus dalam bidang kemahiran ini.

Sebenarnya kursus-kursus ini menyediakan agar pelabur-pelabur yang masuk melalui cara yang dibuat oleh MITI agar ia berasaskan kepada *knowledge economy*, dengan izin, dan juga *capital intensive, labour intensive*, dengan izin, sudah mula dikurangkan. Sebab itu kursus-kursus yang disediakan di Industri Latihan Perindustrian (ILP) ini adalah kursus-kursus yang berteknologi. Saya bagi contoh, Yang Berhormat bagi Arau, anak-anak muda kita ini, gred 2 atau gred 3, kelulusan minimum hendak masuk sijil MLDK, tahap satu atau dua untuk kursus *Computer Adapt Design, Computer Adapt Manufacturing (CAD/CAM)*, satu kursus di mana peserta dan pelatih di dedahkan dengan teknologi yang amat tinggi. Kursusnya 12 bulan sahaja tetapi bila mereka keluar mereka ini ditawarkan gaji di antara RM1,300 hingga RM1,800. Mereka mengendalikan CNC *machining*. Kebanyakan kilang-kilang elektronik yang menggunakan kaedah otomasi sudah bergerak ke arah ini.

Jadi, isu yang mengatakan bahawa ia *contradict* itu tidak benar, kerana kursus-kursus yang disediakan memang bukan untuk *labour* intensif. Kita menyediakan *carrier development*, dengan izin, daripada persijilan MLBK tahap satu, tahap dua, tahap tiga pada diploma kemahiran.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kinabatangan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Kalau tidak kelapa tuan;

Tidak saya berdiri di sini;

Kalau tidak ada soalan;

Tidak saya bercakap lagi. [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan ya.

Tuan Moktar bin Radin: Tuan Pengerusi, memandangkan, negara kita masih dilanda oleh masalah pengangguran. Apakah kerajaan dan kementerian ini telah mengenal pasti penyesuaian kursus-kursus yang telah dianjurkan mengikut kehendak dan tuntutan permintaan dalam bidang perindustrian masa kini. Kerana kalau dianjurkan kursus tetapi tidak ada kena mengena dengan tuntutan pekerjaan, rasa saya kursus tersebut macam sia-sia sahaja. Jadi, apakah kementerian ini telah mengenal pasti. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih, Kinabatangan, tidak ada pantun. *[Disampuk] [Ketawa]* Sebenarnya, kita memang sentiasa menyelaras. Dalam MLDK ada jawatankuasa yang terdiri daripada rakan-rakan klien kita dalam sektor perindustrian. Mereka inilah yang menasihatkan kita, kursus-kursus yang mana yang diperlukan oleh sektor industri. Jadi, bila kita dengar ‘ulama’ yang betul ini kita dapat rangka pendekatan-pendekatan yang proaktif mengenai teknologi-teknologi akan datang. Perkara yang dibangkitkan oleh Kinabatangan, kita memang sentiasa menyelaras, ada satu jawatankuasa dan jawatankuasa ini dinamik.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat, saya tumpang tanya, mungkin pertanyaan saya ini larisedikit daripada apa Yang Berhormat sedang berucap. Tadi Yang Berhormat kata ada kementerian mendengar ‘ulama-ulama’ yang betul, saya tidak berapa faham?

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ulama yang difaham oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ini ulama agama sahaja. Saya mentafsirkan ‘ulama’ ini adalah ilmunan, siapa-siapa yang ada ilmu itu ‘ulama’lah. Jadi ‘ulama’ yang mahir dalam bidang perindustrian, dialah nasihatkan kita. Kan Rasulullah pernah pesan pada kita, hendak selamat ni dengar ulama, bukan ulama agama sahaja kita hendak dengar, ulama lain pun kita kena dengarlah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya ucap terima kasih ya. Saya tidak hendak mempertikai definasi ‘ulama’ yang Yang Berhormat berikan. Tetapi bila Yang Berhormat sebut ada ulama betul tadi, dan dikaitkan ulama itu ialah orang yang pakar dalam perindustrian terutama sekali, saya jadi makin keliru. Adakah bererti satu kepastian telah dicapai iaitu sarjana-sarjana, cerdik pandai dalam industri, sudah diyakini betul dia punya pandangan dari segi Islam. Dan yang kedua ‘saudara’ memberikan gambaran bahawa ada kumpulan ulama yang tidak betul. Siapakah kumpulan ulama yang tidak betul Yang Berhormat maksudkan, kerana ini akan memberikan implikasi yang besar. Implikasinya ialah bahawa kita telah mengkategorikan satu bahagian orang Islam sebagai tidak betul dan tidak benar.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ini Kementerian Sumber Manusia jadi kalau terlalu menyeleweng – bukan menyeleweng terkeluar daripada maksud kementerian – jadi eloklah Yang Berhormat teruskan yang berkaitan dengan kementerian. Sebab tafsiran ulama ini karang saya ingat tiga hari tak habis. Jadi saya haraplah Yang Berhormat terus kepada.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Saya setuju Tuan Pengerusi ulama pun sumber manusia juga.

Tuan Husam bin Haji Musa: Lain kali jangan mulakan, dia mula saya ikut sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak, saya sudah menegur. Jadi saya tidak hendak dengar yang itu. Jadi saya ingat kementerian teruskan, kementerian yang berkaitan. Hal itu kita bincang lain dari kementerian yang berkaitan ataupun lain-lain forum yang sesuai. Jadi teruskan.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tentang pertelingkahan atau perbezaan di antara Lembaga

Akreditasi Nasional Negara dengan Majlis Lembaga Vokasional Kebangsaan kalau ada beza pun tak apa, tetapi adalah untuk kepentingan bangsa, itu tak menjadi masalah dan perbincangan-perbincangan terus diadakan di antara MLBK dengan Lembaga Akreditasi Negara agar satu ketentuan dapat, ada satu perkara yang jelas agar antara akademik dengan kemahiran ini dapat dibezakan dan akhirnya perkara ini akan dapat diiktiraf bukan sahaja oleh masyarakat di sektor swasta tetapi juga di badan-badan dan agensi kerajaan.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong mengemukakan cadangan tentang ketatanegaraan. Saya ingat ini satu cadangan yang baik. Kementerian sebenarnya sudah memulakan program satu kokurikulum dan program kurikulum. Kurikulum ini khusus bagi memastikan generasi muda yang terlatih dalam bidang kemahiran sentiasa peka tentang apa yang berlaku dalam negara dan mengetahui tatanegara kita. Maka kementerian sudah bekerjasama dengan Intan dan BTN untuk merangka kurikulum khusus bagi pelajar-pelajar yang berada di institusi latihan perindustrian ini.

Walau bagaimanapun kokurikulum secara tidak langsung dapat juga diterapkan kepada pelajar-pelajar kerana mereka ini wajib menganggotai mana-mana pertubuhan seperti Bulan Sabit, Wataniah dan Waja Diri.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar, kekanda saya ini dan Larut bertanyakan tentang isu-isu dan hal PERKESO.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pun tersentak juga bila kata ulama tadi. Tadi Yang Berhormat kata ulama betul, dulu kita dengar ulama UMNO tapi bukan saya hendak bangun saya hendak bertanya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanya mengenai itu lagi ke.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ingin bertanya tentang industri, tetapi saya tersentak bila tanya isu perdebatan ulama, bukan saya hendak memulakannya, tapi saya dengar kata ulama betul, belah sana kata tuduh ulama UMNO, ini memang tiga hari pun tak habis kalau kita bincang hal ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kalau tak habis tak usah mulalah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dulu Yang Berhormat dia selesai dulu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, kalau tak habis tak payah mula.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk dulu, duduk dulu. Dia tidak hendak menyentuh yang itu dah dia hendak benda lain. Terus teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin b. Dato' Mohd. Jarjis: Sabar Yang Berhormat, mungkin panas selepas Sanggang. Tapi sabar. Kita mesti ada ketabahan hati. Yang Ketua Pemuda terima senyum alhamdulillah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terus, terima kasih.... [Ketawa]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: 'Dak', apa yang dia sebut nama saya tadi, saya baru masuk sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Menghormati Yang Berhormat baru masuk itu sahaja. Salahkah?.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Itu saya hendak tahu apa dia, saya tak tahu apa.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Menghormati, saya sebut menghormati supaya yang belakang kenal siapa Ketua Pemuda PAS.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasihlah, dia lebih cerdik dari Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sanggang pun tak berjaya, itu sahaja, itu sebab saya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya hendak ucap tahniahlah kepada Rompin.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat. Ini apa maknanya. Ini bukan berbincang.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Fasal dia menang dengan strategi yang baik.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tengah hendak bercakap Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini bukan pasar Yang Berhormat. Ini bukan pasar. Kalau benakan jadi pasar kita hiruk-pikuklah. Teruskan Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: PAS boleh teruskan supaya dia jadi Ketua Pemuda.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Rompin, teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini ada sedikit, betul tak betul saya tak tahu, satu pusat industri latihan perindustrian ini, banyak kemudahan diberi kepada anak-anak terutama luar bandar, tetapi keluhan yang ditanya sedikit adakah tempat atau pusat itu mencukupi memandangkan agak ramai yang memohonnya. Kalau ini benar bahawa tempat yang ada tidak mencukupi dan ini dan juga arah perubahan dari segi kurikulum Yang Berhormat sebutkan tadi alhamdulillah syabas. Adakah kementerian bercadang untuk menambahkan lagi memandangkan banyak anak-anak muda kita yang dapat SPM kelas dua mungkin alhamdulillah ramai yang kita dengar semalam yang dapat gred satu tetapi lebih ramai juga yang gred dua dan tiga yang mahu memasuki pusat-pusat begini.

Apakah cadangan kementerian sama ada hendak menambah lagi pusat-pusat ini untuk kita menampung juga bukan sahaja mereka yang berjaya ada tempat dalam masyarakat top of the pyramid tetapi yang penting yang *the bottom part of pyramid* itu lebih besar supaya tempat-tempat yang begini, kemudahan yang sebegini diberi kepada sebanyak yang boleh yang berminat untuk melatih diri dalam bidang-bidang sektor industri tertentu terutama dari dalam sektor-sektor yang moden. Saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin, jiran. Memang betul memanglah tak cukup, kalau cukup agaknya Kementerian Sumber Manusia ini tutup kedailah, tak payah kerja. Memang tak cukup, kita prihatin. Baru-baru ini SPM ada dalam gred dua, gred tiga ada 160 ribu. Keupayaan ILP dengan terbinanya 10 lagi siap nanti bulan Disember, pengambilan Januari 2001, kita punya kapasiti 10 ribu dalam masa 2005 jadi 17 ribu. Khusus itu maknanya mereka yang duduk di dalam jadi penghunilah duduk di asrama bukan kita latih mereka secara modular.

Jadi perkara ini dibincangkan hebat dalam MAPEN dan Kementerian Sumber Manusia adalah sebahagian daripada tugas kita melatih di bawah Jabatan Tenaga Rakyat, tetapi IKBN, belia, Mara pun ada tapi saya rasa masih tidak

mencukupi. Justeru itu dalam Rancangan Malaysia Kelapan kita buat Insha-Allah 16 lagi ILP seluruh negara.

Yang Berhormat bagi Larut, sahabat saya membangkitkan isu.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Mentakab bangun.

Tuan Fu Ah Kiow: Minta penjelasan sedikit, sebelum beralih ke lain isu, saya hendak tahu sama ada graduan daripada ILP untuk melanjut ke IPTA atau IPTS melalui satu sistem kredit transfer di mana mata pelajaran akan diambil kira sebagai satu asas untuk memasuki Institut Pengajian Tinggi. Terima kasih

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mentakab. Memang kita ada rancangan dan sebenarnya sudah pun bermula ia satu dimensi baru, jadi daripada kita panggil SKM, Sijil Kemahiran Malaysia, Tahap I, Tahap II, Tahap III yang disusun atur oleh MLVK. Kemudian Tahap IV, kita ada, itu Tahap IV maknanya Diploma Yang Berhormat, Tahap V adalah Ijazah, Ijazah dalam kemahiran. Perbincangan pengiktirafan ini kita sedang berbincang dengan LAN. Jadi kita memang pergi ke arah itu dan kita beri peluang kepada anak-anak yang tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka dari sudut akademik. Macam Yang Berhormat bagi Rompin kata base itu besar, Insha-Allah kita, jadi bila dahulu ada Sijil Kimpalan, dia sudah kerja lama, dia sudah kumpul duit mungkin dia hendak tambah pengetahuan dia melalui Diploma, dia boleh ambil, daripada Diploma dia boleh sambung kepada Ijazah. Ini satu paradigm shift yang kita hendak lakukan dan sedang berjalan.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar dan Larut ini mempersoalkan isu SOCSO, dia kata pemain bola sepak, ibu tunggal yang dapat Pencen Ilat ini, bolehkah kalau dia kahwin boleh sambung lagi tidak pencen. Ingin saya nyatakan, kita sentiasa mendengar rintihan mereka yang berada dalam golongan ini, ibu tunggal ini, ia tidak ramai mereka yang dapat Pencen Ilat ini. Pencen Ilat ini ia satu skim di bawah SOCSO di mana jika pekerja mengalami kemalangan dan meninggal dunia dia berhak mendapat Pencen Ilat yang maksimumnya jumlahnya RM1,300 sebulan, dengan syarat-syarat tertentu. Maknanya dia pada hari kemalangan itu dia sudah mencarum sekurang-kurangnya 24 bulan, maka dia layak mendapat skim tersebut.

Kita di peringkat kementerian sudah pun memikirkan dan perkara ini sudah di....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:

Dagang Pak Malau, dagang Pak Latif,

Pekerja kena halau, pekerja kena tempik.

Persoalan saya Yang Berhormat, ini tentang masalah kemalangan, kalau ditakdir yang mencarum itu yang terlibat, terbabit tidak ada orang lain yang buat aduan. Adakah pihak kementerian mengambil tindakan untuk membayar pampasan. Yang terbabit itu tetapi tidak ada waris dan sebagainya untuk membuat kompelin, bagaimana keadaan ini tentang bayaran pampasan itu, minta penjelasan.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Skim SOCSO ini kita ada *scheme fault basis* dalam Akta SOCSO Perkara 2(1), pekerja-pekerja adalah secara automatik dilindungi oleh skim tersebut sama ada pekerja tersebut didaftarkan oleh majikan. Itu hebatnya kita ini. Maknanya pekerja, dia pun tidak tahu, katakanlah pekerja 'A' dia tidak tahu yang dia wajib mendapat hak PERKESO.

Ada satu kes Yang Berhormat bagi Larut, saya hendak cerita kebetulan pencarum ini daripada Ipoh, kes ini berlaku pada tahun 1996, dia berkerja sebagai tukang masak, majikan memang tidak carumkan dia dalam PERKESO tiba-tiba pada suatu hari beliau dilanggar oleh.... waktu makanlah, keluar makan itu dia menemui kemalangan jalan raya dan dia lumpuh. Dia dirawat di Hospital Ipoh Specialist

selama..... saya ingat dua tiga bulan, kemudian dirujuk kepada Hospital Besar, selepas itu barulah dia tahu yang ada hak dia sebagai pekerja, 1996. Dia lapor kepada kita, PERKESO tahun 1999, kita proses permohonan beliau, majikannya kita cuba cari. Majikan susah hendak cari dalam suasana ini, tetapi akhirnya apa yang saya hendak cerita, hamba Allah ini dapat Pencen Ilat dan elaun penjaga sejumlah RM1,900 sebulan sampai bila-bila.

Jadi coverage SOCSO ini dia berbeza sedikit daripada insurans.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh penjelasan sedikit. Terima kasihlah di atas penjelasan Yang Berhormat, sebab saya bawa perkara ini kerana ini berlaku di kawasan saya. Dia waktu menikah berusia 15 tahun, kebetulanlah, kemudian suami dia meninggal kerana kemalangan tetapi saya bimbang kerana pampasan pembayaran SOCSO ini tadi mereka mungkin takut oleh kerana bimbang hilang wang pencen ini tadi, mereka tidak berkahwin. Bayangkanlah kalau suami meninggal umur 17, 30 tahun tidak kahwin, bagaimana? Jadi saya hendak minta kalau boleh ada satu garis panduan bagaimana daripada kementerian. Ini membimbangkan sayalah. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Belum temu jodoh ya, Yang Berhormat bagi Larut. Cadangan ini cadangan yang baik, kita sudah pun menyediakan satu kertas kerja di peringkat menteri maknanya Lembaga PERKESO sudah bersetuju dan untuk kelulusan Yang Berhormat menterilah, untuk bukan sahaja membenarkan ibu tunggal yang dapat Pencen Ilat ini kahwin semula tetapi juga kita memanjangkan skim ini. Kalau duda pun boleh dapat, kalau isteri dia bekerja, meninggal dan kita akan buat satu ujian yang kita panggil '*dependency test*'. Suami pun dapat Pencen Ilat. Jadi skim ini kita juga kembangkan kepada duda yang juga rasa hendak kahwin dan takut kahwin, jika kahwin Pencen Ilat ini tidak dapat.

Ini pasal pemain bola sepak ini sepatutnya Yang Berhormat lebih arif dan maklum kalau ada *contract service* dan tertera dalam itu mereka memang sepatutnya ada *coverage* di bawah PERKESO. Tetapi kalau pendapatan pemain bola sepak ini lebih daripada RM2,000, ia secara elektif, terpulanglah kepada budi bicara Yang Berhormat sama ada hendak mencarum atau tidak. Skim-skim lain ini memang kita dalam peringkat terakhirlah, skim bersalin, skim sakit untuk pekerja asing. Pekerja asing, MTEN dan Kabinet sudah bersetuju untuk pekerja-pekerja asing ini mencarum, cuma *modus operandi*, dengan izin, sedang diuruskan oleh PERKESO.

Hukuman berat bagi mereka yang tidak mencarum, majikan yang tidak mencarum di bawah Seksyen 94 itu, kita akan kajilah. Apa pun yang kita buat kita mengambil kira bukan sahaja pandangan daripada pekerja tetapi juga dari sudut majikan.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar tadi menyatakan bahawa tentang siapa yang sepatutnya bertanggungjawab dalam menangani isu kemalangan khususnya dalam industri balak dan perkayuan. Ikut aturan, kontraktor utamalah yang bertanggungjawab. Jadi kontraktor utama akan dipertanggungjawabkan jika sub-kontraktor atau sub-sub-sub-kontraktor, pekerja-pekerja ini tidak mencarum kepada PERKESO.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Batang Lupar berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, saya rasa kurang jelaslah Yang Berhormat oleh kerana dalam kita mencari orang kerja ini, ada dua perkara. Apa dikatakan *Contract for Service* ataupun *Contract of Service*. Jadi, yang satu itu kita angkat orang supaya kontrak bekerja satu-satu tempat dan kalau perkara ini berlaku, orang itu yang bertanggungjawab, bukan kontraktor yang asal. Jadi, yang satu lagi kita ambil orang untuk membuat satu pekerjaan, orang itu yang bertanggungjawab. Soalan kalau ada apa-apa masalah. Jadi, soalannya bukan *straight forward*, dengan izin, mengatakan yang kontraktor asal yang bertanggungjawab.

Oleh kerana kehendak undang-undang kontrak, ternyata melainkan dalam undang-undang PERKESO telah menetapkan dan saya kurang jelas sama ada undang-undang PERKESO itu menetapkan tidak kira sama ini *Contract of Service* ataupun *Contract for Service*, yang memastikan ia bertanggungjawab. Kalau tidak, perkara ini akan berbalah, perbalahan di antara kontrak yang siapa yang bertanggungjawab. Itu yang saya bimbang tadi, kontrak dan subkontrak. Ini berlaku dalam kontrak pembinaan juga. Saya dapat kontrak, saya subkontrak dengan A dan A itu ambil 5% ataupun 3%, dia ambil subkontrak lagi dengan satu B tetapi yang A ini tidak tahukan B.

Masalahnya kalau berlaku kemalangan, semua orang melepas tangan kata tidak bertanggungjawab. Jadi, undang-undang kena dibuat supaya *it doesn't matter*, dengan izin, siapa yang melakukan, kontrak mana yang buat. Orang yang *main contractor* mesti dipertanggungjawab supaya orang bekerja tidak teraniaya. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Saya faham saranan Yang Berhormat bagi Batang Lular itu. Apapun dalam perkara tersebut, ada dua isu, satu majikan, kedua sama ada mereka yang mengalami kemalangan itu dapat faedah. Jadi, apabila sudah jadi jatuh kemudian ditimpa tangga, yang paling penting sekali adalah faedah pekerja itu. Jadi, kita di PERKESO memang melayan. Faedah akan tetap kita proses dan akan dapat mereka kecapi faedah sama ada hilang upaya sementara, hilang upaya kekal mahupun pencen ilat. Kita akan telitilah cadangan Yang Berhormat kekanda saya.

Sahabat saya, Yang Berhormat bagi Mambong minta beberapa penjelasan, beliau ingin...

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat berdiri lagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Berdiri lagi sekali. Minta maaf. Sudah bercakap, soal pula ini. Ada dua tiga perkara yang saya sebutkan tadi. Sehubungan dengan percakapan saya tadi iaitu anak-anak kita daripada sekolah umpamanya sebagai misalan yang sekarang SPM, 40,000 yang akan masuk ke institusi pengajian tinggi iaitu universiti dan sebagainya dan bermungkinan berapa ratus ribu lagi yang tidak masuk universiti dan tidak menyambung sekolah. Kemungkinan kita bagilah peratusan yang berpatutan, yang akan keluar negeri dan sebagainya dan mendapat kerja.

Tetapi yang saya kata tadi, mekanisme kerajaan ataupun kementerian untuk membawa lepasan daripada SPM ini masuk ke institut yang saya sebut tadi, tidak kurang daripada 27 institut termasuk Giat Mara, Belia dan Sukan dan sebagainya kerana kalau kita lihat, Yang Berhormat, fafah pendidikan kita ialah untuk mendidik orang dengan seberapa banyak yang boleh. Tidak kira dia bukan hendak mengisi guna tenaga negara. Membuat orang yang tadi, dia bekerja tetapi dalam kementerian, mesti ada hala tujuan, iaitu untuk mengisi keperluan industri negara kita.

Jadi, dalam keadaan sekarang, tadi Yang Berhormat bagi Arau katakan bagaimana orang yang *high-tech* dan sebagainya. Kita lihat kalau pendidikan tinggi yang baik itu semuanya baik, macam di England, kita tidak ada orang teknikal. Kalau kita lihat macam di Germany, banyak orang teknikal tetapi tidak ada pendidikan yang baik. Kalau kita lihat model Jepun, dia cukup orang tertinggi dan cukup juga orang teknikal. Jadi, ke hala manakah pihak kementerian ini supaya keperluan industri kita tidak terjejas, bukan sahaja yang *high-tech* tetapi juga industri perkebunan, perladangan dan pembinaan.

Ini tidak mungkin menjadi begitu *high-tech*. Jadi, ada juga dalam elektronik kita, MSC kita perlukan *high-tech*. Jadi, di mana letaknya tugas dan tanggungjawab kementerian supaya mengisi keperluan industri-industri yang *skilled*, *semi skilled* dan dengan yang *high-tech industry* ini supaya kita tidak terkilan pada satu ketika nanti dan

kita tidak kerugian supaya kita tidak payah banyak 1.5 juta rakyat Indonesia datang ke negara kita dan orang kita sendiri boleh mengisi tempat-tempat ini, Yang Berhormat.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tepatlah itu, Tuan Pengerusi. Saya rasa terpenggil, saya sudah juga terangkan secara detail juga tadi mengenai access latihan ini. Tetapi access latihan ini bukan sahaja kepada teknologi tinggi tetapi juga kepada bidang-bidang lain, umpamanya dalam bidang pembinaan. Kita ada dana dan kementerian yang sengaja diwujudkan iaitu CIDB. Jadi, mereka ini memang dilatih untuk menjadi mahir dalam bidang pembinaan, bukan di bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia. Kita lebih menjurus kepada sektor pembuatan dan perindustrian dan seperti saya katakan tadi, sebab itu dana RM1.3 bilion tadi, yang kita belanjakan di mana 40% adalah untuk pembinaan, 60% untuk peralatan. Sebab itu kita belanja banyak untuk peralatan dan peralatan-peralatan ini adalah peralatan-peralatan yang canggih dan berteknologi tinggi.

Yang Berhormat bagi Mambong tadi ingin mengetahui statistik mengapa sebab-sebab pemberhentian kerja mengikut negeri dan bilangan pekerja tempatan dan asing yang terlibat. Yang Berhormat Mambong ini panjang sangat. Ada list kat sini, nanti saya bagi dalam bentuk bertulis.

Menyentuh tentang Mahkamah Perusahaan yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Seputeh mengenai kes-kes yang tertangguh. Sebenarnya, kes-kes yang tertangguh di Mahkamah Perusahaan sekarang adalah setakat 1,367 kes dan sebenarnya tidak pernah meningkat seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh itu, sehingga 5,000.

Kita tahu apa masalahnya. Justeru itu, kita bercadang untuk melantik dan pihak JPA sudah pun bersetuju untuk mengisi enam kekosongan Pengerusi baru untuk menangani kes-kes yang tertunggak di Mahkamah Perusahaan. Kita di pihak kementerian dalam suasana kita ingin menyelesaikan masalah-masalah perhubungan perusahaan ini, kita sentiasa proaktif, kita mendengar dan mencadangkan apa juga bentuk perundangan yang perlu diubah. Sebagai contoh, bila kita gawat dulu, majikan perlu beritahu Pejabat Buruh selama sekurang-kurangnya 30 hari sebelum pemberhentian kerja dibuat. Jadi cadangan Yang Berhormat Seputeh agar kita mengemaskinikan itu memang kita sentiasa.

Yang Berhormat bagi Bentong, terima kasih kerana keprihatinan Yang Berhormat yang menanyakan tentang penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOHCS) sememangnya telah menguatkuasakan penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Pekerjaan dan sehingga Disember 1999 sebanyak 6310 kilang telah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan berbanding 7045 kilang yang sepatutnya menubuhkan Jawatankuasa tersebut, bermakna 90% daripada kilang-kilang tersebut telahpun melaksanakan peraturan tersebut.

Walau bagaimanapun, bagi kilang-kilang yang kurang daripada 40 orang pekerjanya masih belum dapat menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja. Ini adalah disebabkan oleh kebanyakan kilang-kilang tersebut terdiri daripada industri kecil dan sederhana di mana sikap pengurusan lebih mengutamakan pengeluaran dan keuntungan daripada hal-hal keselamatan dan kesihatan. Walau bagaimanapun kita di kementerian sentiasa menggalakkan Perkeso ada dana yang sengaja diperuntukkan khusus bagi mengadakan seminar kursus galakan kepada IKS ini supaya mereka merubah bukan saja untuk untung tetapi juga memikirkan kebajikan pekerja.

Gaji bulanan pekerja ladang ini juga disentuh oleh Yang Berhormat daripada Bentong. Pada 23 Mac lalu, pertemuan pertama di antara Jawatankuasa di peringkat kementerian yang dipengerusikan oleh Datuk KSU dan dihadiri oleh wakil daripada MAPA, NUPW dan juga mereka yang diamanahkan untuk membuat kajian ini daripada Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran UM dan kita sudah beri tempoh masa tiga bulan mulai 1 April, maka bila Dewan kita bersidang pada bulan Julai nanti sama-

samalah kita doa agar rintihan dan keluhan mereka yang berada di sektor perladangan ini yang minta gaji bulanan, bukan gaji minimum, gaji bulanan kerana semua sektor sudah gaji bulanan kecuali mereka yang ada di ladang menjadi realistik.

Yang Berhormat daripada Kuala Kedah memberi cadangan-cadangan yang baik yang kita akan ambil perhatian.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kinabatangan.

Tuan Mokhtar bin Radin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ini berhubung dengan ladang iaitu penggunaan tenaga buruh asing. Di kawasan perladangan, satu kawasan besar di kawasan saya, ini kena saya bicara kerana ini kes memang berlaku di mana penggunaan tenaga buruh ini digunakan sebagai hamba abdi, pasport mereka dikawal dan gaji mereka tidak dibayar dan ada cubaan melarikan diri, terdapat kes bunuh berlaku. Kita telah menggesa pihak keselamatan untuk memeriksa ladang-ladang ini tetapi mereka mengatur strategi yang terbaik sehingga tidak ada berani yang buka mulut.

Saya mencadangkan kementerian ini supaya dapat kalau boleh saya akan beri laporan kawasan-kawasan ladang ini yang menggunakan tenaga buruh dikerah selaku hamba abdi ini kerana ini amat membimbangkan seolah-olah negara kita ini, Malaysia ini masih mengamal penggunaan hamba abdi tetapi ini dilakukan oleh kilang-kilang tertentu di kawasan Kinabatangan. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kinabatangan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bolehlah hantar laporan.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ha, Yang Berhormat boleh hantar laporan terus kepada saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, akan ambil tindakan.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kita akan ambil tindakan sebab buruh asing ini dia punya taraf sama dengan pekerja, dia di bawah Akta Pekerjaan 1955.

Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, abang saya ni, dia selalu datang ke Mersing, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, menyatakan terlalu lama bekerja berdirilah di kilang elektronik, lama sangat. Kita mengakuilah ada terdapat kes-kes dan kita sudah ambil tindakan. Sebagai contoh, tengah cari, [*sambil membelek-belek kertas*] ada kes di mana melalui Jabatan Keselamatan Kesihatan pekerja-pekerja elektronik ini telah mengadu khususnya mereka yang bekerja di Sanyo Electronic Bayan Lepas dilapor pada 1996 dan pada 1999 pihak Kementerian telahpun menangani isu dan masalah tersebut di mana beberapa perkara telah pun diambil oleh Kementerian.

Pertama, operator tidak dibenarkan bekerja sambil berdiri secara berterusan dan mengikut akta, lima jam dia mesti rehat setengah jam. Secara berterusan, lapan hingga dua belas jam. Operator/pekerja hendaklah diberi masa untuk berehat beberapa kali dalam sehari itu dan kerusi rehat hendaklah disediakan oleh pihak majikan kilang. Bagi pekerja yang mendapat pengesahan doktor yang mengalami masalah kesihatan atau wanita yang hamil, mereka tidak akan dibenarkan bekerja dalam suasana tersebut.

[Tuan Pengerusi (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Yang Berhormat, Kesatuan Elektronik - sebenarnya kesatuan atau union elektronik ini memang dibenarkan tetapi dibenarkan *in-house*. Setakat ini ada tujuh kesatuan dan setakat ini kita tak ada masalah walaupun mereka ini tidak ada kesatuan. Hak-hak dan kebajikan pekerja-pekerja dalam sektor elektronik dan elektrik ini sentiasa kita ambil maklum.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada rakan-rakan yang menyentuh pelbagai hal dalam sumber manusia ini dan mana-mana yang tidak sempat disentuh secara terperinci saya akan maklumkan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM137,746,500 bagi Maksud B.45 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sejumlah RM137,746,500 bagi Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM789,970,020 bagi Maksud P.45 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM789,970,020 bagi Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

Maksud B. 46 [Jadual] -

Maksud P. 46 [Anggaran Pembangunan 2000] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.46 dan Kepala Pembangunan P.46 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas. Kuala Nerus.

3.32 ptg.

Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin [Kuala Nerus]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh di bawah Butiran 030000 - Penyelidikan dan Pembangunan, khususnya 030500 - Sains dan Teknologi.

Tuan Pengerusi, bertolak daripada ayat: *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* :

“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang intelektual bagi ‘Util Al Bab’, bagi orang-orang yang cerdas.”

Saya ingin menyarankan kementerian ini membuat penyelidikan yang lebih bersifat kepada Islamic kerana sesungguhnya sumber al-Quran itu merupakan sumber sains yang paling luas yang tidak ada batasan dan ia merupakan suatu kebenaran yang hakiki. Khususnya yang saya hendak cadangkan ialah suatu kajian perlu dibuat berkenaan dengan pusat dunia yang kebetulan menjadi garis bujur yang melalui Greenwich Meridian di England. Ianya mempunyai implikasi yang cukup besar kerana di sebelah sana garis tersebut - garis 180 darjah merupakan Garis Pemisah Hari Antarabangsa, International Dateline, dengan izin, Tuan Pengerusi,. Garis ini di sisi Tuhan wajib wujud kerana ia merupakan satu garis yang memisahkan hari. Jika tidak diisytiharkan hari garis tersebut, maka tidak ada pemisahan hari Ahad, Isnin, Selasa dan seterusnya. Persoalannya, adakah Allah S.W.T. menerima garis tersebut sebagai garis pemisah hari. Garis yang bengkok-bengkok itu yang terpaksa melintasi land mass ataupun daratan di Siberia, telah dielakkan supaya tidak melalui land mass.

Saya hendak cadangkan suatu kajian dibuat oleh Kementerian Sains dan Teknologi supaya garis ini dipindahkan pusat dunia yang melalui Greenwich yang pada satu masa dulu merupakan pusat ilmu dunia di England dipindahkan ke tempat lain. Kalau Allah S.W.T. ingin memilih suatu pusat di dunia ini, saya yakin ianya mestilah garis yang melalui kota suci dan tanah suci bagi kita orang Islam tiga tempat: Mekah, Madinah dan Masjidil Aqsa. Secara kebetulannya, Mekah dan Madinah berada pada garis bujur yang sama pada 40th west meridian - 40 darjah barat. Bagi kita, ini satu kebetulan. Tetapi Allah S.W.T. mempunyai rancangannya yang tersendiri

yang telah meletakkan Mekah dan Madinah itu pada satu garis bujur yang sama, berarti kalau kita alihkan garis bujur tersebut pada 40th degrees sudah tentu Mekah dan Madinah berada di pusat dunia.

Tuan Pengerusi, al-Quran juga ada menyebut kalimah-kalimah barat dan timur - maghrib dan masyrik. Memang maknanya bukanlah barat dan timur yang sebenar. Tetapi bagaimanakah kalau ia mempunyai makna yang tersebut? Al-Quran diturunkan di Mekah dan Madinah, apabila disebut sebelah kanannya barat, sebelahnya kirinya, timur, sudah tentu ada tengah-tengahnya.

Implikasinya Tuan Pengerusi, garis sebelah sana pun berubah sebanyak 40 darjah. Garis tersebut kalau kita melihat peta dunia (globe) apabila pusat dunia diubah ke Mekah dan Madinah maka garis pemisah hari akan jatuh betul-betul pada sempadan Alaska dan Canada. Dalam dunia ini tidak ada sempadan dunia antara dua negara yang lurus melainkan Alaska dan Canada sahaja. Adakah ini suatu lagi kebetulan? Bagi kita memang ia kebetulanlah, tetapi bagi Allah S.W.T. ini suatu yang telah ditetapkan untuk menjadi garis pemisah antarabangsa yang saya cadangkan untuk memberi nama Islamic International Date Line (IIDL) dengan izin, Tuan Pengerusi. Apakah 'consequence'nya, apakah natijahnya?

Garis pemisah hari ini memisahkan hari Ahad, Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis. Kalaulah benar apa yang saya ucapkan ini setelah kita buat kajian, maka ada tempat-tempat dalam dunia ini yang selama ini harinya salah. Ahadnya bukan Ahad, Isninnya bukan Isnin. Lebih pentingnya ialah Jumaatnya bukan Jumaat. Kalaulah ada orang Islam di Hawaii dan di Alaska yang telah pun menunaikan fardhu Jumaat, mereka telah menunaikan fardhu Jumaat hari Sabtu. Kalau apa yang saya katakan ini benar, maka satu kajian perlu dibuat dan kita perlu buat stand di peringkat antarabangsa untuk menentukan garis ini yang sebenar. Kalau mereka hendak menunaikan fardhu Jumaat, sekali lagi kalau apa yang saya kata ini benar, mereka kena sembahyang Jumaat pada hari Khamis, itu merupakan hari Jumaat yang sebenar.

Tuan Pengerusi, perkara ini bukanlah mudah, kita perlu convince peringkat antarabangsa, OIC dan sebagainya di mana suatu pengisytiharan perlu dibuat di manakah dia pusat dunia kita bagi orang Islam, dan suatu fatwa bertaraf dunia perlu dibuat di mana di kawasan tersebut yang garisnya, yang kawasan telah dijejasi oleh garis tersebut yang berpindah sebanyak 40 darjah itu, terutamanya di Alaska dan di Hawaii dan di Toamotu Islands - kepulauan Tuamutu, perlu dibuat kajian di mana fatwa ini perlu menyebut - bagi orang Islam yang berada di sini perlu sembahyang Jumaat pada hari Khamis - itulah hari Jumaat yang sebenarnya. Apakah perlu kita isytihar the zero's meridian perlu diubah pada Mekah? Saya tidak bercadang demikian walaupun hati kecil saya rasa begitu. Tetapi oleh kerana kalau diubah meridian itu, maka havoclah dunia navigation sama ada di udara ataupun di laut. Apa yang perlu ialah kita isytiharkan pusat kita ialah di situ. Yang penting ialah 'consequence'nya tadi dengan izin, iaitu garis pemisah itu perlu diubah ke 140 darjah timur, sebelah sana dunia.

Perkara kedua yang saya hendak sentuh ialah di bawah Butiran 040000 - Pemuliharaan, Perlesenan dan Kawalan Alam Sekitar khusus 040400. Berkenaan dengan pemulihan alam sekitar ini, saya hendak sentuh berkenaan dengan Selat Tebrau yang bersejarah itu di sempadan Johor dan Singapura di mana dipisahkan oleh satu tambak yang kita selama ini masyhurnya sebagai satu tambak - satu-satunya tambak dalam dunia ini. Tetapi malangnya tambak ini telah memisahkan air daripada mengalir.

Saya hendak cadangkan supaya air ini boleh mengalir dengan baik tanpa memusnahkan tambak ini yang bersejarah itu, membina satu laluan air di atas tambak. Membina suatu menara kaca yang kita boleh nampak airnya mengalir mengguna prinsip siphon yang kita boleh panggil dengan giant siphon yang tidak pernah ada lagi dalam dunia hari ini. Tidak perlu kita roboh tambak tersebut yang kita boleh dapat melihat airnya mengalir di atas tambak. Dan saya rasa satu lagi ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rompin sudah bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:pandangan Yang Berhormat. Oleh kerana PAS menguasai Kelantan dan Terengganu mengapa tidak dimulakan di Kelantan dan Terengganu dulu idea dan cara Yang Berhormat itu. Setiausaha Politik Menteri Besar di sini ketua PAS di sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat soalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Adakah Yang Berhormat hendak saya tuju supaya dicadangkan kepada kedua kerajaan Terengganu dan Kelantan memulakan idea dan buah fikiran Yang Berhormat yang baik itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila gulung ya. [Ketawa]

Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin: Saya hendak jawab pun tidak tahu. Saya kalau boleh bukan hendak gulunglah satu point lagi yang berkesempatan ini berkenaan dengan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu minit tidak kira hendak cerita panjang atau pendek satu minit sahaja.

Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin: Alaf baru Tuan Pengerusi, saya dulu pernah bangun untuk bertanyakan Yang Berhormat Tambun apa dia makna alaf baru. Tetapi malangnya soalan saya tidak dijawab kerana saya hendak tanya bukan maknanya tetapi prinsipnya. Walaupun ada di antara kami juga menyebut perkataan ini tetapi saya yakin ramai di antara Yang Berhormat dalam Dewan ini hanya mengikut apa dia itu alaf baru. Yang saya tujukan kepada Yang Berhormat Tambun kerana beliau nampaknya lebih well versed dalam facts and figures. Hendak tanya dialah apa dia alaf baru.

Tuan Pengerusi, kita membilang daripada nombor satu. Kita tidak pernah membilang daripada nombor sifar. Tahun 2000 merupakan tahun yang significant kerana tahun yang terakhir di alaf ini. Tahun yang ada tiga biji kosong. Tahun lompat yang ada tiga biji kosong. Tetapi bukan tahun alaf baru. Alaf baru tahun 2001 kita perlu buat *stands* dalam perkara ini. Kerajaan India mengisytiharkan alaf baru tahun 2001. Amerika mengiktiraf India dengan menyebut *technically they are right*. Perkara membilang perkara teknikal. Kalau *technically they are right, they are absolutely right*. Cuba pun belum merayakan alaf baru pada tahun ini. Tahun baru bermula tahun 2001. Kalau saya boleh beri penerangan sedikitlah alaf pertama bermula tahun 1 hingga tahun seribu tahun. Alaf kedua bermula tahun 1001 berakhir tahun 2000. Alaf ketiga bermula tahun 2001. Tidak ada tahun sifar. Sifar ialah *is the time in point*. Bukan *a point in time*. Sorry. *It's just a point in time* Bukan *a time in point*, dengan izin Tuan Pengerusi. Maknanya alaf baru kita ialah tahun 2001. Saya takut tahun depan apabila diisytiharkan lagi sekali alaf baru tahun 2001 akan berlaku satu lagi perayaan yang menggiatkan menyambut alaf baru. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mambong.

3.43 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang ini. Saya ingin merujuk kepada maksud B.46 butiran 040000 yang berkaitan dengan pemuliharaan dan pengawalan alam sekitar. Dalam butiran ini saya ingin menyentuh hanya dua perkara. Yang pertama saya ingin menyentuh tentang kajian kesan terhadap alam sekitar atau *environmental impact assessment* (EIA), dengan izin. EIA ialah satu kajian untuk mengenal pasti, meramal, menilai dan memberi maklumat tentang kesan-kesan kepada alam sekitar bagi sesuatu cadangan projek dan mengemukakan langkah-langkah 'tebatan' sebelum projek berkenaan diluluskan dan dilaksanakan. EIA berfungsi sebagai *planning tools* dengan izin, dan ia sepatutnya dijalankan serentak dengan perancangan sesebuah projek pembangunan.

Pada tahun 1999 terdapat 98 buah projek di mana laporan EIA telah pun diluluskan. Yang terbanyak sekali di Johor dengan 8 EIA diluluskan. Walaupun demikian terdapat juga pencemaran dan pemusnahan alam sekitar termasuk kejadian tanah runtuh, banjir kilat, pencemaran udara, pencemaran air sungai dan lain-lain di tapak projek. Apakah sebab-sebab yang menyumbang kepada pencemaran ataupun pemusnahan alam sekitar walaupun EIA sudah dibuat dan diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar. Bagi pendapat saya EIA ialah *site* dan projek *specific* dengan izin. Ia tidak mengambil kira kawasan yang besar dan kewujudan projek-projek lain yang berhampiran. Oleh itu saya cadangkan agar pihak kementerian mempertimbangkan kaedah kajian lain seperti *strategic environmental assessment* (SEA), dengan izin. SEA ialah satu kajian strategik dan bersepadu ke atas impak-impak pembangunan terhadap alam sekitar. SEA membuat penganalisa terperinci tentang dasar dan perancangan pembangunan di sesuatu kawasan, mengkaji semula kesesuaian projek-projek pembangunan dari segi pemuliharaan dan pengawalan alam sekitar dan menentukan sama ada semua projek dilaksanakan serentak atau tidak ataupun dilaksanakan berperingkat demi kepentingan pemuliharaan dan pengawalan alam sekitar.

SEA memastikan bahawa pemantauan dibuat di semua peringkat pelaksanaan. SEA juga mengurangkan bilangan EIA yang ditetapkan dan justeru mengurangkan kos pembangunan. Kaedah SEA telah pun diguna pakai di banyak negara asing termasuk The Netherlands, Denmark, Germany, Australia dan New Zealand. Di Malaysia kaedah SEA telah pun diguna pakai di bandar Putrajaya. Bayangkan kalau EIA berasingan harus dibuat untuk tasik, taman *constructed* Wetland, kawasan perumahan dan lain-lain di Putrajaya. Bilangan EIA tentu meningkat dan kos melaksanakan EIA juga lebih tinggi. Tambah lagi strategi pemuliharaan dan pengawalan alam sekitar tentu tidak bersepadu dan berkesan. Saya harap cadangan saya ini iaitu kaedah SEA boleh diterima pakai oleh pihak kementerian.

Perkara yang kedua dalam butiran 04000. Yang saya ingin menyentuh ialah tentang cukai alam sekitar ataupun *environmental tax* dengan izin. Menurut laporan Jabatan Alam Sekitar tahun 1998, sejumlah RM150 juta dianggarkan bagi langkah-langkah penjagaan alam sekitar setahun. Dan kos bagi kawalan pencemaran ialah RM3.6 juta. Tetapi denda yang telah dikutip pada tahun yang sama ialah RM2.57 juta. Berbanding jumlah kos bagi kawalan pencemaran sahaja bukan anggaran bagi langkah-langkah penjagaan alam sekitar nampaknya kerajaan berbelanja lebih banyak daripada kutipan denda. Selagi kesalahan dibawa ke mahkamah kutipan denda memang kurang buat selama-lamanya.

Oleh itu saya cadangkan supaya kerajaan mengenakan cukai alam sekitar ke atas aktiviti-aktiviti yang mencemar ataupun yang memusnahkan alam sekitar berdasarkan kepada *polluters pay principal*, dengan izin. Ini bermakna premis industri atau pemaju yang mengeluarkan bahan pencemaran terhadap alam sekitar lebih daripada tahap yang ditetapkan ataupun memusnahkan alam sekitar haruslah dikenakan cukai alam sekitar. Tindakan begini akan meyakinkan rakyat bahawa kerajaan benar-benar prihatin terhadap pengawalan alam sekitar dan tidak membebankan rakyat jelata. Pendapatan kerajaan daripada cukai-cukai lain boleh diguna untuk membiayai projek-projek pembangunan yang memberi keuntungan kepada rakyat. Dengan cara begini peluang pekerjaan untuk rakyat lebih cerah. Saya berpendapat bahawa pelaksanaan *environmental tax* boleh mengurangkan tenaga untuk pemantauan oleh pihak kementerian. Oleh itu saya mengesyorkan kerajaan menimbang cadangan ini iaitu cukai alam sekitar.

Merujuk kepada Butiran 00605 mengenai Direktorat Bioteknologi Kebangsaan. Saya menyeru agar kerajaan mempercepatkan penggubalan perundangan mengenai pemeliharaan dan akses kepada bio diversity negara. Selagi kita lambat mengadakan perundangan, negara akan rugi kerana *bio piracy*, dengan izin, atau pencurian *biodiversity* susah dibendung kerana ketiadaan perundangan. Negara akan rugi juga dari segi hasil penemuan produk kerana negara-negara lain kini berlumba-lumba dalam bidang pembangunan bioteknologi. Siapa cepat dia dapat.

Di Sarawak kerana sudah ada perundangan pemeliharaan dan akses kepada *bio-diversity* susah bagi *biopirate*, dengan izin, untuk menjalankan aktiviti-aktiviti haram mereka. Tiga minggu yang lepas beberapa orang saintis dari Amerika Syarikat dikesan mengutip sampel-sampel fauna dalam Gua Gunung Buda di Sarawak dan mereka didenda sebanyak RM20,000.

Merujuk kepada Butiran 00800 mengenai Program Penyelidikan dan Pembangunan. Saya ingin tahu apakah syarat-syarat tertentu bagi mendapat sumber kewangan untuk menjalankan projek-projek penyelidikan di bawah Program IRPA. Saya pernah dengar bahawa hanya universiti dan organisasi penyelidikan yang layak untuk mendapatkan sumber kewangan di bawah Program IRPA. Jabatan kerajaan walaupun ada bahagian penyelidikan tidak layak mendapatnya, adakah ini betul? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rompin.

3.53 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mohon mengambil penyertaan dalam perbahasan perkara Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Maksud Pembangunan P.46 bagi Butiran 00800 – Program Penyelidikan R&D; 01000 – MIMOS Berhad; 01300 – Teknologi Park Malaysia Corporation Sendirian Berhad. Saya mohon kebenaran Tuan Pengerusi.

Perkara yang pertama saya ingin menyentuh dalam Dewan yang mulia ini tentang R&D. Saya hendak bertanya sedikit kepada kementerian dengan dunia dan negara berubah kaedah ekonomi kita, sudah diadakan tafsiran – kalau dahulu kita dengar *globalization, borderless world*. Sekarang kita mendengar satu terminologi baru pula ataupun tafsiran baru *so called, the old economy and the new economy*.

Kalau kita lihat dalam perkara 00800, Tuan Pengerusi, peruntukan untuk penyelidikan amat besar sekali bagi tahun 1991, 1995 RM1.5 bilion – RM1.47, kira-kira RM1.5 bilion diperuntukkan untuk R&D atau P&P dan bagi tahun 1999, tahun lalu RM250 juta diperuntukkan untuk penyelidikan dan pembangunan. Cadangan tahun 2000 RM211 juta, ini satu jumlah yang amat besar, Tuan Pengerusi.

Saya hendak bertanya sedikit adakah kementerian sudah mengkaji arah aliran pendekatan R&D ini. Adakah kita masih juga pada skop dan kaedah yang dahulu. Saya yakin sebelum bukannya begitu sebab dalam kaedah dunia yang berubah, definisi ekonomi pun sudah berubah. Kalau kita lihat dari segi nilai satu syarikat, dahulu nilai satu syarikat itu bergantung kepada keuntungannya tetapi sekarang tidak.

Satu syarikat yang tidak ada untung satu sen pun *Amazon.com* mengambil alih satu syarikat yang besar, keuntungan lebih RM1 bilion. Bermakna sekarang ini dunia akan datang, ekonomi akan datang sudah berubah tetapi bagaimana dengan strategi *research and development* kita? Adakah kita masih cara lama. Ini saya minta sedikit pendekatan, khusus, spesifik saya hendak bertanya kalau ini keluhan atau kebimbangan di antara mereka dalam industri, kita bergantung kepada pertama, teknologi asing melalui *multi national* tadi. Dia bawa produk dia, dan dia buat di sini, yang mana kita tahu *input* atau nilai tambahnya hanya *labour input* ataupun *input* tenaga sahaja tetapi kalau kita lihat dari segi *input* dari segi teknologi, teknologi kepada mereka.

Kebimbangan di mana industri di negara kita bergantung kepada nilai tambah daripada *input labour* sahaja. Ini bermakna tidak kuat industri di negara kita ini. Kalau satu ketika kos *labour* kita meningkat, syarikat ini boleh berpindah ke negara lain. Saya hendak minta sedikit pandangan – saya yakin kementerian mungkin ada strategi tentang perkara ini, mungkin dapat sedikit penjelasan kepada kita bagaimana kaedah *direction* R&D untuk masa depan negara kita mulai dekad ini.

Ada juga saranan mengatakan mungkin nilai tambah ini mesti kepada antaranya ialah pendekatan yang bergantung kepada sumber tempatan. Kalau kita

ingat industri pertanian itu sendiri, banyak industri-industri hiliran yang boleh kita bentuk. Kalau kita lihat negara-negara asing banyak yang mengatakan bahawa dari segi downstream, aktiviti industri berasaskan komoditi ini nilai sumber empatan negara Thailand lebih berjaya daripada kita. Ini mungkin kerana mereka yang di dalam sektor pertanian ini mahu melibatkan diri mereka dalam industri hiliran tetapi teknologinya tidak ada. Saya rasa di sini R&D lah memainkan peranan yang amat penting. Mungkin Dato' Timbalan Menteri dapat sedikit memberikan penjelasan atau penerangan sedikit kepada Dewan yang mulia ini bagaimana pendekatan kita dengan kaedah-kaedah dan hala cara dunia yang baru ini.

Perkara kedua, Tuan Pengerusi, tentang MIMOS Berhad. Syabaslah, kalau tidak ada MIMOS, kita tidak ada Internet. Kalau dahulu hendak pakai Internet kita kena pakai telefon PC, sekarang ini pun kita sudah akses Internet. Saya baru tadi pergi kepada satu *site* yang diusahakan oleh sebelah sana, boleh sekarang terus *[menunjukkan notebook]* amat canggih sekarang *we can access Internet* dengan yang kecil sahaja *on wireless*. *[Disampuk]* Ini orang PAS dia gunakanlah sebab tidak ada *censorship* dalam Internet, dia gunakanlah untuk politik mereka.

Saya hendak bertanya sedikit, ini isu tentang penggunaan Internet. Kita sedar bahawa negara kita tidak perlu ada *censorship* tetapi kebimbangan saya anak-anak kita di rumah, yang ada komputer, ada boleh akses *to the Internet*, dia boleh *down load* program-program yang berbentuk mungkin antisosial. Yang berbentuk – dia boleh buat pergi main *gambling*, main judi dalam Internet. Tentang judi ini memang kita tidak bersetuju tetapi hari ini saya baca surat khabar saya terkejut pula, Terengganu beri lesen judi hari ini pula. *[Disampuk]* Ini mungkin sebelah sana kata Kerajaan Terengganu, orang Terengganu itu bukan dia. Kita tidak mahu anak kita *go to the cyberspace*, lepas itu boleh berjudi. Hari ini terkejut saya, Exco Kerajaan Terengganu mengumumkan ada lesen baru diberi, dikeluarkan oleh Kerajaan Terengganu – baca *Utusan Malaysia...*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ini, kena dapat penjelasan ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hei, nanti dahulu!

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Surat khabar mana ini? Butiran berapa ini?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *Utusan Malaysia* - baca. *[Disampuk]* Yang Berhormat keluar ambil *Utusan Malaysia* baca di muka surat depan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mengapa hendak pandang ke sana?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab dia bangun. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pandang sini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta maaf saya, tetapi dia bangun saya terpandang ke dia. Sebab kita mahu – saya minta supaya kita – itu isu mungkin R&D bersama dengan MIMOS. Mengapa tidak direka satu software di mana dia boleh *block* anak-anak kita *down load* program-program yang berbentuk yang tidak baik dari segi moral, dari segi agama ini sebab saya bimbang nanti anak-anak kita, kita sudah tidur, mereka masih lagi dengan PC mereka, mereka download apa juga. Jadi, saya minta sedikit mungkin MIMOS pegawai-pegawainya ada belaka di belakang itu, bagaimana usaha kita untuk menjaga dari segi kesejahteraan keluarga kita, anak-anak muda kita supaya mereka bangun dalam suasana

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia masalah judi memang dia hendak. Yang tidak bersetuju judi PAS, tetapi dia buat juga, ini yang Kerajaan Negeri Terengganu mungkin timbang dan lulus, ini kerana desakan DAP.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak beri laluanakah?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Biar saya habiskan dahulu. Bila saya habis, saya beritahu Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payahlah, Yang Berhormat sila duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia pandai, dia tidak hendak pergi Sanggang, dia hantar Pengerusi dia duduk seminggu di Sanggang. Kalah juga!

Ini satu perkara yang serius ini, saya ingat ini sebelah sana bersetuju, tentang keselamatan site kita, komputer kita. Kita bimbang baru-baru ini kita dengar site *amazon.com*. site-site yang ternama di Amerika, dua tiga hari mati kerana ada attack daripada anak-anak muda, bagaimana MIMOS persediaan mereka mungkin nanti di attack kepada bank-bank kita, site-site keselamatan yang dipunyai oleh jabatan-jabatan kerajaan kita yang penting dan strategik, bagaimana kalau mereka ini, dia boleh kacau site kita daripada Amerika, tak payah dia datang ke Malaysia, bawa PC dia, dia boleh duduk di Arizona, ada kawan saya di sana pun pergi ke Florida baru ini, saya tak payah sebut namalah, sebab itu *privilege information*.

Sebelah sana pun pernah pergi ke Arizona, pergi Florida untuk menghayati cara mana hendak menggunakan IT ini – ada, tetapi saya malas sebut namalah, sebab dia *private* kepada saya, tetapi saya tahu ada, dan saya yakin Yang Berhormat sebelah sana pun bimbang juga, bagaimana jabatan-jabatan kita, pusat-pusat bank kita ataupun pusat-pusat maklumat kita yang strategik kepada negara kita, orang luar boleh mengancam keselamatan negara kita, dia boleh masuk dalam *site income tax* kita, masuk dalam site kad pengenalan kita, masuk dalam site polis kita.

Adakah MIMOS berhadapan dengan cabaran ini? Ini saya rasa MIMOS, kerajaan dan kementerian kena ambil ingatan supaya kita bersedia, jangan nanti bila kita dapati bahawa site-site ataupun pusat-pusat komputer kita ini yang mengandungi maklumat, bukan sahaja maklumat, kadang-kadang memproseskan kehidupan kita dari segi pembayaran, ataupun memproseskan kad pengenalan kita atau perkara-perkara yang lain nanti terancam kerana *attack*, dengan izin, oleh mereka daripada luar negara kita.

Yang terakhir, Tuan Pengerusi, tentang Technology Park Corporation Sdn. Berhad, Ketua Eksekutifnya saya nampak pagi tadi, disebelah kiri atau di sebelah kanan, dia memanglah, suaminya pun orang kerajaan.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung, tidak ada masa lagi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak beri laluan, tetapi dia kata sudah gulung.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat hendak jawab itu, tidak boleh sambung ucapan lagi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okay, okay, dia tidak beri saya, dia kata kalau saya beri, dia tidak beri saya bercakap lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa tidak cukup.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak habiskan satu sahaja. Yang terakhir, kalau lepas ini Tuan Pengerusi beri, saya beri jalan.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya cuma ingin berucap dua ayat sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang terakhir, kalau lepas ini Tuan Pengerusi beri, saya akan beri laluan.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya cuma kata dua ayat sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini saya hendak bertanya, ini yang terakhir, Technology Park Malaysia Corporation bagus, usaha-usaha membangun usahawan tempatan dalam software industry ini, alhamdulillah, dengan incubatornya. Tetapi keluhan yang saya dengar, banyak anak-anak muda ini balik daripada luar negeri, umur muda sanggup bekerja 24 jam, tidak tidur pun mereka sanggup, tetapi mereka menghadapi cabaran dari segi membiayai syarikat-syarikat mereka, kerana mereka *colateral* tidak ada, benda yang dibuat tidak nampak, apa yang nampak, dia buat software.

Bagaimana, adakah perkara ini menghadapi masalah, perkara ini memang menghadapi masalah oleh pengusaha-pengusaha dalam bidang sektor software ini, apakah cara dan pendekatannya untuk membantu anak-anak muda ini berkecimpung dalam bidang industri yang baru, the new economy ini supaya mereka ini dibiayai sama ada pinjaman kerajaan atau melalui venture capital. Ini saya minta sedikit pandangan dan penjelasan dari kementerian dan saya berterima kasih, kalau ada saya serah kepada pertimbangan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nibong Tebal.

Tuan Kerk Kim Hock: Dua ayat sahaja tidak boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Maaflah, tidak boleh, masa tidak cukup.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini untuk pembetulan sahaja, dia kata PAS keluarkan lesen perjudian itu salah, itu bukan lesen judi, jangan gunakan Dewan ini, lagi pun saya tidak akan pergi Sanggang, you tahu buat *you* tidak ada *fair*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Melaka, sila duduk. Nanti Yang Berhormat boleh berucaplah. Nibong Tebal.

4.05 ptg.

Tuan Goh Kheng Huat [Nibong Tebal]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh Maksud B.46 Butiran 040200 – Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, muka surat 486.

Tuan Pengerusi, aktiviti pengambilan sarang burung layang-layang telah semakin popular di bandar-bandar utama di pesisiran pantai barat Semenanjung Malaysia termasuk bandar Nibong Tebal. Adakah Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedar mengenai perkara ini?

Tuan Pengerusi, aktiviti pengambilan sarang burung layang-layang ini melibatkan tiga proses utama iaitu:

- (i) menarik burung layang-layang masuk ke dalam bangunan pada waktu senja;
- (ii) burung layang-layang akan membuat sarang dalam bangunan; dan
- (iii) pemilik bangunan akan mengambil sarang burung.

Oleh itu, saya ingin merujuk perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri, adakah mengeluarkan lesen kepada mereka yang berkenaan untuk menjalankan aktiviti

ini? Sekiranya tidak, adakah aktiviti ini menyalahi undang-undang dan apakah tindakan sewajarnya akan diambil oleh pihak kementerian?

Tuan Pengerusi, aktiviti pengambilan sarang burung layang-layang ini menjadi semakin popular kerana ia menjana pendapatan yang amat lumayan iaitu RM8,000 bagi setiap kilogram sarang burung layang-layang. Perkembangan aktiviti ini bukan sahaja meningkatkan pendapatan penduduk, malah dapat meningkatkan pertukaran wang asing negara. Ini adalah kerana sebelum ini kita terpaksa mengimport sarang burung layang-layang dari luar negara tetapi kini kita dapat eksport ke luar negara pula.

Walau bagaimanapun, aktiviti ini dengan tidak sengaja tertumpu di bandar-bandar utama yang padat dengan penduduk. Persoalan yang timbul sekarang ialah sebahagian penduduk yang tidak terlibat dengan aktiviti ini telah semakin resah menghadapi situasi sedemikian. Mereka makan tidak selera, tidur tidak lena kerana masih ragu-ragu dengan kesan negatifnya, terutamanya mengenai tahi burung layang-layang.

Orang yang dapat untung, cakap *no problem*, dengan izin, orang yang tak dapat apa-apa dapat penyakit tahi burung, sememang penyakit akan berjangkit.

Tuan Pengerusi, saya pernah merujuk perkara ini kepada pegawai alam sekitar peringkat negeri Pulau Pinang dan mendapat maklum balas bahawa burung layang-layang merupakan binatang perlindungan dan sesiapa membunuh burung layang-layang boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Walau bagaimanapun, saya juga difahamkan bahawa aktiviti pengambilan sarang burung layang-layang juga menyalahi undang-undang. Oleh itu, saya di sini ingin mengaju dua soalan kepada Yang Berhormat Menteri:

- (i) adakah tahi burung layang-layang boleh mengancam kesihatan orang ramai.
- (ii) adakah burung layang-layang yang semakin hari semakin sarat ini membawa kesan negatif dari sudut alam sekitar.

Tuan Pengerusi, burung layang-layang sudah bertapak di bandar-bandar utama, wang ringgit sudah kita nampak, tetapi kesan negatifnya masih jadi tanda tanya. Kalau kerajaan tidak mempunyai perancangan yang komprehensif untuk menangani masalah ini, satu hari nanti, Sitiawan, Taiping, Parit Buntar dan Nibong Tebal mungkin hanya tinggal burung layang-layang. Kalau hendak saya dan rakan saya iaitu Yang Berhormat Dato' Dr. Has an bin Haji Mohamed Ali, untuk pindahkan burung layang-layang keluar bandar, kami pasti tidak mampu kerana ia melanggar hukum alam. Jika suruh kami halau burung layang-layang, kami juga tidak rela, nanti masuk lokap, silap-silap mata lebam. *[Ketawa]*

Akhir kata, saya menyeru pihak kementerian yang terlibat mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengikis kerisauan orang ramai, menyekat perkembangan aktiviti yang membawa pulangan yang lumayan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Klang.

4.10 ptg.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Klang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Maksud P.46 Butiran 00800 iaitu Program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).

Jika dilihat daripada perbelanjaan sebenar untuk R&D pada tahun 1996 hingga 1998 iaitu sebanyak RM464 juta dan peruntukan untuk tahun ini, tahun 2000 iaitu RM211 juta, sudah jelas bahawa R&D memang sudah diberikan penekanan yang sewajarnya oleh kerajaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ini memang adalah suatu langkah yang tepat dan selaras dengan hasrat negara kita untuk menuju ke arah

teknologi tinggi. Walau bagaimanapun, janganlah kita lupa bahawa majoriti penduduk di negara ini khususnya mereka yang tinggal di luar bandar masih belum menikmati manfaat teknologi tinggi dari segi aktiviti ekonomi yang dijalankan dalam kehidupan harian mereka.

Tuan Pengerusi, di tanah air kita, masih terdapat beribu-ribu nelayan tradisi yang masih menggunakan cara dan alat-alat yang kuno, *out-dated*, primitif untuk menangkap ikan. Sama juga dengan beribu-ribu peladang kecil yang masih mengusahakan tanah mereka dengan cara dan peralatan tradisi. Mengapa? Sebab hi-tech atau teknologi tinggi itu adalah sesuatu yang terlalu mahal bagi mereka yang tidak mampu dan kadang-kadang ia tidak sesuai dengan keadaan tempatan. Apa yang mereka perlukan adalah teknologi gunaan *applied technology* yang sesuai dan berkenaan *appropriate technology and applied technology*. Teknologi yang mereka mampu boleh memperolehi dan yang boleh membantu mereka meringankan kerja mereka dan menambahkan hasil dan efisiensi.

Tuan Pengerusi, jika kita sudah mempunyai teknologi untuk membangunkan tenaga nuklear tentulah kita boleh membangunkan teknologi yang boleh membantu golongan-golongan tersebut dan saya ingin tahu daripada RM211 juta yang diperuntukkan untuk penyelidikan dan pembangunan teknologi (R&D) itu, berapakah yang telah digunakan untuk membangunkan teknologi gunaan yang berkenaan, *for the development of appropriate technology*, dengan izin. Jika tidak, saya suka bercadang supaya fokus penyelidikan yang dijalankan di bawah Kementerian Pertanian, Jabatan Perikanan, RISDA, MARDI dan sebagainya diberi kepada pembangunan *appropriate technology* untuk nelayan-nelayan dan juga peladang-peladang agar mereka tidak tertinggal dalam proses pembangunan teknologi.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua adalah berkenaan dengan Butiran 00100 hingga 01300. Tahun ini sebanyak RM1.2 bilion telah diberi kepada beberapa institusi pembangunan sains dan teknologi, misalnya, Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear, MIMOS, MASDEC, Bahagian Kajian Sains Angkasa dan sebagainya. Saya ingin tahu sama ada sesuatu kajian penilaian dibuat untuk menilai prestasi dan hasil-hasil institusi-institusi ini sebab antara institusi-institusi itu ada yang kita memang kenal dan memahami peranan mereka. tetapi ada yang kurang jelas tentang peranan dan kepentingan mereka.

Sehubungan dengan ini, saya ingin merujuk kepada Butiran 01300 yang mana RM70 juta telah diperuntukkan kepada Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. dan saya ingin tahu apakah tujuan peruntukan ini.

Ini sahajalah, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Subang.

4.15 ptg.

Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar [Subang]: Tuan Pengerusi, terima kasih atas peluang bercakap di Dewan yang mulia ini. Tadi Yang Berhormat bagi Mambong sudah meyenit dua perkara berkaitan alam sekitar – EIA, SCA dan isu-isu berkaitan. Saya ingin membangkitkan satu lagi perkara berkaitan alam sekitar – kod B.46 dalam Belanjawan 2000.

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar diberi anggaran peruntukan sebanyak RM1.513 bilion. Apabila peruntukan ini diteliti adalah jelas peruntukan bagi alam sekitar di bawah kod B.46 Butiran 040000 telah dikurangkan daripada RM65 juta bagi tahun 1999 kepada RM47 juta bagi tahun 2000. Kenapa peruntukan ini dikurangkan. Saya berpendapat pihak kementerian harus memberi pertimbangan yang lebih wajar kepada perkara ini kerana ianya berkaitan rapat dengan proses pembangunan negara kita.

Tuan Pengerusi, izinkan saya merujuk kepada dokumen Indeks Kualiti Hidup Malaysia 1999 yang diedarkan kepada semua Ahli Parlimen dua bulan dahulu.

Dokumen ini mencerminkan secara konkrit dan kuantitatif apakah arah keadilan terhadap mutu hidup harian kita semua. Dalam dokumen tersebut ternyata indeks bagi alam sekitar telah merosot bagi tempoh tahun 1980 hingga 1998. Walaupun penurunannya hanya 2.8% tanda ini membimbangkan, apatah lagi bila kita sedar pihak kementerian berkenaan membuat anggaran peruntukan kurang daripada tahun lepas.

Pada keseluruhannya kita tahu Malaysia adalah sebuah negara yang pesat membangun. *track record* nya, dengan izin, membuktikan bahawa ekonomi kita kukuh dan mantap. Masyarakat kita aman damai dan bersatu padu, kerajaan kita berkebolehan, matang dan bervisi. Indeks kualiti hidup kita telah menunjukkan bahawa kualiti hidup rakyat bertambah baik dengan peningkatan daripada 86.2 mata pada tahun 1980 kepada 105.7 mata pada tahun 1998 tetapi Tuan Pengerusi, saya risau kerana kemajuan kita dalam urusan alam sekitar tidak seimbang dengan lain-lain bidang yang begitu baik.

Soalan saya, mengapakah pihak kementerian telah mengurangkan peruntukan bagi alam sekitar tahun ini walaupun petunjuk alam sekitar dalam Indeks Kualiti Hidup Malaysia tahun 1999 merosot dengan kadar 2.8%. Saya berharap saya mendapat penjelasan yang wajar daripada pihak kementerian.

Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Parit Buntar.

4.18 ptg.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Izinkan saya menyentuh Butiran 020400, 030500 dan 030600.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa dunia kini dan akan datang adalah dunia sains dan teknologi. Malaysia tidak akan dapat beriring dan bersaing dengan negara-negara Barat terutamanya seandainya kita ketinggalan di bidang ini. Memang tidak juga dapat dinafikan bahawasanya kita sedang mengarah-tujukan negara ke dunia sains dan teknologi tetapi bagi saya Tuan Pengerusi, pendekatan kita selama ini adalah pendekatan yang agak *elitist*, pendekatan yang *urban biased*. Pendekatan ini hanya menguntungkan mereka yang telah sedia berada di hadapan dari sudut pengawasan ekonomi dan yang bernasib baik tinggal dalam persekitaran yang hampir dengan pusat kemajuan teknologi yang kebanyakannya berada di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur ini. Anak-anak bandar hidup begitu hampir dengan MIMOS, begitu hampir dengan BAKSA dan begitu hampir dengan PSN.

Persoalan mengenai betapa sukarnya menanamkan kesedaran dan minat di kalangan para pelajar sekolah memang telah lama dibincangkan, yang berkait dengan sains dan teknologi. Bagi pelajar-pelajar luar bandar, perkara ini memang banyak telah diperkatakan, namun kesan yang positif belum begitu kelihatan lagi. Sehingga saat ini pun di Dewan yang mulia ini, persoalan penyertaan anak-anak bumiputera di bidang sains dan teknologi sejak daripada sekolah menengah rendah hinggalah ke pusat-pusat pengajian tinggi masih dibincangkan dengan begitu bersemangat dan terus diperbincangkan dengan tidak kelihatan kita bagaimana cara untuk menyelesaikannya.

Dengan penubuhan Pusat Sains Negara (PSN), Bahagian Sains dan Teknologi dan Bahagian Sains Angkasa (BAKSA) adalah dijangkakan agensi-agensi ini dapat membantu agensi-agensi yang lain terutama Kementerian Pendidikan untuk memupuk minat dan seterusnya melibatkan diri dalam pelbagai bidang pengajian yang berdasarkan sains dan teknologi. Saya berpendapat, agensi-agensi canggih ini yang kesemuanya di tempatkan di ibu negara, menyebabkan ianya hanya dapat digunakan sepenuhnya oleh warga kota dan persekitarannya.

Rakyat miskin di desa, di perdesaan hanya berpeluang menonton acara-acara penghayatan sains dan teknologi yang biasanya disiarkan di saluran-saluran televisyen ataupun diliputi dalam dada akhbar. Bagi masyarakat desa, penubuhan agensi-agensi canggih ini yang telahpun diperuntukkan hampir RM30 juta dalam Belanjawan 2000,

penubuhannya tidak banyak memberi kesan dalam hidup mereka. Berikutan dengan itu, salah satu tugas agensi-agensi ini iaitu untuk memberi pendedahan dan pendidikan sains dan teknologi kepada rakyat Malaysia yang tinggal di perdesaan rasanya akan terus menghadapi masalah.

Tuan Pengerusi, masalah yang dihadapi oleh sebahagian besar daripada pelajar-pelajar sekolah luar bandar yang bilangannya agak besar daripada keseluruhan pelajar melebihi 5 juta orang itu antara lainnya ialah:

- (i) kedudukan ekonomi keluarga yang daif, menyebabkan mereka dinafikan daripada mendekati alam sains yang memerlukan kos atau pembiayaan;
- (ii) lokasi tempat kediaman yang agak jauh dengan pusat-pusat perkembangan sains dan teknologi yang kebanyakannya terletak di bandar besar seperti di Kuala Lumpur, seperti yang saya sentuh sebentar tadi;
- (iii) tidak menerima galakan yang sewajarnya daripada guru-guru, teman sebaya dan masyarakat terbanyak;
- (iv) kedaifan maklumat dan bahan-bahan bacaan yang terdapat dipersekitaran mereka; dan
- (v) ketiadaan contoh-contoh yang boleh menambah yakinkan mereka untuk memilih jurusan sains dan teknologi.

Tuan Pengerusi, saya suka mencadangkan supaya

- (i) agensi-agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terutamanya, yang berkait langsung dengan usaha meningkatkan percambahan minat kepada sains dan teknologi seperti Pusat Sains Negara (PSN), Bahagian Sains dan Teknologi dan Bahagian Sains Angkasa (BAKSA) supaya mencari jalan mengatur strategi yang baik, berkesan dan efisien untuk mendekati dunia sains dan teknologi kepada masyarakat desa khususnya pelajar-pelajar sekolah;
- (ii) Pusat Sains Negara (PSN) dan Bahagian Sains Angkasa (BAKSA) memikirkan untuk membuat model secara *miniature*, dengan izin, dengan kos yang tidak begitu tinggi untuk dipertontonkan secara *road show*, dengan izin, khusus untuk masyarakat desa;
- (iii) memberikan subsidi kepada pelajar-pelajar luar bandar secara bergilir-gilir, diberi peluang untuk datang ke ibu negara menyaksikan sendiri keajaiban sains yang terdapat di Pusat Sains Negara (PSN) dan Bahagian Sains Angkasa (BAKSA);
- (iv) Pusat Sains Negara (PSN) atau Bahagian Sains Angkasa (BAKSA) mengambil daya utama untuk mengadakan mini ekspo di kawasan-kawasan yang mudah dikunjungi oleh rakyat luar bandar;
- (v) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bersama dengan Kementerian Pendidikan menghasilkan program yang saya ingin namakan 'Hidup Bersama Sains dan Teknologi' dengan cara yang paling menarik untuk mengundang minat anak-anak masyarakat desa. Cara ini juga boleh memecah tembok budaya di kalangan kaum bumiputera bahawa sains dan teknologi adalah mata pelajaran yang sukar dikuasai.

Saya beranggapan, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adalah di antara agensi kerajaan yang sepatutnya memainkan peranan utama membentuk minda masyarakat khususnya menjadikan mereka teman dan taulan sains dan teknologi. Sehingga kini kita tidak merasakan kesan positif daripada usaha-usaha yang telah dibuat. Kemungkinan besar sebagaimana yang saya sebut tadi, saya ulang lagi, usaha-usaha itu adalah bersifat *urban biased* dan *elitist*. Saya harap cadangan ringkas saya ini mendapat perhatian kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sibuhendak cakap lagikah. Yang Berhormat Sibuh, sila.

4.25 petang.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibuh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk 020100 – Jabatan Kimia Malaysia dan P.46, Butiran 00200 – Jabatan Kimia Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya ingin tanya, bilakah satu makmal kimia akan ditubuh di Sibuh kerana saya fikir ini sangat penting kerana lab sekarang masih tidak ada. Contohnya, kalau kita ada satu epidemic, ini makan masa untuk tunggu hasil keputusan. Oleh itu, saya harap Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan secepat mungkin membina satu lab di Sibuh.

Kedua, saya ingin merujuk butiran 020200 – Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca. Nampaknya di televisyen, informasi untuk cuaca di negeri Sarawak hanya Kuching, Bintulu, Miri kecuali Sibuh, saya kurang fahamlah. Kerana bandar Sibuh ialah kedua terbesar di negeri Sarawak, apa sebabnya dikesualikan informasi cuaca di siaran televisyen itu, saya mahu alasan atau apa kesulitan dari kementerian.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk Butiran 040100 – Jabatan Alam Sekitar. Di Dewan yang mulia ini, saya telah beberapa kali merayu kepada kementerian untuk memberi perhatian khasnya masalah pencemaran air di dalam Sungai Rejang. Kerana soil erosion daripada pembalakan, sekarang warna air macam kopi susu. [Ketawa]

Seorang Ahli: Boleh minumkanah?

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Kopi susahlah. Saya masih ingat, pada 40 tahun yang lalu, *when I was still a child*, dengan izin, [Ketawa] saya boleh nampak, saya ingat boleh nampak ikan di Sungai Rejang sekarang tidak nampak. Itulah *sedimentation* daripada *soil erosion* dengan izin, dari *logging industry* ialah sangat serius.

Walaupun beberapa kali saya sentuh di Dewan yang mulia ini tetapi langkah-langkah diambil oleh kementerian, saya belum nampaklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa jawapan, itu jam?

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ini saya

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sebutkan, apakah jawapan daripada kerajaan.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tolong beri perhatian, tolong jawablah, apa langkah spesifik itu. Spesifik seperti di dalam *Committee Stage*. Saya mahu spesifik. Jangan nanti jawab, ya..... Kementerian ini akan beri perhatian. [Ketawa] This one equivalent to zero, you know, dengan izin. Itulah saya harap kerana ini sentimen dari tanah, *erosion*, sekarang telah MCIS, kapal sudah berhenti datang ke Sibuh. Itu sangat serius. Kerana Sibuh bergantung pada pengangkutan Sungai Rejang. Saya harap khasnya Yang Berhormat Menteri, ialah orang Sibuh, jangan lupa *home town* ya. [Ketawa]

Butiran 040300 – Lembaga Pelesenan Tenaga Atom. Ini anggaran untuk tahun, tiap-tiap tahun hanya RM2 juta lebih sikit. Ini untuk apa ya. Kerana beberapa tahun yang lalu, saya bersama dengan Yang Berhormat Menteri melawat Indonesia.

Kami melawat satu stesen atom dan saya tanya Dato' Menteri apakah pembangunan industri atom di negara kita. Dia kata hanya *toy very small one*, macam itu *experiment stage*, dengan izin. Itulah saya fikir mungkin kementerian perlu kaji semula kerana ini teknologi atom, kita perlu meningkat iaitu di samping tenaga dari air, dari minyak iaitu tenaga atom kita perlu menambah peruntukan.

Akhir kata ialah saya mahu merujuk Butiran 050100 iaitu Pembangunan Sumber Manusia. Di sini saya mahu bertanya berapa saintis sudah balik ke negara kita di bawah program bawa balik saintis.

Saya sentiasa telah terima aduan iaitu di samping *condition* atau syarat-syarat *employment*, dengan izin, mungkin kadang-kadang kurang sama baik dengan luar negeri tetapi *bureaucratic redtape* sangat *complicated* iaitu kadang-kadang pakar perlu tunggu lama untuk terima *confirmation* atau keputusan dari agensi kerajaan. Semasa mereka tunggu mereka telah diterima oleh negara lain, negara jiran. Itulah yang rugi banyak untuk negara kita. Itu saya harap mungkin Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bersama dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber Manusia wujud satu komiti koordinasilah, satu *stop* agensi untuk menerima, memproses saintis Malaysia balik berkhidmat ke negara kita. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Oh, terlampau ramai hendak berucap ini.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jeli.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Ketawa] Kepong tak bangun, Jeli yang bangun. Jeli, Kepong tak bangun. [Ketawa]

Beberapa ahli: [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Ya, sila Kepong.

4.33 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, muka surat 483, Butiran 020000 Perkhidmatan Sains; muka surat 484, Butiran 030000 Penyelidikan dan Pembangunan (Sains dan Teknologi) dan muka surat 486, Butiran 040000 Pemuliharaan, Pelesenan dan Kawalan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, yang pertama saya pernah bangkitkan di sini keperluan untuk mengadakan Agensi Perlindungan Alam Sekitar iaitu *Environmental Protection Agency*, dengan izin, Tuan Pengerusi, kerana yang terlibat dengan alam sekitarnya banyak agensi kerajaan termasuk Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Baru-baru ini saya di beritahu bahawa selepas beberapa tahun pihak kerajaan sudah pun memikir mengadakan jawatankuasa bersama bagi mempertingkatkan penyelarasan di antara agensi dan ini memang satu langkah yang betul juga, tetapi tidak lengkap, Tuan Pengerusi. Kerana yang pertamanya sudah terlewat. Yang keduanya tidak cukup untuk menangani masalah yang dihadapi oleh kita semua ini misalnya, Tuan Pengerusi, kerana banyak agensi kerajaan untuk menguruskan semua hal alam sekitar, maka kadangkala berlaku kejadian, misalnya tanah runtuh. Tanah runtuh sama ada di Cameron Highlands, di Genting ataupun di Fraser Hill, ataupun di dua puluh daerah lagi.

Tuan Pengerusi, saya diberitahu oleh pihak kementerian bahawa kementeriannya sudah pun mengenal pasti dua puluh daerah yang mempunyai tanah tinggi yang boleh digunakan untuk pertanian dan sebagainya. Apabila berlakunya tanah runtuh maka kita tidak tahu siapa yang bertanggungjawab untuk masalah mala petaka ini, sama ada itu agensi keselamatan negara (*National Security Agency*) ataupun kerajaan tempatan. Kadangkala kita tidak tahu dan inilah yang menyebabkan

kelambatan untuk menyelamatkan mangsa dan juga untuk mengambil tindakan yang cepat bagi menyelesaikan masalah bencana itu.

Sebab itulah, Tuan Pengerusi, kalau kita adakan agensi perlindungan alam sekitar bermula dengan jawatankuasa bersama (*joint committee*) itu saya setuju pada peringkat yang pertama dan kemudian kalau daripada jawatankuasa bersama ini kita dapati tidak cukup untuk pemuliharaan alam sekitar termasuk tanah runtuh, maka kita boleh memperluaskan untuk agensi perlindungan alam sekitar. Kalau kita hendak EPA memang diperlukan satu rang undang-undang diluluskan dalam Dewan yang mulia ini, itu saya berharap pihak kementerian dapat berfikir semula sama ada kementerian akan mengadakan EPA selepas mengadakan jawatankuasa bersama. Konsep itu memang konsep EPA, cuma peringkat yang pertama sahaja.

Tuan Pengerusi, daripada itu saya berharap sedang kita menunggu jawatankuasa bersama ini saya berpendapat kita mesti adakan agensi yang bertanggungjawab untuk misalnya tanah runtuh. Kita mesti ada di peringkat Persekutuan adakan satu agensi dulu dan dengan ada agensi itu kita ada garis panduan macam mana kita dapat menyelesaikan masalah ini kerana setakat ini saya diberitahu kita masih tidak ada garis panduan walhal kejadian tanah runtuh telah berlaku beberapa kali. Berapa nyawa sudah terkorban tetapi masih tidak ada, ini memang menunjukkan apa kerja dan projek yang diadakan oleh pihak kementerian adalah tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, yang keduanya mengenai Genetically Modified Food (GMF), makanan yang kena mengena dengan peralihan ataupun pertukaran gene termasuklah kacang soya. Kalau tidak silap saya ada sebahagian kacang soya yang diimportnya adalah *Genetically Modified Food* (GMF). Pada bulan Januari tahun ini ada satu persidangan di Montreal, di Kanada yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu - *United Nations Sponsored Biosafety Protocol Agreement* yang lebih 100 negara yang menandatangani satu persetujuan *biosafety protocol - protocol biosafety* dan saya tidak nampak Malaysia menyertai persidangan tersebut.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat sama ada pihak kementerian ada rancangan untuk menangani masalah GMF ini dan sama ada pihak kerajaan juga mahu menandatangani persetujuan Biosafety Protocol di Montreal. Bagi saya kita memang mesti prihatin kepada masalah GMF kerana kita pun setakat ini tidak tahu setakat mana GMF, makanan seumpama ini akan menjejaskan kesihatan manusia, kita belum tahu lagi kerana kita perlukan masa untuk kajian yang lengkap, untuk penyelidikan yang lebih sempurna untuk mengetahui kesan-kesan sampingan GMF ini.

Sebab Tuan Pengerusi, dengan kependudukan dunia yang akan semakin hari semakin bertambah hampir 6 bilion sekarang akan bertambah dengan pesat, dengan sedemikian bidang pertanian mesti menggunakan cara-cara yang baru termasuk GMF untuk mengeluarkan makanan yang lebih bagi menampung keperluan dunia. Dengan sedemikian bilangan GMF akan bertambah, ini termasuk yang diimport untuk Malaysia dan yang dikeluarkan oleh Malaysia sendiri kerana di Malaysia pun kita akan adakan GMF kerana kita perlu meningkatkan pengeluaran makanan di negara ini. Sebab itulah saya berharap pihak kementerian dapat menggubalkan satu garis panduan ataupun Rang Undang-undang untuk mengendali GMF ini kerana bagi saya pihak kementerian adalah terlewat untuk menangani masalah seumpama ini, GMF.

Seterusnya mengenai projek-projek alam sekitar yang akan dibantu oleh pihak kementerian. Baru-baru ini saya diberitahu pihak kementerian adakan satu dana, kalau tidak silap saya RM100,000 dan daripada dana ini pihak sekolah ataupun pertubuhan lain boleh memohon untuk bantuan daripada pihak kementerian untuk mengadakan projek-projek hijau di negara ini. Bolehkah Yang Berhormat, yang pertama kita mesti tambahkan dana RM100,000 tidak cukuplah untuk memberi bantuan kepada projek-projek hijau yang berdasarkan kepada masyarakat '*community-based*' projek-projek ini dan kita perlu menambahkan dana ini untuk maksud ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya mengenai Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA). Tiap-tiap tahun pihak kerajaan menerima laporan EIA lebih daripada 30 setiap tahun dan daripada yang diterima saya diberitahu bahawa hampir 80% telah diluluskan. Di sinilah letaknya masalah, walaupun ada kelulusan EIA, ini tidak semestinya pihak pemaju akan mengikuti EIA dan ini kerana ada kelemahan di dalam kementerian untuk menguatkuasakan undang-undang EIA, kadangkala pihak pemaju tidak ikut. Kita mengemukakan satu laporan EIA kemudian setelah ia diluluskan pihak pemaju tidak mengikuti EIA. Setakat ini pihak kementerian pun tidak ada kaedah untuk memantau, untuk mengawalseliakan semua projek yang mempunyai EIA yang telah pun diluluskan oleh kementerian.

Ini menunjukkan pihak kementerian mestilah mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan untuk menangani semua projek yang mempunyai EIA yang diluluskan itu dan dengan sedemikian saya berharap hujah saya mengenai yang pertama, Agensi Perlindungan Alam Sekitar, yang kedua mengenai *Genetically Modified Food* (GMF) dan juga keperluan untuk memantau dan mengawal kegiatan-kegiatan penggunaan tanah di negara ini termasuk masalah tanah runtuh terutamanya di tanah tinggi dan seterusnya mengenai *Biosafety Protocol Agreement, Montreal* yang belum lagi ditandatangani oleh pihak kerajaan kerana pihak kementerian pun tidak menghantar wakil kepada persidangan itu.

Akhir sekali mengenai pelan yang perlu dikemukakan oleh pihak pemaju mengenai EIA selepas laporan EIA diluluskan dan itulah perlu dibuat untuk memastikan alam sekitar Malaysia ini adalah semakin hari semakin bertambah baik, bukan seperti sekarang keadaan alam sekitar Malaysia adalah merosot. Itulah masalah kita. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Shah Alam.

4.47 ptg.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam Maksud Bekalan 46, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar khususnya Butiran 040000 – Pemuliharaan, Perlesenan dan Kawalan Alam Sekitar. Saya ada sedikit perkara sahaja.

Pertama ialah mengenai alam sekitar yang berhubung kait tentang kawalan pembangunan yang dijalankan. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa mana-mana pembangunan yang di bawah kawalan PBT itu, Pihak Berkuasa Tempatan telah pun mengikuti pelan struktur pembangunan wilayah yang diwujudkan tetapi malang sekali kita lihat banyak perkara dasar yang telah pun ditentukan dalam pelan struktur pembangunan itu yang akhirnya tidak diikuti. Maknanya jikalau satu-satu kawasan itu telah pun dikhususkan untuk pembangunan dan perindustrian perumahan dan juga komersil, akhirnya dengan izin, *end result*nya berubah. Persoalannya di sini apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh pihak kerajaan dan kementerian supaya menentukan pelan struktur pembangunan yang diluluskan yang merangkumi segala aspek penjagaan alam sekitar itu dipatuhi dengan sepenuhnya supaya atas desakan permintaan komersil itu akhirnya pelan struktur pembangunan itu diubah mengikut kesesuaian pasaran.

Seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan ialah tentang masalah penyelenggaraan kawasan sungai-sungai dan juga perkara yang berhubung kait tentang penjagaan alam sekitar ini kerana dengan kemajuan sains dan teknologi dan saya lihat bahawa peruntukan yang berhubung kait tentang *remote sensing* ini, kalau kita boleh mengesan setiap perkara yang berlaku melalui jarak jauh, saya pun berasa hairan dan ajaib kadangkala selalu jawapan yang kita terima berhubung kait tentang masalah banjir ini adalah masalah banjir kilat. Kalau kita mempunyai kepakaran dari segi penjejakan alam sekitar dalam kawalan jauh dengan penggunaan teknologi *remote sensing* ini, saya rasa masalah banjir kilat ini seharusnya sudah tidak lagi wujud terutama dalam kawasan Lembah Klang sebagaimana yang berlaku dalam kawasan saya dua hari yang lepas, kita lihat anak-anak hendak pergi sekolah pun jadi susah.

Ini saya rasa bertanggungjawab langsung tentang Jabatan Alam Sekitar yang selain daripada segi menentukan dasar-dasar yang berhubung kait tentang pembangunan yang berasaskan pembangunan lestari tentulah pembangunan mesra alam itu menjadi satu paksi utama untuk kita menyediakan persekitaran iklim dan suasana yang sihat supaya rakyat dapat hidup dalam keadaan yang aman dan tenteram.

Dan oleh kerana banjir kilat banyak berhubung tentang masalah perparitan dan saluran air untuk menuju ke sungai-sungai sebagaimana yang kita sedia maklum di Lembah Klang, Sungai Klang menjadi nadi utama daripada segi perparitan dan saluran di mana setiap pembangunan yang dilakukan akhirnya *in take point*, dengan izin, ialah ke Sungai Klang dan kita telah pun diberi jaminan oleh pihak kementerian bahawasanya sebaik sahaja segala perkara yang berhubung-kait tentang pembaikan, pemulihan, pendalaman, pelurusan dan pengindahan Sungai Klang itu selesai, maka masalah banjir kilat yang berlaku di daerah Klang ini akan dapat diatasi.

Persoalannya, adakah ini merupakan satu asas utama yang akan menyelesaikan masalah ataupun pengurusan daripada segi penjagaan alam sekitar terhadap sungai itu menjadi satu masalah yang harus kita tangani. Justeru kerana itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya dapat memikirkan satu langkah yang lebih konkrit dan proaktif untuk kita sama-sama mencari jalan bagaimana untuk kita menguruskan sungai kita ini dengan lebih tersusun, dengan rapi, bukan hanya melibatkan pihak-pihak dan kementerian yang bertanggungjawab seperti Jabatan Perparitan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengguna dan Manusia yang terlibat dengan penggunaan sungai itu sendiri.

Dan sebagaimana sebentar tadi sahabat saya Yang Berhormat bagi Sibū mengingat kembali secara nostalgia – kecil-kecil dia tengok Sungai Rajang itu boleh nampak air yang jernih, boleh nampak ikan. Dan sekarang ini sudah menjadi kelabu dan pekat tetapi kalau Yang Berhormat Tuan Pengerusi pergi ke Puchong ataupun Shah Alam, tengok Sungai Klang, saya ingat ia lebih pekat daripada apa yang pekat dan ini tentulah menjadikan kita terpanggil untuk memikul tanggungjawab bersama, bagaimana untuk kita menguruskan sungai ini supaya ianya akan memberikan manfaat kepada generasi masa kini dan yang akan datang. Justeru, oleh itu saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya memikirkan untuk mengadakan satu perbadanan khusus bagi menguruskan Sungai Klang ini dan sungai yang bersekitaran di kawasan Lembah Klang ini.

Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja yang dapat saya bangkit dan saya menyokong. Sekian, terima kasih.

[Beberapa Ahli berdiri]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada beberapa orang, ada enam orang lagi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jeli, Jeli.

Tuan Pengerusi: Sudah 10 orang berucap ya. Saya tidak tahu kerana kita boleh sambung ucap atau berbahas dalam Jawatankuasa ini hanya sehari lagi iaitu hari Isnin yang akan datang. Saya mintalah, kalau boleh saya hendak bagi dua orang lagi sahaja.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jeli, Jeli sudah bangun lama ini.
[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Ya, Batu Gajah.

3.54 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 040000 Pemeliharaan, Perlesenan dan Kawalan Alam Sekitar dengan spesifik 040100 Jabatan Alam Sekitar.

Aktiviti Jabatan Alam Sekitar yang berobjektifkan mencegah, mengawal dan memperbaiki keadaan kualiti alam sekitar bagi faedah generasi masa kini dan akan

datang. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga berstrategikan untuk melaksanakan perancangan dan pembangunan projek perumahan dengan mengutamakan pengawalan alam sekitar. Di dalam kementerian-kementerian ini, di atas kertas kerja dalam teori dinyatakan dengan serius mengenai pemeliharaan alam sekitar. Kelazimannya, dengan kesal saya nyatakan bahawa alam sekitar tidak diutamakan di dalam perancangan atau projek perumahan oleh kementerian dan pihak berkuasa tempatan.

Tuan Pengerusi, saya tiada mempunyai apa-apa pilihan tetapi terpaksa mengulang masalah yang dihadapi di Bukit Keledang – projek perumahan yang sedang dijalankan di Bukit Keledang, di Menglembu, kawasan saya. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah berjanji akan menyiasat perkara ini kerana ia adalah perkara spesifik. Sehingga kini, masih saya belum terima jawapan. Di sini, saya ingin tahu sama ada kementerian ini mengetahui projek perumahan di Bukit Keledang, Menglembu, Perak tersebut?

Adakah Jabatan Alam Sekitar melaksanakan tanggungjawabnya dan melakukan sesuatu untuk menghalang projek perumahan tersebut yang kini telah mencabul kualiti alam sekitar, bukan sahaja kepada penduduk di sekitarnya tetapi juga kepada melenyapkan alam sekitar semulajadi untuk dinikmati oleh generasi masa akan datang. Apakah yang telah dilakukan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara? Lebih daripada 2000 orang telah menandatangani di dalam satu kempen - tandatangan menyelamatkan Bukit Keledang yang dianjurkan oleh Ahli Parlimen yang lepas bagi Teluk Intan., Saudara M. Kulasegaran.

Ini telah menunjukkan bahawa rakyat memerlukan bukit tersebut dan ia memang adalah sekarang telah mencabul alam sekitar di sekeliling kawasan tersebut. Projek perumahan telah dihentikan kerana pilihan raya umum akan datang. Sebaik sahaja pilihan raya umum berlalu projek perumahan dimulakan semula. Orang ramai terus menandatangani di dalam kempen tersebut – sentiasa ditangguhkan projek perumahan yang mencabul alam sekitar apabila surat khabar menyiarkannya dengan berleluasa. Jabatan Alam Sekitar masih belum dilihat bertindak.

Jangan diberi jawapan kepada saya bahawa perkara ini di dalam bidang kuasa negeri sahaja. Kementerian ini mempunyai aktiviti pemuliharaan dan pengurusan alam sekitar yang menggubal dasar berkaitan dengan perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar. Bagaimana pula dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara? Apa yang telah dilakukan?

Butiran 00500 pada tahun ini memperuntukkan RM31 juta, penambahan RM20 juta. Saya ingin tahu juga sama ada EIA perlu dijalankan sebelum sesuatu projek yang merosakkan alam sekitar dijalankan.

Apakah pandangan dan laporan EIA daripada Jabatan Alam Sekitar terhadap penyiasatan yang dibuatnya adalah mengikat kepada pihak berkuasa negeri. Saya mahukan satu jawapan daripada Jabatan Alam Sekitar. Pemaju projek perumahan di Bukit Keledang tersebut masih menjalankan projek tersebut walaupun dua minggu yang lepas, pihak berkuasa tempatan telah memberi arahan untuk menghentikan buat sementara projek tersebut. Kerjasama saya mesti, saya berharap oleh rakyat dan saya lihat di antara kementerian dan kerajaan negeri untuk memelihara alam sekitar.

Jika di sini kita meluluskan jumlah berjuta-juta untuk kementerian ini iaitu terutamanya Jabatan Alam Sekitar tetapi di situ, di tempat lain, pihak kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan meluluskan projek yang mencabul alam sekitar, ia merupakan satu pembaziran wang rakyat. Oleh itu saya berharap, kata pepatah Melayu, "*seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul*" tidak berlaku di dalam kes ini. Oleh itu, saya berharap menteri akan, menteri tidak hadir, saya berharap timbalan menteri akan memberi satu jawapan kepada saya dan tidak akan hanya mengusirkan atau menepikan apa yang saya bangkitkan sebab seringkali apa yang saya bangkitkan masalah rakyat, tidak dijawab oleh menteri dan timbalan menteri.

Jadi, saya terpaksa memberi satu peringatan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Saya hendak bagi seorang lagi sahaja.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Jeli, Jeli.

Tuan Pengerusi: Antara dua, siapa hendak berucap?

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Jeli, Jeli ya?

Tuan Pengerusi: Jeli, ya. Sila. Selepas itu menteri menjawab.

4.57 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Oleh kerana kita bercakap dalam Bekalan 46 Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, ingin saya merujuk kepada firman Allah S.W.T yang menyentuh hal-hal sains yakni surah pertama yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Besar Muhammad s.a.w.

[Membaca beberapa baris ayat Al-Quran] Yang bermaksud

“*Bacalah ataupun belajarlah dengan nama Tuhan manusia yang menciptakan manusia daripada segumpal darah*”.

Kemudian saya ingin memperbetulkan teman saya daripada Rompin yang mengatakan bahawa kerajaan Terengganu telah meluluskan dua lesen judi yang baru. Itu petikannya daripada *Utusan Malaysia* tetapi petikan daripada *Berita Harian* mengatakan hanya dua lesen arak bukan judi.

Ini UMNO punya surat khabar, dua-dua sudah bertembung ini – *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*. Jadi, saya minta diperbetulkan, Dewan dimaklumkan hal yang sebenarnya.

Bekalan 46 Butiran 030000 - Penyelidikan dan Pembangunan (Sains Teknologi) berjumlah RM57,650,600. Butiran 030100 di bawah Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear (MINT) sebanyak RM19,685,300. Apabila kita menyebut tentang nuklear, maka nama Albert Enstine terpacar. Nama nuklear tidak boleh dilekangkan dengan nama Albert Enstine. Perkataan nuklear secara meluas disebut semasa Perang Dunia Kedua yakni pada sekitar tahun 1940-an. Ini bermakna lebih kurang 40 tahun yang lalu. Manakala jabatan ini yang dulunya dikenali sebagai Puspatti ditubuhkan pada awal 70-an dan tokoh yang paling berpengaruh mengepalai jabatan ini ialah Profesor Tan Sri Dato' Dr. Ghazali. Ini bermakna jabatan ini telah melebihi 30 tahun usianya. Saya tidak mahu bangkitkan sama ada peruntukan ini kecil atau besar kerana ia bergantung kepada setakat mana ukuran pencapaian yang diharapkan. Kalau tidak ada penemuan-penemuan baru maka mungkin peruntukan ini melebihi, tapi kalau banyak penemuan baru yang diharapkan maka peruntukan ini adalah jauh daripada mencukupi.

Tenaga nuklear bukan hanya digunakan untuk tujuan berperangan tetapi juga untuk kuasa tenaga penjana elektrik dan lain-lain. Tetapi saya sedikit hairan kenapa negara-negara seperti Pakistan, India dan Iran yang lebih terkebelakang daripada kita dari segi teknologi kononnya telah menemui dan menguji tenaga nuklear mereka. Saya difahamkan di Indonesia telah ditemui kaedah menggunakan tenaga nuklear untuk menjana tenaga elektrik negara. Tetapi negara kita sekarang ini apakah penemuan-penemuan yang telah dicapai oleh negara yang bersangkutan dengan jabatan ini ataupun dengan perkataan nuklear itu sendiri semenjak jabatan ini ditubuhkan secara rasmi di zaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Kedua yang dikenali

sebagai Bapa Pembangunan Negara dan saya ingin tambah Bapa Perpaduan Negara dan bukannya Bapa Fitnah negara.

Walaupun saya sedar peruntukan ini jauh lebih kecil dengan apa yang diperuntukkan oleh negara seperti Singapura, Indonesia, Pakistan, India dan Iran bagi jabatan-jabatan yang bersangkutan dengan nuklear tapi kalaulah penemuan-penemuan yang berasaskan nuklear telah ditemui di manakah ianya telah digunakan di dalam negara kita.

Seterusnya Butiran 030300 - Direktorat Bioteknologi Kebangsaan (DBK), RM477,300. Selain daripada teknologi informasi, ini adalah bidang yang kedua sepatutnya diberi penekanan oleh kerajaan. Kita lihat syarikat-syarikat dengan izin, top hundred di Amerika Syarikat dan Eropah selepas syarikat-syarikat berasaskan teknologi informasi, syarikat-syarikat yang berasaskan bioteknologilah yang banyak mengisi tempat top hundred di Amerika Syarikat dan Eropah. Ubat-ubat dan dadah-dadah yang terkawal yang ditemui adalah melalui proses bioteknologi untuk menyembuh dan menahan penyakit. Kegunaannya yang paling meluas di seluruh dunia. Selepas dengan izin, the sunset of industry bomoh dunia, maka industri bioteknologi semakin maju tapi kita lihat kita belum pernah dengar apa-apa penemuan dalam bidang bioteknologi dalam negara kita yang boleh dibanggakan. Kalau ada saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berada di sini tolong hebahkan kepada Dewan ini. Tetapi di India banyak penemuan baru dalam bidang bioteknologi ini dan produk-produk yang mereka keluarkan daripada industri bioteknologi ini lebih murah walaupun teknologinya sedikit rendah berbanding dengan negara-negara maju. Tetapi di negara kita industri-industri ini hampir dimonopoli oleh syarikat-syarikat multinasional luar, manakala syarikat-syarikat daripada negara kita mungkin remedy dan lain-lain yang terlibat dengan industri bioteknologi tetapi itupun diperingkat pertengahan.

Jadi, saya nak mencadangkan akan jabatan yang dikaitkan dengan bioteknologi ini diberi penekanan yang lebih serius dengan diwujudkan jabatan tersendiri bioteknologi tanpa terikat dengan jabatan-jabatan yang lainnya atau diletakkan di bawah jabatan-jabatan yang lain. Sepatutnya bidang ini yakni bioteknologi diberikan penekanan yang hampir seimbang dengan bidang teknologi informasi. Kalau dalam untuk menggalakkan bidang teknologi informasi, kerajaan mewujudkan MDC dengan izin, *Multimedia Development Corporation* dan Bandar Cyberjaya yang menelan belanja ribuan juta tetapi dalam bidang bioteknologi apakah jabatan yang ada gahnya untuk mempromosi bidang bioteknologi ini. Sebab itu saya syorkan agar peruntukan yang beratus kali ganda daripada peruntukan sebanyak lebih kurang RM477,000 diperuntukkan untuk bidang bioteknologi ini.

Selain itu diadakan skim insentif atau upah tambahan atau upah dalam bentuk apa-apa jua yang sesuai agar untuk memotivasikan penyelidik-penyelidik di jabatan-jabatan yang terlibat dengan penyelidikan agar penemuan-penemuan terbaru dapat ditemui dengan segera dan banyak. Imbuan ini boleh jadi dalam bentuk kewangan untuk kumpulan penyelidik yang menemui ciptaan-ciptaan baru atau kepada individu-individu penyelidikan.

Seterusnya kepada Butiran 030400 - Pusat Remote Sensing Negara (MACRES) - RM4,996,500. Pada asalnya jabatan ini adalah di bawah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia tetapi lebih kurang sepuluh tahun dahulu ia telah diasingkan daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan mungkin untuk memberi penekanan yang lebih atau prominency yang lebih terhadap jabatan ini. Jabatan ini banyak membantu jabatan-jabatan kerajaan yang lain dalam mencantumkan, mentafsir gambar-gambar satelit untuk tujuan perancangan, statistik dan pertahanan. Tetapi setakat ini jabatan ini masih membeli gambar-gambar satelit daripada Thailand yang mana gambar-gambar satelit ini diambil daripada satelit-satelit kepunyaan umumnya Amerika Syarikat. Pada jangka panjang, ini bahaya kerana segala maklumat dan kedudukan negara berada di tangan Amerika Syarikat melalui satelitnya maka saya mencadangkan agar pada waktu terdekat kalau boleh sebelum tahun keramat 2020 Malaysia dan negara-negara

sahabatnya ASEAN melancarkan satelit mereka sendiri secara gabungan dan kalau boleh pakailah teknologi satelit daripada negara yang telah terbukti kejayaannya dan bukan teknologi satelit setelah dilancar tengok-tengok ia tidak mengikut spesifikasi dan tidak berfungsi.

Sepertimana kerajaan Malaysia pada awal 80-an membina tiang besinya atas nama Perwaja kerana bernafsu besar sangat untuk melibatkan dalam industri berat, tiba-tiba mesin yang dibeli tidak seperti mana yang dispesifikasikan oleh Mitsui, sehingga sekarang kerajaan terpaksa menanggung kos liabiliti melebihi sepuluh ribu juta dan pada tahun ini kerajaan masih suntik melebihi seribu juta dan kes pendakwaannya masih dimuziumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Kalau kerajaan boleh suntik melebihi seribu juta kepada Perwaja dan membelanjakan lebih kurang RM250 juta untuk 'mahligai' Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Putrajaya dan lebih kurang RM250 juta termasuk accessories, dengan izin dan ubahsuai untuk jet peribadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kenapa kita tidak belanjakan lebih kurang seribu juta ringgit untuk melancarkan satelit berteknologi terkini hak milik negara kita sendiri. Jangan pandang enteng, mudah, remeh tentang pemilikan satelit sendiri. Terlalu banyak kegunaannya dengan memiliki satelit sendiri. Hanya '*jauhari yang mengenal manikam.*' Rompin boleh jawab bab ini.

Seterusnya....Rompin Tak ada. Tak ada Rompin. Butiran 040200 - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) lebih kurang RM18 juta. Saya ingin kerajaan melihat dan ingin menanya apakah kerajaan tidak bercadang untuk meniru pelancongan ala safari di Kenya yakni negara di Afrika Tengah. Pelancong-pelancong dibawa dengan kenderaan yang selamat dan dikawal oleh dengan izin, guide pelancong yang cekap untuk membawa pelancong-pelancong melihat binatang-binatang liar di negara tersebut secara, dengan izin, live dan bukannya di zoo. Ekoran daripada popularnya pelancongan ala safari di Kenya tersebut sehingga banyak pembikinan filem-filem Hollywood bukannya Bollywood yang mengambil lokasi-lokasi di sana untuk mempopularkan filem-filem bertaraf dunia mereka.

Kita juga boleh lakukan perkara yang sama yakni dengan menggunakan guide-guide yang mampu untuk membawa pelancong-pelancong melihat secara live binatang-binatang liar di taman-taman negara kita sendiri. Bagi saya yang penting untuk melakukan ini ialah kerajaan perlu mempunyai iltizam dan 'jaddiyah' yang tinggi untuk membuktikan slogan '*Malaysia Boleh*' dilaksanakan.

Seterusnya MIMOS. Saya mendapat berita bahawa MIMOS pada asalnya salah satu program selain daripada Jaring, *.com.my* ini, ia hendak fokus kepada kilang berteknologi tinggi sesuai untuk dibina di Kulim Hi-Tech, yakni kilang yang berasaskan pada Wafer, dengan izin, *Wafer Fabrication*. Jadi setakat mana sudah persiapan dan juga setakat mana sudah persediaan yang telah dibuat oleh MIMOS dalam hendak memastikan bahawa projek berteknologi tinggi Wafer Fabrication ini telah dilaksanakan kerana negara Singapore telah mempunyai dua kilang Wafer Fabrication dan mungkin lebihlah. Saya rasa mengikut dua tahun sudah, sudah ada dua. Yang terbaru saya belum pasti tetapi negara kita masih belum mempunyai kilang Wafer Fabrication. Walaupun telah ramai saintis -saintis daripada luar negara, daripada Amerika Syarikat yang saya temui bekerja di MIMOS untuk membantu kerajaan dari segi mewujudkan kilang-kilang Wafer Fabrication yang pada asalnya dicadangkan di Kulim Hi-Tech. Jadi, setakat manakah perkembangan tentang cadangan kerajaan untuk mewujudkan kilang Wafer Fabrication? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Timbalan Menteri menjawab.

5.13 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, nampaknya perbincangan di peringkat

jawatankuasa untuk Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dapat begitu banyak cadangan, pandangan dan juga ulasan-ulasan menunjukkan bahawa minat pimpinan dan juga masyarakat di negara kita mengenai sains dan teknologi telah begitu meningkat. Saya akan cuba memberikan penjelasan-penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya catatkan ada dua belas orang semuanya yang tentunya agak panjang juga. Saya tidak tahulah berapa lama Tuan Pengerusi berikan kepada kementerian untuk menjawab.

Tuan Pengerusi: Ya, sila, sila cubalah. Jangan panjang sangat, Yang Berhormat.

Dato' Zainal bin Dahalan: Saya akan cuba seberapa ringkas yang boleh. Pertama sekali, mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Nerus. Saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas pandangan yang begitu special, pandangan yang begitu menarik di atas cadangan yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat itu. Bagaimanapun, setakat ini dari segi menetapkan Garis Tarikh Antarabangsa ataupun International Date Line yang kita pakai dalam sistem kalendar ataupun berasaskan kepada sistem kalendar, hari ini yang diterima pakai sebagai sistem kalendar awam ataupun civil calendar antarabangsa. Ini membolehkan hari ataupun hari yang baru bermula pada jam 12.00 malam - iaitu minimum aktiviti di kawasan yang tiada berpenduduk, iaitu 180 degree timur-barat.

Dalam Islam, kita mempunyai sistem kalendar yang berasingan daripada kalendar Masehi yang digunakan, iaitu kalendar sistem Hijrah yang digunakan dengan definisi hari bermula selepas Asar ataupun selepas Maghrib, berbeza perkiraan dengan hari-hari biasa yang digunakan dalam sistem, kita katakan sistem barat.

Satu projek untuk mengantarabangsakan penggunaan kalendar Hijrah juga sedang dijalankan oleh pihak USM dengan sokongan OIC. Dalam konsep ini, garis untuk permulaan bulan baru digunakan kedudukannya berbeza dari sebulan ke sebulan ataupun berubah dari sebulan ke sebulan. Isu daripada hari sudah diterima pakai di seluruh masyarakat antarabangsa dan buat ketika ini, kita tidak perlu pertikaikan. Cadangan ini satu cadangan yang begitu besar implikasinya yang perlu kepada apa yang disebut tadi kepada keputusan yang dikatakan soal fatwa dan juga mungkin penerimaan daripada seluruh dunia, kalau tidak pun daripada kalangan OIC. Tetapi sebagaimana juga sistem kalendar yang digunakan oleh masyarakat Islam dengan menggunakan tahun Hijrah juga, ini satu perkara yang mungkin boleh difikirkan untuk jangka masa yang akan datang.

Mengenai definisi alaf baru, saya pun tidak ingin berhujah secara panjang....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kuala Nerus, bangun.

Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya pernah menghantar e-mail kepada beberapa tempat dalam dunia ini berkenaan dengan pandangan saya tadi dan jawapannya samalah sebut kalendar. Cadangan saya tidak ada kena-mengena langsung dengan kalendar, tidak ada kena-mengena langsung. Ini merupakan International Date Line 'Shamsiah' bukan 'Qamariah' yang diutarakan oleh Dr. Elyas di USM. Dia cuba hendak buat satu garisan International 'Qamariah', yang saya cadangkan ialah 'Shamsiah'. Kita tidak perlu mendapat persetujuan daripada negara Barat. Negara Islam sahaja perlu isytihar kerana implikasi itu yang saya bimbang. Siapakah yang patut bertanggungjawab kalau benarlah ada tempat yang sembahyang Jumaat, hari Sabtu. Kalau kita yang sedar, siapa yang bertanggungjawab? Kita tidak perlu mendapat persetujuan daripada mereka cuma kita sahaja, di kalangan negara Islam perlu membuat satu ketetapan. Garis tidak perlu ubah, pusat kita bukan di kita bukan hendak jadikan sifar itu di garis 40 - tidak, 40 tetap 40. Cuma kita isytiharkan 40 itu pusat kita dan International Islamic, International Date Line ialah pada 140 darjah timur. Isytiharkan sahaja, tidak perlu ubah garisan itu kerana implikasi hari itu tadi.

Berkenaan dengan hari bermula Maghrib, bermula dengan tengah malam itu, perbezaan 'Shamsiah' dengan 'Qamariah'. Saya sebutkan sini ialah 'Shamsiah' - Matahari bukan 'Qamariah'. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih, Yang Berhormat. Oleh kerana ini satu perkara yang besar dan juga tidak hanya melibatkan soal Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, jadi saya tidak ingin mengulas lebih panjang lagi. Bagaimanapun, apa yang berlaku hari ini segala ketentuan yang telah ditetapkan dari segi waktu sembahyang dan sebagainya saya ingat sudah menjadi kebiasaan kita, jadi janganlah ditimbulkan sebarang masalah, mungkin yang akan menimbulkan banyak lagi implikasi yang lain.

Mengenai tafsiran alaf baru, secara saintifik ataupun definisi astronomi, alaf ketiga, alaf baru yang kita sebut hari ini bermula pada 1 Januari 2001. Bermakna apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu memang benar. Ini ada juga pendapat-pendapat yang telah dinyatakan di dalam majalah-majalah dan juga makalah-makalah tertentu mengenai perkara ini. Tetapi acara ataupun acara sosialnya seluruh dunia telah menyambut apa yang disebut sebagai 'masuk alaf baru' yang disambut pada 1 Januari 2000. Memangnya dari segi perkiraan saya sebut tadi secara saintifik ataupun daripada segi astronomi memang alaf baru itu bermula pada 1 Januari 2001.

Seterusnya saya ingin menjawab ataupun memberikan penjelasan mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong.

Pertama, berkaitan dengan kajian ke atas kesan alam sekitar sebagai apa yang kita laksanakan sekarang ini kajian EIA adalah sebagai planning tool ataupun alat perancangan sebelum sesuatu projek itu ditetapkan untuk dilaksanakan, namun masih berlaku soal pencemaran dan sebagainya. Jadi, cadangan untuk mewujudkan satu istilah apa yang disebutkan sebagai Strategic Environmental Assessment ataupun SEA, kementerian akan pertimbangkan cadangan ini. Mungkin satu pilot projek boleh dilaksanakan bagi menentukan ataupun menentupasti kesesuaian pemakaian SEA ini.

Berkenaan dengan

Tuan Pengerusi: Tuaran bangun.

Tuan Wilfred Madius bin Tangau: Sedikit penjelasan tentang EIA sebagai *planning tool* tadi. Jadi adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan keperluan untuk menyediakan laporan EIA ini kepada para pemaju bagi projek-projek yang terletak di bawah *prescribed activities* di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1987 supaya para pemaju ini juga akan mengambil *consultant* EIA seperti juga mereka mengambil architect atau structural engineers dalam permulaan menyediakan development plan atau DP. Sebab apa yang berlaku pada masa ini iaitu *development* plan akan dibuat oleh *engineers* dan juga *architect* dan selepas itu baru dihantar kepada pihak berkuasa tempatan untuk kelulusan.

Pihak berkuasa tempatan akan memberitahu bahawa projek ini terletak di bawah *prescribed activities* dan oleh sebab itu diperlukan laporan EIA. Dan selepas itu konsultan EIA akan diambil dan apabila konsultan EIA menilai kesan alam sekitar projek tersebut maka dilihat bahawa design tadi juga adalah sebahagian daripada yang akan mengakibatkan pencemaran alam sekitar.

Jadi, penjelasan yang saya minta adakah pihak kementerian mencadangkan supaya pihak pemaju ini diwajibkan untuk mengambil konsultan EIA pada semua projek yang terletak di bawah *prescribed activities* samalah juga pihak pemaju mengambil architect ataupun structural engineer. Terima kasih.

Datuk Haji Zainal bin Dahalan: Perkara ini akan kita semak untuk pertimbangan. Mengenai dengan perkara yang dibawa oleh Mambong juga berkenaan dengan bioteknologi dan sebagainya...

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan. Saya minta penjelasan sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan EIA ini, kadang-kadang saya melihat bahawa sesuatu projek itu ataupun EIA itu dibuat lebih kepada untuk disesuaikan dengan sesuatu aktiviti atau projek. Umpamanya, sesuatu projek khususnya oleh pemaju dari pihak kerajaan sendiri mengumumkan sesuatu projek barulah EIA itu diambil. Dan kadang-kadang EIA itu dibuat untuk disesuaikan dengan projek yang telah pun ada kepentingan kerajaan. Saya tunjuk contoh, umpamanya seperti projek tambak laut di persisiran pantai di negeri Kedah yang diumumkan oleh bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada musim yang lalu. Dimum dulu barulah diambil EIA, sedangkan ada kajian-kajian yang dibuat bahawa ia akan memberikan kesan kepada alunan ombak kepada kepentingan nelayan-nelayan pantai akan terjejas. Dan ini juga harus diambil kira supaya EIA tidak diguna untuk menyesuaikan dengan projek yang pemaju sama ada pihak swasta atau pihak kerajaan ada kepentingan. Seharusnya EIA mengambil kira soal kepentingan ramai, kepentingan awam itu sendiri.

Datuk Haji Zainal bin Dahalan: Yang Berhormat daripada...

Tuan Pengerusi: Pokok Sena.

Datuk Haji Zainal bin Dahalan: Pokok Sena ya. yalah, mungkin kadang-kadang ada perkara-perkara yang difikirkan projek itu sesuai untuk dilaksanakan oleh sebab-sebab dan alasan-alasan tertentu sebelum mendapatkan laporan EIA tetapi walau bagaimanapun kelazimannya apabila keputusan telah dibuat maka kita percaya bahawa laporan EIA itu adalah satu perkara yang boleh dikatakan diwajibkan untuk diberikan kelulusan terlebih dahulu. Mengenai soal...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Satu lagi Yang Berhormat. Kadang-kadang kita lihat juga tentang EIA yang dibuat melalui konsultan yang ada, umpamanya di negeri Kedah di Empangan Beris. Saya persoal juga bahawa konsultan yang diambil adalah daripada Jepun sedangkan kalau mengikut sejarahnya bahawa Jepun lebih muda usianya dari sudut pengamalan EIA ini daripada negara kita. Kadang-kadang bahawa kesesuaian ataupun melihat kepada kepentingan-kepentingan masyarakat setempat itu tidak dilihat dan seharusnya bagi saya EIA juga harus mengambil kira soal bukan sahaja alam sekitar tetapi alam sekitar yang menyentuh soal kesan sosial kepada masyarakat supaya memastikan bahawa kepentingan masyarakat itu akan lebih terjamin. Saya melihat contoh bahawa kesan sosial seperti yang pernah dilaporkan oleh CAP, Persatuan Pengguna terhadap projek di Bakun. Kesan sosial yang dihadapi oleh mereka ialah apabila projek Bakun itu dilaksanakan dan tanah mereka diambil akhirnya mereka terpaksa dibebankan dengan satu kos yang tinggi yang tidak setimpal dengan apa yang mereka perolehi. Umpamanya pembinaan rumah untuk mereka. Mereka terpaksa membayar rumah itu dengan satu unitnya RM52,000–RM52,000 yang ditolak daripada wang pampasan pengambilan tanah mereka itu sendiri sedangkan rumah yang langsung tidak berkualiti dengan tangganya patah dan sebagainya. Ini rumah panjang - RM52,000. Sebab itu saya kira bahawa EIA itu sangat penting tetapi harus mengambil kira soal kesan sosial. Sebab itu saya kalau boleh diwujudkan satu lagi social impact assessment, perlu dibuat yang menyentuh soal yang lebih menyeluruh dan kalau bolehia mesti dikeluarkan secara khusus, bukan lagi berada dalam EIA tetapi secara khusus untuk memastikan satu-satu projek itu diambil kira soal kesan sosialnya.

Datuk Haji Zainal bin Dahalan: Untuk makluman Yang Berhormat, memanglah biasanya dalam laporan EIA ini sebahagian daripada perkara yang diberikan pertimbangan ialah mengenai dengan social impact ini. Tetapi dalam kes-kes tertentu mungkin sedangkan laporan EIA itu sendiri kadang-kadang sesetengah pihak PBT pun ataupun pemaju sendiri tidak dapat memenuhi ataupun mematuhi semuanya. Jadi soal pengambilan konsultan sama ada dari luar negeri atau dalam negeri itu adalah pertimbangan daripada pihak yang terlibat setelah memikirkan dari segi perbandingan kos dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Ya, Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat. Walaupun saya menerima penjelasan Yang Berhormat dan pandangan kerajaan. Walaupun saya menerima apa yang dikata oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi itu memang betul, kita mesti melihat juga kesan impaknya kepada masyarakat. Saya percaya kalau di Sarawak kita memang ada membuat di dalam penyelidikan itu ada kesan sosial dilihat. Tetapi dalam masa yang sama saya tidak bersetuju tentang projek Bakun itu sebagai satu contoh mengatakan iaitu soalan orang yang membuat rumah, membeli rumah dengan harga gantian tanah. Oleh kerana orang yang bercakap ini, orang yang menulis ini tidak tahu menahu soal undang-undang adat dan pengambilan tanah di Sarawak. Jadi banyak orang di Sarawak bahkan keseluruhannya mengatakan penggantian tanah di projek Bakun itu adalah berlebihan daripada nilai harga tanah yang sebenarnya seperti mana yang diguna pakai di tempat-tempat lain. Jadi soalan projek Bakun itu tidak boleh diguna sebagai contoh kepada persoalan-persoalan kesan sosial dan masyarakat. Terima kasih.

Datuk Haji Zainal bin Dahalan: Terima kasih atas ulasan daripada Yang Berhormat. Seterusnya daripada Mambong tadi berkaitan dengan cukai alam sekitar. Jadi dari segi kerajaan berbelanja lebih dari denda yang dikenakan oleh itu mencadangkan supaya mengenakan kaedah *a polluter pay principal* dilaksanakan. Jadi kini kaedah *polluter pay principal* telah pun dilaksanakan. Misalnya bagi kes-kes pelupusan buangan haram pihak-pihak yang dihukum akan diminta juga membiayai kos-kos pembersihan sistem ini akan diperluaskan bagi menangani kes-kes pencemaran yang lain. Jadi kajian yang akan dijalankan ini termasuklah kesesuaian cukai alam sekitar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

Datuk Haji Zainal bin Dahalan: Panjang lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi ya. Kalau begitu sambung pada hari Isnin ya.

Datuk Haji Zainal bin Dahalan: Terima kasih.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga hari Isnin jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.